

98-4087

AHMAD LUTFI OTHMAN

**MUFTI LAWAN
MAHATHIR?**

KANDUNGAN

1. Pembuka Bicara:	
Cabaran Sanusi Untuk Bermandi Darah Disambut	1
2. Dilema Penulis Politik: Malam Hitam Memanjang	9
3. Mahathir Cemburu Pengaruh Ulamak	25
4. Pemikiran Islam Mahathir Merbahaya?	34
5. Ulamak Ditolmah, Ulamak Dipersalah:	
Mufti Perak Jawab	45
6. Jika Mahathir Lawan Ulamak, Rakyat Sebelahi Siapa	57
7. Membaca Minda Mufti Selangor	73
8. Umno Selangor Gazetkan Fatwa Mengapa Mufti Dikutuk?	85
9. Sudahlah Mahathir Keliru, Pandangan Anwar Lagi Mengelirukan	94
10. Isu KRU-P.Ramlee: Bukti Kabinet Hina Majlis Fatwa	109
11. Mengapa Dunia Tolak Raja	122
12. Dr. Haron Din Minta Buktikan Tuduhan	140
13. Neo-Sekularisme Lawan “Islam Rasmi”	145

- | | |
|-----------------|------------------|
| Cetakan Pertama | - September 1997 |
| Cetakan Kedua | - September 1997 |
| Cetakan Ketiga | - September 1997 |
| Cetakan Keempat | - Oktober 1997 |

© Hakcipta terpelihara.

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada **PENERBITAN PEMUDA.**

APB 941050

05 MAR 1998 **NASKHAH PEMELIHARAAN**
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Diterbitkan oleh:

PENERBITAN PEMUDA

34M, Jalan Dewan Sultan Sulaiman

Off Jalan Tuanku Abd. Rahman

50300 Kuala Lumpur

Tel: 03-4977619 (R).

m

320.9595
AHM ✓ 80

PEMBUKA BICARA

CABARAN SANUSI UNTUK BERMANDI DARAH DISAMBUT!

Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad marah betul - bukan marah main-main, bukan marah politik lagi - kerana pada anggapannya, Mufti Selangor, Dato' Haji Ishak Baharom menuduhnya murtad atau hampir murtad. Hulubalang setianya, Sanusi Junid, mula menunjuk belang. Sanusi memberi amaran kepada sesiapa yang menuduh Mahathir murtad, supaya mengulanginya di Kedah, dan kemudian dia bersedia untuk mandi darah bersama orang yang menuduh itu!

"Sanusi jangan cakap sembarangan," kata seorang rakyat Kedah, dari Baling, yang saya temui di Bank Islam, Medan MARA, Kuala Lumpur. "Memali sudah mandi darah. Lubuk Merbau juga menjadi saksi. Jangan terlalu angkuh dan bongkak dengan bakat samseng kamu itu," sambungnya, separuh menggil menahan amarah, sambil memerhati tepat ke arah mata saya. Saya hanya mampu menepuk bahunya.

Sebenarnya saya tidak menonton siaran berita TV3 yang melaporkan cabaran Sanusi itu, tetapi ramai kawan-kawan

menelefon saya: "Lutfi, kalau betul hang anak Kedah, sambutlah cabaran Sanusi dalam TV semalam!" "Cabaran apa?" saya bertanya balas. "Sanusi nak mandi darah dengan orang yang berani tuduh Mahathir murtad." "Takkan ulamak yang warak seperti Dato' Ishak Baharom pun Sanusi nak isytihar perang. Kalau dengan Mahfuz (Ketua Pemuda PAS Kedah), lainlah!" jawab saya, Kalau sebelum Sanusi balik Kedah, saya tidak terkejut dengan kenyataan Menteri Kedah itu. Memang itu feel Sanusi. Tetapi selepas beliau membina imej yang baik sebagai MB, saya boleh bersetuju dengan pandangan seorang teman, "Sanusi sudah balik kepada perangan asalnya, yang menyebabkan beliau hampir tersingkir daripada arus perdana Umno satu ketika dulu."

Serta-merta terlintas di fikiran tentang apa yang saya tulis tiga tahun lalu, dalam buku *Krisis Anwar-Mahathir: Daim Pencetus Kontroversi Baru*, keluaran Penerbitan Pemuda, Julai 1994. Saya yakin, saya pernah mengaitkan istilah "mandi darah" dengan batang tubuh Sanusi. Segera saya menyelongkar bilik bacaan; buku yang mendapat sambutan luar biasa itu masih berbakri. Izinkan saya mengutip kembali sebahagian daripadanya dalam bab "Mengapa Mahathir Akan Terus Kekalkan Sanusi?":

Benar, Sanusi sudah kalah. Dan kekalahannya agak teruk. Daripada 1,768 undi yang dibuang, Sanusi hanya mendapat sokongan dari 525 perwakilan, iaitu tidak sampai pun satu pertiga daripada jumlah keseluruhan undi, hanya 29.7 peratus undi. Namun secara peribadi saya rasa Mahathir mengundi Sanusi. Mahathir dijangka terus mengekalkan Sanusi, seorang tokoh penggempur yang cukup baik bagi mendombrak apa saja yang menjadi penghalang. Mahathir tidak akan mempunyai seorang panglima yang lebih berani dan lantang bersuara bagi mewakili kepentingannya dalam apa saja keadaan, melebihi Sanusi. Hanya Sanusi boleh diharap "bermandi darah" untuk menyelamatkan Mahathir. (Krisis Anwar-Mahathir, halaman 88-89)

Rustum A. Sani juga mengakui kemarahan Mahathir itu dalam kolumnya, *Utusan Malaysia*, 20 Ogos 1997. "Suaranya (Mahathir) bergetar, penuturnya terputus-putus," kata Rustam. Mengenai

cabaran Sanusi, Rustam merumuskan: “Saya kira ancaman ini menggambarkan keadaan ekstrim yang bukan sahaja menggunakan monopoli kekuasaan, tetapi juga monopoli keganasan (*violence*) untuk menghapuskan perbincangan dan perdebatan yang sihat.”

Bagi saya, perbincangan dan perbahasan yang sihat, antara lain, harus berdasarkan maklumat dan fakta yang tepat serta tidak timbul kekeliruan terhadapnya. Tidak ada kekaburuan tentang maudhuk yang dibahaskan. Saya tak pasti apakah Mahathir sendiri yang membaca kandungan laporan yang dibuat oleh *Harakah* itu, ataupun “dicucuk” oleh juak-juak sekeliling. Dia memang patut marah dengan tuduhan murtad sekiranya dia memang dituduh begitu.

Sedangkan, Mufti Selangor hanya mencirikan perkara-perkara yang boleh menggugurkan iman seseorang. Dan ini sememangnya diakui sendiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr Abdul Hamid Othman. Dr Hamid bolehlah kita anggap sebagai penasihat agama PM.

Semasa berceramah di Batu 6 Tambun, 15 kilometer dari Ipoh, Dato’ Haji Ishak Baharom menegaskan, beliau tidak pernah mengeluarkan kenyataan yang menuduh PM telah murtad: “Saya tidak kata Perdana Menteri murtad, apa yang saya nyatakan, ramai pemimpin negara yang tidak berfikir dahulu sebelum mengeluarkan kenyataan yang boleh menyebabkan syahadah mereka tergelincir.”

“Saya tidak sebut pun Dr Mahathir murtad, pasal apa pula dia terasa,” kata Mufti.

Beliau seterusnya menghuraikan beberapa kalimat yang boleh membuatkan seseorang itu murtad. Antara lain, mereka yang menyatakan, “jika dilaksanakan Hudud, banyaklah tangan kudung, bolehlah makan sup jari,” atau, “jika dilaksanakan hukuman rejam, tidak dapat buat jalan raya sebab kehabisan batu”. Haji Ishak juga mengulangi, sesiapa yang mempersendakan hukum Allah, sama ada melalui lisan atau benci dalam hati, ia boleh jadi murtad.

Meneliti kembali persoalan yang berbangkit, kita menjadi keliru dengan topik sebenar yang mahu diselesaikan. Apakah hanya

kerana tangkapan yang dibuat kepada tiga model remaja Melayu yang bertanding ratu cantik, atau benarkah ia disebabkan penerangan mengenainya tidak meluas, walhal ia dilakukan menurut peraturan yang ada? Mahathir sendiri mengakui beliau tidak menentang peraturan yang mengharamkan gadis Melayu menyertai pertandingan ratu cantik. (Bagaimana hendak ditentangnya kerana ia diluluskan oleh DUN Selangor, yang didominasi Umno).

Yang ditentang hanya pelaksanaan. Soalnya, pelaksanaan yang bagaimana? Dan apakah kecaman Mahathir itu tidak bermotif jahat; bukankah JAIS itu salah satu agensi kerajaan, Mahathir boleh menegurnya melalui kaedah dalaman yang selama ini digunakan, tak perlu bising-bising, tak perlu heboh-heboh. Lagi pula semasa kejadian, Mahathir bercuti di luar negara. Sepatutnya serahkan saja pada pemangkunya, Anwar. Biar Anwar selesaikannya, awak tu berehatlah dengan tenang! Kalau pertelagahan terbuka sesama menteri, misalnya perdebatan antara Annuar Musa dan Lim Kheng Yaik — semasa ketiadaan Mahathir — ditegur Anwar agar diselesaikan sesama sendiri, agaknya apakah pula nasihat yang patut diberi kepada Mahathir supaya beliau dapat menangani masalah JAIS dan ratu cantik ini secara sewajarnya?

Fatwa pengharaman ratu cantik dan hukuman terhadap sesiapa yang mengengkarinya telah diwartakan pada 11 Mei 1995 lagi, iaitu 25 bulan sebelum Fahyu Hanim, Noni dan Sharma yang menyertai Miss Malaysia Petite 1997 ditangkap. Tak cukupkah lagi tempoh sepanjang itu? Sepatah kata Ustaz Ismail Kamus: “Sebenarnya mengenai undang-undang ini, kitalah yang mencari undang-undang. Umpamanya, undang-undang JPJ, ada siapa yang membaca kesemuanya. Berlambak orang ditangkap kerana pelbagai kesalahan di jalan raya tetapi mengapa mereka diam apabila ditangkap. Undang-undang tanah, undang-undang sewa-menyewa, undang-undang laut dan undang-undang jual beli, kita tidak membacanya tetapi mengapa ia boleh terlaksana?”

Saya sama sekali tidak boleh diyakinkan dengan rasional Mahathir dalam isu ini - meskipun dalam isu-isu lain seperti

ekonomi dan antarabangsa saya menghormatinya - sehingga kuasa Mufti hendak dikajinya semula. Seperti kata bekas Mufti Sabah, Haji Said Ibrahim, apalah kuasa yang ada pada Mufti. Dan bagaimana undang-undang Islam mahu diselaraskan kerana ia sememangnya sudah diselaraskan. Kalau yang tidak selaras, itu bukan undang-undang Islam. Yang boleh diselaraskan ialah yang berkaitan dengan *ta'zir*, iaitu kuasa yang ada pada hakim-hakim, bukannya yang berkaitan dengan undang-undang yang telah jelas nas dan hukumnya.

Saya pun hairan, apa yang dicemburukan Mahathir dengan kuasa Mufti yang begitu kecil itu? Apakah Mahathir merasakan Mufti yang ada, khususnya Mufti Selangor, tidak berwibawa untuk menjalankan kuasa yang ada pada mereka, kuasa untuk memanggil jawatankuasa fatwa dan mengadakan mesyuarat untuk memutuskan fatwa. Selepas itu Mufti tidak berkuasa apa-apa lagi. Apakah kuasa yang sedikit ini pun Mahathir mahu mencabutnya?

Secara peribadi, selama ini saya sendiri tidak meletakkan harapan yang besar kepada Jabatan atau Majlis Agama, bersama dengan para qadhi dan Muftinya untuk mendaulatkan hukum-hakam Allah. Malah, dalam banyak keadaan, kerajaan pimpinan Umno mempergunakan kakitangan jabatan agama untuk bertembung dengan PAS dan mana-mana gerakan Islam yang selalunya kritikal dengan dasar pemerintah. Tanyalah pada Anwar Ibrahim atau Kamarudin Mohd Noor (wakil rakyat baru Umno di Semarak), apa sikap mereka terhadap institusi rasmi agama ini ketika mereka memimpin ABIM. Kita sedar kuasa dan peranan mereka di Jabatan Agama turut terbatas; Mahkamah Syariah pula lagi memalukan, entah syariat mana yang hendak dilaksanakan?

Tetapi apabila mengenali beberapa personaliti Mufti, khususnya Mufti Selangor, saya merasakan adalah tidak adil menyamatarafkhan semua petugas di jabatan-jabatan agama. Sebahagian mereka memang berusaha, sedaya yang boleh dan termampu, untuk mengembangkan Islam dan mendaulatkannya. Melalui ceramah-ceramah yang saya dengar, ulamak-ulamak ini jelas tertekan dan tersiksa dengan apa yang dipaksakan ke atas

Oleh ISMAIL HASHIM

ALOR SETAR: Mufti Selangor, Datuk Ihsan Baharom berkata, rancangan pemerintah kerajaan sekarang yang tidak beristikir alih-alih sebaliknya mengelakkan sifat-sifat kunci yang buleleng menyebabkan syahadah mereka tergeletak.

"Mharti bukunya warga desa esek-pesek yang cuci-perrikaihan syariat Islam misalnya diukur suatu sahaja seperti yang hendak dilaksanakan oleh seorang negeri."

"Walau pun hanya bersifat dalam batas kerajaan petaling dan Kuala Pilah, maknanya adalah saran sahaja," katanya dalam majlis maulidur Ramadhan yang dihadiri oleh ribuan orang di sebuah masjid diukur.

Mereka, ujarnya, tidak cukup hanya melakukau tawat sahaja kerana tanja mungkin melakukau dosa besar begitu sahaja.

Katanya, mereka mestilah mengucap entah meneluk selain memahami bahawa mereka boleh melakukau tanah di atas keselamatan mereka itu.

Beliau cerpnah beliau itu juga, beliau juga mengalirkan rasa kesohongan dengan sikap umat Islam di negara ini yang mungkin tidak pula dengan prinsip-prinsip politik Islam.

Datai' Seri Dama Ustaz, Dato' lebak berkata, mereka sendigkali mengalungi konsumen serupa apabila anjur-jurong setiap kali polisian raya.

"Sudah lelu siksa dan perangai kerajaan yang ada menggapi masih membangkah

AWAS GELINCIR AQIDAH-MUFTI

dan meribetkan undi kepadanya sebaiknya.

"Kesalahuluhan sepatutnya diletakkan kepada rakyat yang mengundi mereka," katanya dalam sesi ceramah itu.

Belaun cerpnah itu, beliau juga mengulas reaksi ramai pemerintah negara apabila Jawatankuasa Agama Islam Selangor (Jais) melaksanakan undang-undang yang dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Sikap mereka, katanya, sedang menyayahikan tindakan laju yang katanya hanya memalokati figi peserta raya sahulah itu.

Kalau pun, mengapa pada rancangan peserta itu yang dengan sengaja mendedahkan surat di khalayak ramai tidak dipertimbangkan?

Dato' Mufti ini juga menyifatkan golongan yang jalan-jalan mempertikaikan tindakan Jais sebagai pembela munafik dan makar.

Balak: Kelantan tolak dakwaan menteri

PASIR PUTIH: Kerajaan negeri merolak sama sekali kenyataan Menteri Tunku yang mendakwa Kelantan tidak memahami konta pembalakan sehingga menyebabkan hutan akar pupus dalam tempoh lima tahun.

Dakwaan Menteri Perhutani mengenai Usulan Darul Murtaha Muhammad, Menteri Perusahaan Awam, Dato Sri Lam Keng Yaik mengenal pasti perkara itu adalah tidak benar dan ia tidak lebil perangga politik.

Jombolan Menteri Besar, Ustaz Abdul Halim Abdul Rahman berkata, catatan tebangan di Kelantan bagi tempoh 1991 hingga 1995 ialah 6,900 hektar setahun dan heringan kepada 4,885 hektar setahun bagi tempoh 1996-2000.

Katanya, kerajaan negeri

mencatat 14,111 yang ditetapkan sejak 1994 iaitu sepujuk tahun ini hanya sebanyak 7,545 hektar dibuka untuk pembalakan.

Manakala pembalakan haram di sebahagian Kelantan Terengganu yang dikehendaki oleh jawatan Perhutanan pada kisaran diatas tidak sah, katanya di sini, Khamis lalu.

Beliau berkata, bilangan pembalakan haram yang dilakukan di negeri ini sejak 1990 semakin berkurangan dan sahaja 55 kes tahun 1990 turun kepada 21 kes (1996) dan hanya 12 kes (semoga Ugos 1997).

Ruru-buru ini Lam Keng Yaik meruakui kerajaan Kelantan gagal memahami konta pembalakan yang ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara biarpun

beberapa kali ditegur.

Manakala Muztapa mendakwa hutan Kelantan akan pupus selama tempoh lima tahun kerana melakukan aktiviti pembalakan yang berleluas bagi mendapatkan sumber pendapatan.

Ustaz Abdul Halim berkata, kerajaan negeri telah mewarntai sebanyak 526,372 hektar (41.9 peratus) daripada jumlah kesusahan tanah sebagai rutan simpanan kekal.

"Peratus itu adalah lebih besar berbanding peratus hutan simpanan kekal semasa menjing istu 36.1 peratus manakala Kawasan yang

ditaruhkan sebagai Taman Negara sebanyak 106,783 hektar dan 18.71 hektar tanah kerajaan yang masih berhutan." Ustaznya.

Katanya, kerajaan negeri

sejak 1993 mengambil sangkutan besar dalam pembiakan kawasan hutan dan kawasan pembalakan dilakukan sebanyak 21,318 hektar setahun bagi tempoh 1991-1995 berbanding 65,859 hektar (1981-1990).

Mengenai kumpulan hasil katanya, bagi tempoh 1991-1995 sebanyak RM437.50 juta berbanding (RM187.47 juta) 1981-1990.

Sehubungan itu, Pengarah Menteri Tunku berkata, kerajaan negeri merentas kerajaan tidak lebih sebanyak kenyataan propaganda publik yang diadakan kerjasama.

Duhanya dakwaan penggordelin herleka di Loring Katunay, ia tidak pernah seharusnya diberikan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Lee Hieng Ding.

mereka. Sayang mereka tidak berkuasa untuk mengubahnya. Mereka hanya mengharapkan perubahan itu berlaku di Dewan-dewan Undangan Negeri dan Parlimen. Mungkin atas hakikat inilah Mufti Selangor terpaksa menyebutkan bahawa ramai umat Islam seringkali mengulangi kesilapan serupa setiap kali menjelang pilihan raya: "Sudah tahu sikap dan perangai kerajaan yang ada, mengapa masih memangkah dan memberikan undi kepada mereka. Kesalahan itu sepatutnya diletakkan kepada rakyat yang mengundi mereka."

Jika Mahathir mengungkit kelemahan dan kesilapan ulamak, banyak pihak yang boleh turut membantu Mahathir menyeraikannya. Seperti pihak lain, termasuk Mahathir sendiri, kesalahan sering terjadi, manakala kelemahan ada di mana-mana. Kalau Mahathir tidak puas hati dengan tidak seragamnya "undang-undang Islam" hari ini, kita lebih-lebih lagi merasa kecewa, marah dan tidak faham mengapa ia harus berlanjutan. Kita juga patah hati melihat ada ulamak yang menjadikan ilmu mereka sebagai barang dagangan. Bagaimanapun ia tidak menyebabkan kita memandang rendah martabat institusi ulamak. Ulamak harus diangkat, sekurang-kurangnya untuk menasihati pemerintah, kalaupun tidak berada di barisan depan menerajui amanah kepimpinan. Kita muahu ulamak turut bersama rakyat, merasai luka kehidupan ummat, dan turut menguasai persada politik negara. Mereka harus bersama rakyat memimpin perubahan.

Pandangan Ustaz Nakhaie mungkin boleh didebatkan lagi, tapi sekurang-kurangnya dapat dijadikan asas perbincangan lanjut: "Penglibatan ulamak dalam politik adalah kemestian kerana pada masa ini politik adalah saluran mencapai tampuk kepimpinan negara. Adalah penting ulamak yang terlibat itu mestilah ulamak yang mantap dari segi keupayaan ilmiah, tradisi keilmuan dan pengalamannya supaya ia dapat mengatasi kecelaruan ilmu dan politik yang dihadapi umat.

"Bukanlah semestinya semua ulamak patut menyertai politik. Tetapi perlu ada sebahagian ulamak dalam kuantiti politik yang boleh mempengaruhi suasana politik mengambil bahagian cergas

dan berkesan dalam politik, sehingga kehadiran mereka dalam politik dapat dirasai dan pengaruh mereka menyerlah. Menyertai politik secara bersendirian tanpa rancangan, strategi dan wawasan, hanya akan menghabiskan waktu sahaja.”

Maafkan saya jika prasangka buruk saya terhadap Mahathir sukar dikikis. Saya tidak nafikan sumbangan Mahathir terhadap kemajuan serta pembangunan bangsa Melayu dan negara ini. Bagaimanapun, saya tetap curiga terhadap idea dan pandangan Mahathir mengenai Islam. Ada saja ketempangannya. Sebagai PM sudah barang pasti Mahathir boleh mengkritik ulamak, tetapi kritikannya kelihatan tidak jujur dan tersasar. Mahathir seperti menyimpan sesuatu terhadap ulamak-ulamak kita. Saya tidak percaya Mahathir mendendami ulamak, seperti tohahan kawan-kawan. Pemikirannya tentang Islam seringkali melencong dan menakutkan. Kita memang memerlukan orang seperti Mahathir untuk membuat reformasi dan perubahan, tetapi bukan dalam bidang yang membabitkan agama. Soalnya, adakah bidang kehidupan yang terpisah daripada agama? Maafkan saya sekali lagi jika saya tetap berpendirian bahawa perspektif Mahathir terhadap agama mengelirukan dan ada kalanya merbahaya dan boleh “menyesatkan”.

Akhir kalam, saya terfikir sekali lagi pandangan Presiden PAS, Ustaz Fadzil Mohd Noor terhadap Mahathir. Bagi Ustaz Fadzil, kalau Mahathir menentang PAS, mungkin itu sikap politik yang mudah dimengerti. PAS adalah saingen terdekat Umno. Mungkin Mahathir menentang PAS bukan kerana dasar perjuangan Islam yang dikemukakan oleh PAS tetapi disebabkan PAS musuh politiknya. Tetapi apabila Mahathir seperti mengisyiharkan perang terhadap JAIS dan Muftinya kerana usaha mereka melaksanakan tuntutan agama, sedangkan JAIS dan Muftinya boleh dianggap sebagai “orang kerajaan”, maka bolehlah kita buat kesilapan bahawa Mahathir menentang PAS bukan kerana semata-mata ia sebuah parti pembangkang, tetapi kerana perjuangan Islam yang dibawanya. Bagi Mahathir, menurut andaian saya, sesiapa sahaja, termasuk pemimpin Umno, yang cuba melaksanakan Islam yang

bertentangan dengan kefahamannya akan dianggap sebagai musuh

Ini juga mengingatkan saya tentang amaran Mahathir dalam suratnya bertarikh 15 Julai 1994, kepada MB Kelantan, Tuan Guru Nik Aziz supaya jangan melaksanakan Hudud di Kelantan: "Jika PAS cuba juga untuk menguatkuasakan undang-undang yang diciptanya ... maka Kerajaan Pusat akan mengambil tindakan yang sewajarnya ..."

Dalam pada itu, sedikit sebanyak saya dapat memahami mengapa Anwar seperti terpaksa membuat rayuan, semasa merasmikan Konvensyen Umno Perak: "Cuma yang saya minta dengan rakan-rakan kita, walaupun kurang bersetuju dengan pendekatan kita, jangan menolak seolah-olah kita terdiri daripada orang yang menentang syariah atau kita sengaja memperkecil atau meremehkan hukum Hudud."

AHMAD LUTFI OTHMAN

Taman Bukit Ampang,
Selangor, Darul Ehsan.
20 Ogos 1997; 1:53 petang

1

DILEMA PENULIS POLITIK: MALAM HITAM MEMANJANG!

Agak lama juga saya “berehat”, tidak menulis buku politik, satu kerjaya yang saya ceburi secara serius bermula 1993. Rasanya lebih setahun, pasaran buku politik gersang. Ramai yang bertanya, sesetengahnya dengan nada separuh mendesak, agar ketandusan itu segera diatasi.

“Isu banyak, panas-panas pula tu. Paling kurang, isu tradisi kau - Anwar - tetap relevan. Mengapa kau tak menulis? Inilah masa yang tepat untuk mencerahkan idea ... dan buat duit!”

Persoalan seumpama itu tidak memerlukan jawapan segera jika saya sendiri masih belum bersedia untuk memulakan proses penulisan. Diakui, kiri kanan, depan belakang, isu tidak pernah putus. Ada-ada saja perkembangan yang wajar diulas dan diberikan pengertian semula. Misalnya, cuti PM selama dua bulan di luar negara pernah mendapat tempat dalam pasaran berita angin politik. Mampukah dan bolehkah Anwar jadi PM? Bagaimana dengan Pak Lah, yang nampaknya boleh memberi saingen kepada Anwar? Macam-macam yang diperkatakan. Macam-macam yang kita dengar. Akhirnya, semua berlalu begitu sahaja apabila PM balik.

Begitu juga dengan cerita bekas Menteri Besar Selangor, Mat Taib, yang ditahan di Brisbane, kerana masalah teknikal membawa wang tunai tanpa mengisyiharkannya terlebih dahulu. Mujur Syed Husin Alatas sempat mencatatkan peristiwa bersejarah itu, walaupun dalam bahasa Inggeris, ia satu pembaharuan. Isu korupsi dan politik wang juga tidak terkecuali. Seluruh negara gempar, seolah-olah perang sudah diisyiharkan kepada pengamal rasuah, sedangkan yang ditahan hanya seorang dua. Itupun masih bertaraf ikan bilis dengan pertuduhan yang tidaklah begitu serius.

“Saya tak yakin Mahathir benar-benar serius nak banteras rasuah. Kalau betul PM mahu bersihkan Kabinet dan pentadbiran kerajaan negeri, sekurang-kurangnya empat lima orang menteri dan MB wajib ditahan,” kata bekas seorang menteri, yang kini lebih senang digelar pengamat sosial. “Tapi, daripada tak buat apa langsung, baguslah sebagai langkah permulaan,” tambahnya.

Berdepan dengan pertanyaan teman-teman, juga berdepan dengan seribu satu isu berbangkit, rasanya menjadi satu kesalahan besar apabila seorang penulis itu hanya menjadi tunggu dan diam membisu begitu sahaja. Apakah sensitiviti yang selalunya cepat membara sudah sejuk tidak bertenaga lagi? Apakah keghairahan mahu mengubah realiti selama ini boleh berkubur begitu sahaja, lalu tamatkah sejarah? Sedangkan seorang penulis, sekali dia menulis, selama-lamanya dia akan menulis.

Seorang penulis mungkin hanya mencatat, memberi tafsiran baru, membuat analisis, menjangka masa depan, membongkar apa yang cuba dipendam, menjulang kebenaran dan menabalkan keadilan. Pengaruh seorang penulis, ya, mungkin amat terbatas, terhad dan, mungkin juga, tidak ada sama sekali. Tapi, penulis yang membawa mesej dan mahu memperjuangkan sesuatu idealisme luhur tidak akan merasa selesa dengan berdiam diri menghadapi asakan zaman dan lingkungannya. Jiwanya sering resah, mendesak, bukan petanda kegelisahan atau kontang nuraninya, tetapi didorong oleh hati kecilnya untuk menyumbang sesuatu.

Biarpun ada kalanya penulis mungkin digolong sebagai insan

yang hidup dalam mimpiya sendiri, namun ia lebih baik daripada terus hanyut dan mengalah dengan realiti yang melemaskan. Kongkongan realiti serba mungkar dan padat dengan kefasadan ini harus dipecahkan jika ia hanya mempertahankan *status quo* kuno yang menyekat perubahan. Perubahan bukan semata-mata atas niat untuk merubah tetapi perubahan yang membawa kebaikan, keharmonian, kedamaian, kecemerlangan. Perubahan menuju keredhaan Allah s.w.t. menuntut ketekunan, ketabahan, kegigihan, tidak mudah patah semangat, di samping bekalan asasi keimanan dan keilmuan yang mantap dan tahan uji. Ramai yang mahukan perubahan, dan sememangnya perubahan tetap akan berlaku, tapi asas dan landasannya bagaimana?

Justeru itu, sesiapa saja tidak harus menyerah dengan tekanan realiti, terutama sekali seorang penulis. Mungkin dalam beberapa hal, penulis dilabelkan sebagai bersikap egoistik, terlalu yakin dengan pandangan sendiri, jarang mempertimbangkan faktor-faktor sekeliling, tetapi untuk tunduk dan mengaminkan apa saja yang berlaku di sekitarnya adalah langkah paling bacul dan memalukan. Oleh kerana saya juga ditakdirkan tergolong bersama penulis yang lain, tidak dapat tidak segala tanggungjawab dan bebanan harus digalas dan dipikul.

Beberapa siri pertemuan saya dengan wartawan veteran, Pak Said Zahari, yang pernah ditahan 17 tahun tanpa bicara, yang mengetuai mogok Utusan Melayu, ia begitu membakar semangat saya untuk terus mengungguli bidang kewartawanan. Nasihat dan dorongannya cukup berkesan. Pesannya, wartawan harus menyebelahi kebenaran dalam apa jua keadaan, jangan mudah menyerah dengan tekanan! Menjadi wartawan yang baik, kata Pak Said, sudah cukup besar sumbangannya terhadap masyarakat. Kita tidak perlu mencari profesi lain untuk berbuat demikian, tambahnya.

Sekurang-kurangnya peranan penulis adalah memimpin idea dan pemikiran, ahh ... sekali lagi sang penulis terperangkap dengan egonya sendiri. Bagaimana mahu memimpin idea kalau sering ketinggalan zaman atau sukar menguasai pandangan baru? Atau

hanya mampu mencatat dan merakam polemik politik remeh temeh, tanpa mampu menghasilkan analisis segar yang mendalam.

Sudah tentu apabila terbabit dalam penulisan buku-buku politik, segala gelodak di serambi kuasa harus diberikan kupasan baru, diselongkar supaya ia benar-benar transparan, termasuk akhirnya menyarankan jalan keluar terhadap kemelut politik yang selalu berentetan tanpa sebarang penyelesaian konkret. Rupanya kuasa dan takhta ini mempunyai kegilaan tersendiri, mengatas segala jenis dan penyakit gila yang lain. Malah takhta pernah dianggap sebagai tuhan tandingan kerana kemampuannya menganugerahkan apa saja kepada penyandangnya. Kuasa kerap membuatkan manusia lupa asal-usulnya, mudah hilang pertimbangan dan kewarasannya. Kuasa dicari, kuasa dipertahankan, dan akhirnya kuasa disalahgunakan. Dalam setiap peringkat, ia memakan kos dan menagih korban berpanjangan. Bagai lingkaran setan, kuasa meratah kemanusiaan, kuasa memperkosa kebenaran.

Memang pelaku-pelaku politik sukar menerima teguran dan pandangan (sebenarnya sesiapa juga pun begitu, kecuali bagi yang dikendalikan iman dan Islam), apatah lagi kritikan terbuka, terutama bagi yang menerajui takhta kuasa. Tradisi syura hanya berlaku lima tahun sekali, atau jika terpaksa, mungkin lebih kerap, umpamanya apabila ada pilihan raya kecil. Itupun rakyat diminta hanya untuk mengundi apabila ruang bagi rakyat mendapatkan maklumat dan fakta sebenar tentang hal ehwal pengundian ditutup. Hanya kempen parti pemerintah yang menguasai saluran TV dan radio, juga akhbar. Pembangkang menagih ehsan tetapi tidak pernah mendapat layanan yang adil. Selepas itu suara rakyat diketepikan, hanya kepentingan elit yang rapat dengan pemerintah diberikan keutamaan. Atas nama mandat rakyat, tembolok sang penguasa dan suku-sakatnya diisi sepantasnya, manakala rakyat hanya meneguk air liur, sesekali dapat menghirup kuah bertulang yang separa basi.

Realiti gelanggang politik masa kini, seperti yang diungkapkan Nakhaie Ahmad tepat sekali: "Penyimpangan idealisme politik menegakkan agama, membela bangsa dan membangunkan negara

makin bertambah jelas. Perubahan daripada landasan yang luhur kepada individualistik dan oportunistik, makin bertambah nyata. Dahulu sikap mengetepikan kepentingan diri dan berkorban untuk perjuangan, tanpa menghiraukan imbuhan dan ganjaran, disanjung, dihormati dan dianggap ciri kepemimpinan yang cemerlang. Kini ia dianggap suatu kebodohan dan tidak praktikal. Seseorang tidak mungkin menyerlah di dalam politik, kerana pengorbanan dan mengengkari kepentingan diri. Orang yang mampu memberi sumbangan material dan mempunyai jentera politik yang dibayar dan diupah secara lumayan sahaja, yang mampu menampil diri sebagai pemimpin dan berpeluang dipilih mengetuai parti.”

Ooop ... saya agak tersasar penuh emosi. *Stop!* Leteran ini mungkin menganggu tumpuan anda. Mungkin ini juga petanda salah guna kuasa seorang penulis; mengasak minda pembaca dengan sampah sarap yang memuaskan tanpa hidangan akliah yang memberiahkan dan mencabar daya intelektualnya. Asyik-asyik bernada sinis mengkritik kesalahan pihak lain. Semuanya tidak betul. Semuanya perlu perubahan. Semuanya mesti bertukar. Nanti apabila betul-betul berubah, semuanya bertukar, menyesal pula, lagi teruk jadinya. Inilah daleh yang digunakan pemegang kuasa untuk menakut-nakutkan rakyat yang mahukan perubahan.

Bagi mereka yang pesimis, siapa saja yang menerajui kuasa akan dihingga penyakit yang sama: pentingkan diri dan kaum kerabat serta cekap menggunakan kuasa dan kedudukan untuk kesenangan sendiri. Jelas mereka bermaksud menghina, dengan menyamakan perbuatan tidak beradab yang mereka lakukan sekarang kepada semua orang lain. Seolah-olah siapa saja yang diamanahkan menerajui kuasa akan songlap, tidak berakhhlak, kaki betina, hidup berfoya-foya, lupa Tuhan, merampas hak rakyat, penipu dan pendusta. Tidak dinafikan bukan semua pemimpin politik korup, tidak berakhhlak, pentingkan diri sendiri; ada di kalangan mereka yang benar-benar mahu mengangkat martabat golongan tertindas, tidak henti-henti berusaha, dalam apa juu bidang membangunkan negara demi kesejahteraan rakyat, bersedia menerima kritikan dan teguran.

Baiklah, kita berhenti sekejap berceloteh tentang orang lain. Bukankah tadi saya memperihalkan kemandulan saya menghasilkan buku politik dalam tempoh setahun terakhir ini? Elok balik ke pangkal. Buku terakhir saya adalah mengenai krisis politik di Kelantan, cuba menelah bagaimana Tok Guru Menteri Besar Nik Aziz Nik Mat mempertahankan negeri itu apabila berhadapan karenah raja dan implikasi Tengku Razaleigh menyertai Umno. Buku ini dicetak dua kali, menandakan sambutan terhadapnya, boleh tahan juga.

Meskipun PAS membuktikan keupayaannya merampas kubu kuat Umno di Pulai Chondong, di tengah kemelut politik yang mencabar kewibawaan Tok Guru, tetapi penasihat pasar gelap istana masih berpengaruh menentukan tingkah laku baginda. MB dipinggirkan dalam semua majlis yang dihadiri Sultan. Sepatutnya Sultan minta dan dengar nasihat MB, bukan tergoda oleh penasihat pasar gelap yang tidak berani bertarung di gelanggang sebenar. Sultan tak patut buat Tok Guru MB macam itu. Walaupun istana rapat dengan saingen politik Tok Guru, iaitu Tengku Razaleigh Hamzah, itu sudah masuk hal personal. Tok Guru pilihan rakyat Kelantan.

Menolak Tok Guru bererti menolak pilihan rakyat Kelantan. Menolak pilihan rakyat bermakna tidak menghormati hak dan kewibawaan rakyat. Ini bukan zaman raja bersiong. Raja bukan segala-galanya lagi. Raja juga wajib patuh pada peraturan dan undang-undang. Raja tak boleh buat sesuka hatinya. Mujur Tok Guru tidak gopoh walaupun ada desakan daripada rakyat Kelantan untuk berbuat demikian. Ahli-ahli dan pemimpin PAS pun tak sabar dibuatnya. Bagi mereka Tok Guru terlalu berlembut. Berlembut ada had dan ada ketikanya. Tok Guru mengambil masa yang cukup lama untuk melantik anggota Exconya, menggantikan bekas Exco Semangat 46, walaupun ketika itu dikhabarkan hubungannya dengan istana sudah pulih.

Gaya politik Tok Guru membuatkan orang-orang yang memusuhi senak perut dan pening kepala. Walaupun Tok Guru digambarkan tidak bijak bersilat di gelanggang politik, tapi tokoh-

tokoh seperti Mahathir pun tak berani dekat, apatah lagi Annuar Musa atau Ibrahim Ali. Insya-Allah buku kedua tentang politik Kelantan yang akan mengulas senario politik Kelantan terkini menyusul selepas ini. Seolah-olah menjadi tradisi, apabila saya mula menerbitkan politik politik, maka semakin mudahlah untuk menulis selepas itu hinggakan berderetan buku politik yang akan keluar. Apatah lagi dengan keputusan baru di Semerak; mungkinkah kekalahan PAS memberi laluan dan harapan tinggi buat Umno merencanakan semula projeknya untuk menawan Kelantan dalam pilihan raya umum akan datang?

Sebenarnya semasa pertapaan selama setahun itu, saya diminta menjadi editor sebuah majalah bulanan, *Tamadun*. Kini, Ogos 1997, genap setahun saya memimpinnya. Sebelum saya sudah dua orang editor yang menyelianya, selama dua tahun. Sesuai dengan minat dan kecenderungan sebagai penulis politik, orientasi *Tamadun* juga, seperti dikatakan pihak tertentu, mirip sebuah majalah politik, sedangkan realitinya tidaklah begitu. Perubahan awal yang saya lakukan ialah menjadikan tokoh-tokoh masyarakat (yang dikaitkan dengan politik) sebagai hiasan kulit depan majalah berkenaan. Antaranya, yang paling awal ialah Tok Guru Nik Aziz, Presiden PAS Ustaz Fadzil Mohd Noor, Haron Din, Abdul Ghani Shamsudin, Ismail Kamus, Fadzilah Kamsah, Hassan Ali, Mufti Perak, Mufti Selangor, bekas Timbalan Presiden Semangat 46 Rais Yatim, Anwar Ibrahim dan Muhamad Muhd Taib.

Majalah gerakan Islam ini sememangnya menyelitkan isu-isu politik semasa, hanya untuk beberapa halaman yang terhad sahaja, terutama membabitkan kepentingan ummah. Rupanya masih ramai yang geli-geleman membaca kisah-kisah politik, kononnya politik itu kotor. Walhal dalam kehidupan sehariannya mereka, tokoh-tokoh politik itulah yang banyak mencorakkannya. Dengan meninggalkan pentas politik hanya untuk tokoh-tokoh politik yang dikira kotor itu, maka semakin bermaharajalah aktor-aktor samseng di persada politik negara.

Majalah *Tamadun* diasaskan oleh Allahyarham Ustaz Amaluddin Darus. Bagaimanapun Allahyarham tidak sempat

menatap keluaran sulungnya. Saya masih ingat bagaimana bersusah payah Ustaz Amaluddin naik turun pejabat meminta pandangan tentang majalah barunya itu. Bagi saya sendiri, sekurang-kurangnya dengan memimpin majalah yang baru merangkak mencari tapak ini, dapat juga terus mengasah kreativiti yang boleh tumpul jika berhenti menulis.

Rupa-rupanya menjadi editor majalah, yang selalunya mengejar *dead-line*, menjadi halangan agak besar untuk kita menulis sebuah buku. Buku, apatah lagi buku politik, menagih pembabitan lebih serius, menuntut penekunan mendalam dan pengamatan tajam. Bertugas sebagai editor mungkin menyeronokkan, menambah pengalaman, menjalin hubungan lebih meluas, tetapi ia menelan masa luang yang selama ini cukup berharga buat menulis buku. Sememangnya lebih mudah menyiapkan beberapa tulisan ringan untuk akhbar maupun majalah, namun menyusun sebuah buku memerlukan keazaman yang menggunung. Tanpa disiplin yang ketat, buku yang diimpikan hanya tinggal angan-angan.

Beberapa kali saya cuba menggariskan beberapa idea kasar tentang penulisan - yang selalunya ingin diselesaikan dengan cepat - tetapi baru saja memulakan perenggan awal, pelbagai halangan dalaman muncul secara tiba-tiba. Majalah mempunyai *dead-line* setiap bulan. Lewat masuk pasaran boleh menjaskan jualan. Dan itulah yang kerap berlaku, tetapi berbekalkan identiti tersendiri *Tamadun*, walaupun agak lambat berada di pasaran, tapi ia tetap diburu dan kerap *sold-out*. Mengemudi majalah seumpama ini membuatkan kita alpa tentang masa yang berlalu dengan pantas dan mengendalakan projek-projek lain. Sudahlah masa senggang saya tertumpu kepada syarikat penerbitan milik sendiri, waktu emas yang sepatutnya diperuntukkan untuk menulis habis begitu sahaja. Sedangkan gelodak pentas politik makin kencang, dunia makin cepat berubah. Masakan saya harus terperap menjadi pemerhati saja. Lagi sekali ego seorang penulis tercuit.

Justeru itu, saya terpaksa mengambil cuti sebulan tanpa gaji untuk melangsaikean segala bebanan yang sering tertunda ini. Itupun

dengan ingatan bahawa kemungkinan cuti pendek itu terpaksa dilanjutkan ataupun keputusan drastik terpaksa diambil, berhenti terus sebagai editor dan kembali sepenuh masa sebagai pedagang buku politik. Maaf, seorang penulis politik terpaksa menjadi pedagang jika mahu terus berkarya walaupun secara amatatur. Pedagang dalam erti kata kita terpaksa menguruskan segala-galanya bagi urusan penerbitan, pengedaran dan pemasaran. Ini bukan kali pertama saya menghadapi dilema yang sama. Apabila berlaku pertandingan Anwar lawan Ghafar dan Pasukan Wawasan bersedia untuk menyingkirkan Pak Lah dan Sanusi Junid di peringkat Naib Presiden pada 1993, saya terpaksa berhenti daripada jawatan Pengarang Kumpulan *Harakah* dan editor *Dunia Islam*, juga sebuah majalah gerakan Islam.

Satu lagi risiko menulis buku politik ialah kandungannya cepat basi jika isu semasa berubah. Beberapa artikel yang disiapkan dua tiga bulan sebelum ini sudah tidak relevan lagi untuk dikumpulkan bersama dalam sebuah buku. Pelbagai isu baru yang lebih menarik muncul, kadang-kadang tanpa sebarang isyarat awal, sehingga isu sebelumnya tenggelam, biarpun polemiknya masih belum selesai. Ada kalanya pihak tertentu sengaja mencetuskan isu baru, supaya isu lain yang mungkin boleh merugikan mereka dipendamkan, bagi mengalih perhatian rakyat daripada membincangkannya secara lebih meluas. Selalunya parti pemerintah yang mengawal mutlak akhbar-akhbar terkemuka dan stesen TV berupaya melakukannya.

Yang hairannya, teman-teman yang lain juga tidak lagi produktif seperti dulu. Entah apa sebabnya, tak tahu lah. Nak kata masing-masing sudah tinggalkan dunia penulisan tak betul juga. Buktinya, mereka masih menulis di dada-dada akhbar dan majalah tertentu. Penulis tetap menulis, tetap berkarya, tetap menegur dan mengkritik, cuma tidak sekerap dan segiat dulu, juga tidak sepanas lazimnya.

Apakah itu tanda penulis sudah muflis idea dan kekeringan ilham? Atau takut dan gentar menghadapi budaya saman yang semakin meluas hari ini? Ataupun masing-masing sudah penat

menulis buku, dan memilih analisis pendek untuk menyalurkan pandangan dan melepaskan geram? Menulis buku bukan sahaja memerlukan ketekunan dan kesabaran yang tinggi, tetapi yang lebih penting, dana yang mencukupi untuk menampung kos percetakan serta kemahiran pengurusan tersendiri untuk mengedarnya. Penulis buku politik masa kini memikul tugas sebagai penerbit sekali gus. Mereka menulis, menyunting, merekabentuk, dan menguruskan kerja-kerja pra-percetakan, serta akhirnya mencari pencetak yang agak liat mahu mencetak buku buku politik, yang mana isi kandungannya nampak seperti tidak sealiran dengan arus perdana.

Ada pencetak yang menyanggupinya asalkan dibayar tunai walhal jika buku itu kita serahkan kepada pengedar, penulis penerbit akan menerima semua bayarannya sembilan bulan selepas itu. Iaitu selepas ditolak buku-buku yang tidak terjual. Ada kalanya buku yang laku sekitar 30 - 40 peratus saja, yang lain dikembalikan memenuhi rumah yang sedia sempit. Jadi macam mana nak cari makan? Bagaimana nak bayar sewa pejabat ataupun gaji pembantu? Justeru itu hampir kebanyakan penulis/ penerbit beroperasi di rumah sendiri, tanpa sebarang pembantu khas, tanpa kenderaan untuk mengangkut buku ke sana sini mencari pasaran. Jika polis cawangan khas nak gertak dan cuba mendapat maklumat baru, maka mereka akan soal-siasat penulis di depan anak bini di rumah sempit, secara tidak beradab, yang disempitkan lagi dengan timbunan buku-buku lama yang tak terjual. Sekali gus mahu menimbulkan kesan psikologi terhadap keluarga penulis perihal tidak menentunya kerjaya dan masa depan suami/ ayah mereka.

Mengkritik, menegur dan menasihati pemimpin berkuasa mengundang risiko tinggi. Tindakan seumpama itu sering dilabel sebagai pengkhianat, pemecah-belah perpaduan, dan tidak mustahil anasir subversif. Yang paling popular ialah tuduhan penulis upahan, malah saya pernah dicap lebih dahsyat daripada itu, penulis pelacur! Ia dilemparkan selepas buku saya, *Anwar Lawan Ghafar?* beredar di pasaran, bilamana Anwar beria-ia menafikan bahawa beliau akan mencabar Pak Ghafar.

Maknanya, penulis tidak diberi penghormatan atau pengiktirafan di atas segala gerakerjanya untuk turut serta membangunkan ummah, malah dianggap pemusnah, pengacau, atau tukang sibuk. Kita sendiripun tidak menuntut pengiktirafan, tetapi janganlah dengan begitu mudah sekali dilemparkan tohmahan melulu, yang hanya menandakan kebebalan tukang tuduh. Kita sedar, di zaman Mahathir, selain daripada tokoh korporat dan ahli-ahli politik yang sekapal dengannya, yang lain dianggap penghalang cita-cita besarnya jika mereka menyuarakan kritikan atau pandangan alternatif, khususnya golongan ulamak dan cendekiawan. Walhal Mahathir sendiri sebenarnya seorang penulis, buktinya buku-buku beliau seperti *Dilema Melayu, Menghadapi Cabaran* dan tulisannya dalam NST satu waktu dulu.

Bagaimanapun, masih ada pihak yang merasakan golongan penulis buku politik popular sememangnya memainkan peranan yang positif. Seorang sarjana sosiologi tempatan, Dr Hussain Mohamad berpendapat: "Karya-karya popular mengenai politik sebenarnya bukanlah murahan dan picisan begitu sahaja. Saya sendiri sebenarnya mendapat kesan bahawa banyak daripada karya-karya ini mengandungi maklumat yang relevan dengan isu dan tajuk yang dibincangkan. Sebagaimana yang dapat saya perhatikan, ia haruslah diterima untuk menjadi karya pelengkap di antara pelaporan dalam media massa seperti akhbar dengan tulisan-tulisan ilmiah yang lazimnya sarat dengan istilah dan landasan teori tertentu yang payah untuk difahami oleh majoriti pembaca. Karya-karya itu juga mengambil kira akan pengalaman dan pendedahan sebagai penulis, yang pada hemat saya sememangnya banyak dimiliki oleh penulis berkenaan terutamanya bilamana mengingatkan sebilangan mereka pernah bertugas sebagai wartawan atau dalam dunia penerbitan tertentu sebelumnya. Pada hakikatnya orang ramai memerlukan juga karya-karya demikian bagi mendapatkan maklumat tertentu yang mudah difahami dan tidak dibaluti dan disarati dengan istilah-istilah ilmiah yang serba menggerunkan, mengenai persekitaran politik mereka."

Sasterawan Negara, Shahnon Ahmad pernah mengutip

kandungan surat tanpa nama yang dituju kepadanya, yang antar lain juga memperkatakan perihal penulis: "Hanya satu golongan masyarakat lagi yang boleh memusnahkah budaya politik wan dan budaya rasuah yang bercambah di mana-mana dalam negara kita sekarang ini iaitu golongan para penulis yang terdiri daripada para pengarang, wartawan, sasterawan yang prihatin dan yang masih bertanggungjawab. Mengutip surat ini para penulis di tanah air kita ini ada sejarahnya yang tersendiri iaitu dalam zaman penjajahan dulu, para penulislah yang banyak menggunakan pena mereka untuk menulis, membongkar kejahanan penjajahan dan turut menaikkan semangat kemerdekaan. Karangan mereka penulisan dan suara mereka berkumandang dari setiap penjuru bagai memperlihatkan keindahan kemerdekaan dan kehodohan penjajahan."

Selepas mendengar pujian buat penulis politik, kita balik semula kepada dilema yang menimpa penulis. Di samping ISA yang sentiasa menganga, tindakan saman sivil lebih menggerunkan penulis politik. Tuntutan pampasan dua tiga juta ringgit bukan berita yang menggemparkan lagi semenjak Vincent Tan menang dalam tuntutannya terhadap sebuah majalah bisnes tempatan tidak berapa lama dulu. Taukeh Bakun mengemukakan saman RM100 juta kepada MGG Pilai di atas penulisannya dalam Internet. Sayuti Omar sedang menanti kes saman RM20 juta yang dikemukakan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Lim Guan Eng didenda maksimum dan mungkin hilang kelayakan menjadi Ahli Parlimen kerana didapati sabit kesalahan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, jika rayuannya ditolak.

Kini penulis politik terdedah dengan bahana yang ditempahnya sendiri kerana membongkar penyelewengan, ketidakadilan, korupsi, nepotisme, membelakangi amanah rakyat, membolot kekayaan, dan pelbagai gejala negatif lainnya. Mahkamah pula bukannya tempat terbaik untuk kita mengadu nasib mencari keadilan. Khususnya mahkamah peringkat yang lebih tinggi, banyak pihak mendakwa, sisa-sisa keadilan suka digapai sekiranya kes yang dibicarakan mempunyai kepentingan

golongan tertentu. Kata banyak pihak, keputusan mahkamah pun boleh dipastikan terlebih dahulu jika kita ada banyak duit! Isu surat layang yang menohmah perilaku hakim-hakim dijadikan hujah bahawa sememangnya proses keadilan di negara ini sebenarnya tidaklah setulus yang dikata.

Dalam banyak akta, misalnya Akta Rahsia Rasmi, Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, dan Akta Pengambilan Tanah, peranan mahkamah telah diminimakan. Tugas dan tanggungjawab Peguam Negara selaku Pendakwaraya juga menimbulkan kontroversi. Kedudukan Peguam Negara seolah-olah seorang pegawai kerajaan biasa, yang tertakluk kepada Perdana Menteri, menyebabkan keyakinan publik terhadap kewibawaannya semakin merosot. Banyak pihak meragui bagaimana sesuatu kes boleh dibawa ke pengadilan sedangkan kes-kes lain digugurkan, terutama membabitkan kepentingan pemerintah ataupun individu istimewa tertentu. Lebih mengaibkan lagi, kes yang mula dibicarakan boleh ditarik balik, bukan kerana tidak cukup bukti tetapi disebabkan perubahan pendirian politik tertuduh. Kuasa pendakwaan jenayah Peguam Negara adalah lambang imuniti yang tersirat, yang masih dipegang oleh eksekutif.

Saya pasti teman-teman penulis tentunya tidak bersetuju dengan andaian bahawa penulis buku politik takut dengan risiko dan seribu satu kemungkinan di hadapan. Biar apa pun halangan yang melanda, mereka tidak mudah putus asa. Kehidupan ini sebenarnya dimaknakan oleh kekuatan dan ketabahan kita menghadapi segala fitnah dan mehnah yang ditimpakan. Menyerah kalah dengan kerakusan kuasa adalah langkah bacul yang sepatutnya langsung tidak terlintas di hati tiap jiwa penulis. Apatah lagi bersikap malas, apati, jiwa kosong, atau sering memikirkan imbuhan *maddiyah* (kebendaan) hanya akan melemaskan penulis dengan realiti dunia yang mahu diubahnya. Penulis yang hanya berkarya menurut kehendak arus perdana meskipun terpaksa menggadaikan prinsip selayaknya mematahkan saja mata penanya dan memilih kerjaya lain yang lebih menguntungkan daripada mengaibkan seluruh golongan penulis. Berbeza dari segi

pendekatan politik adalah rencam yang wajar diakui namun mananya penulis yang memuja penyangak dan penzalim dengan sedikit upah di belakangnya adalah pengkhianat bangsa yang kita tidak boleh bertolak ansur dengannya.

Sekali pandang, kegersangan di pasaran buku politik menandakan zaman gelap yang menakutkan. Selama ini penulis politik popular berjaya memainkan peranan mereka, sekurang-kurangnya sebagai penegur kepada pemimpin yang berkuasa. Bagi tokoh politik yang lupa daratan, bergelumang dengan rasuah, korupsi dan kemaksiatan, penulis politik sering menjadi igauan ngeri mereka. Empayar kekayaan yang dibina sanak keluarga akan terbongkar akhirnya. Kemabukan rasa dengan takhta dan pujaan pengikut kerap membuatkan pemimpin lupa diri, angkuh tak tentu pasal dan memandang rendah terhadap kemampuan dan keupayaan orang lain, khususnya golongan bawahan. Mereka mudah mengandaikan rakyat bawahan bagai lembu dicucuk hidung, tidak ada prinsip hidup, taku dan gentar untuk berkata "tidak" kepada pemimpin tertinggi meskipun maruah dan kehormatan diri tergadai. Dalam saat-saat begitu, kemunculan penulis politik bebas boleh menjadi pengimbang.

Misalnya, menjelang pemilihan Umno 1996, hanya Sayuti Omar dan Yahaya Ismail terus berkarya. S.H. Alattas pun tidak, begitu juga Daud Ibrahim, Tarmizi Mohd Jam, juga saya sendiri. Nak dikatakan suasana tidak meriah kerana jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno menang tanpa bertanding, tidak juga. Selama ini pun jawatan Presiden tidak dicabar, selain April 1987, hanya timbalannya digugat pada 1993. Bagaimana pula dengan kerusi Naib Presiden, Ketua Pemuda dan Ketua Wanita. Tujuh calon merebut Naib Presiden, berbanding lima pada 1993. Jawatan Ketua Pemuda pula membariskan pertandingan lebih mendebar; Rahim mempertahankan jawatan, Isa Samad menduga pengaruh sekali lagi, Annuar Musa mencuba nasib, Zahid Hamidi berani meredah cabaran. Lebih menarik ialah pertandingan Ketua Wanita. Buat pertama kali Rafidah dicabar dan kemudiannya kalah; siapa sangka? Naibnya, Napsiah bertahan, manakala

pencabarnya yang kecundang adalah seorang menteri. Agak pelik bagi Wanita bilamana yang kalah terus kekal sebagai menteri manakala yang menang kekal di takuk lama, ketuanya sebagai timbalan menteri, naib menjadi exco kerajaan negeri.

Apa yang jelas berbeza berbanding 1993 ialah tiada kumpulan atau klik dibentuk. Dan sememangnya peraturan parti melarang berbuat demikian. Team Wawasan yang dipelopori Anwar tidak disebut lagi. Sebenarnya team itu berkubur sebaik saja Anwar berjaya menyingkirkan Ghafar yang terus merajuk selepas itu. Mahathir sendiri tidak senang dengan pembentukan kumpulan seumpama itu. Team Wawasan adalah kabinetnya bukan klik dalaman parti yang hanya merosakkan perpaduan sesama ahli. Tangisan Mahathir di akhir ucapan perasmianya berjaya menonjolkan kembali Pak Lah dan menenggelamkan terus Muhyiddin, yang dianggap orang kanan Anwar. Sebagai Naib Presiden paling kanan, kekalahan Muhyiddin agak mengejutkan walaupun banyak pihak sudah menjangkakannya. Anwar yang boleh mendabik dada dengan keputusan Pemuda dan Wanita, khususnya dengan kemenangan Zahid (yang dikira khadamnya!) dan kekalahan Rafidah (seteru politiknya walaupun bukan saingan terdekat), terpaksa akur bahawa Mahathir masih tetap berkuku dalam Umno.

Pergelutan dalam Umno tidak pernah padam. Sesungguhnya penyandang jawatan, di segenap peringkat, mempunyai asset terbaik untuk merangkul apa saja hajat di hati. Dalam negara makmur sekarang ini, Umno adalah lubuk emas buat mereka yang tamak dan rakus, bukan lagi dianggap wadah untuk menabur sumbangaan bakti menebus maruah ummah. Tiada lagi makna pengorbanan jika perjuangan dalam parti tidak mendapat imbuhan lumayan dengan laba yang tidak terhitung banyaknya. Setiap projek yang direncanakan selalunya bersarungkan kepentingan rakyat tetapi sebenarnya ia hanyalah daleh untuk terus membolot kekayaan peribadi. Misalnya, lebuhraya dibina bukan hanya untuk kemudahan pengguna, tetapi untuk memastikan peruntukan yang begitu besar jumlahnya itu (dengan harga berlipat kali ganda

bersama kenaikan tol berterusan) masuk ke kantung kerabat terdekat. Seluruh anak pinak, adik beradik, kawan rakan yang dipastikan kesetiaannya, bersama-sama membahagi-bahagikan ghanimah, sedangkan rakyat terbanyak berhempas-pulas bekerja siang malam untuk menikmati sedikit kelazatan hidup di bumi bertuah ini. Sebahagiannya hanya dapat bertahan untuk terus *survive*, tidak lebih dari itu.

Berdepan dengan kemelut politik rimba ini, yang kuasa dan berkuasa terus meratah si mangsa yang lemah dan tidak terdaya, mampukah seorang penulis hanya menggelengkan kepala tanda bersedih dengan fenomena di depan mata? Sudahlah tuntutan agama sering diperlekehkan, penguatkuasaannya (dalam aspek yang cukup terbatas) dianggap tindakan bengis tidak berperikemanusiaan, negara boleh jadi bankrap dek ketamakan pemimpinnya yang asyik berbangga dengan satu demi satu projek raksasa yang mewah dan membazir.

2

MAHATHIR CEMBURU PENGARUH ULAMAK

Selalunya, kalau saya berhasrat untuk mula menulis buku, saya akan menghubungi beberapa orang teman untuk minta pandangan mereka tentang subjek pilihan. Biarpun mereka tidak dikenali sebagai penulis maupun aktivis politik, perspektif idea mereka jarang mengecewakan, malah ada kalanya mengejutkan. Dengan itu, tulisan ini mungkin lebih mewakili banyak pandangan, tidak berat sebelah, tidak terbeban dengan hanya leteran dan buah fikiran saya seorang.

Pembaca tentunya tidak mahu diasak hanya dengan satu aliran pandangan, yang secara jelas seperti mahu memaksa menerima menerima bulat-bulat pandangan tersebut. Bagaimanapun kebanyakan pandangan teman-teman saya itu biasanya cukup kritikal, cukup susah untuk mereka puji dan sanjung tindakan dan langkah kerajaan, yalah ... seperti saya juga! Nak kata mereka sememangnya ahli atau penyokong parti pembangkang, Nik Aziz pun mereka kritik, Haji Hadi pun kena lutu, Kit Siang tak usah cakaplah, Syed Husin Ali ada yang tak kenal.

“Mat Sabu aku minat,” kata seorang teman, lulusan sains komputer, yang bercadang membuka perniagaan sendiri. “Aku rasa, Mat Sabu perlu kekal sebagai tukang kritik dan tukang bedah pemimpin Umno. Apa salahnya, bukankah dah begitu ramai tukang kipas, tukang lobi, tukang ampu, tukang amin? Biar Mat Sabu terus jadi tukang maki Umno, baru seimbang. Tak payah pendekatan yang bijaksana kalau bijaksana itu maknanya berdiam diri berdepan dengan kemungkar. Bagus juga ada orang macam Mat Sabu, taklah samseng sangat Umno.”

Peliknya, ada di antara teman-teman yang berpandangan kritis ini, sudah mendaftar menjadi ahli Umno, malah bercadang nak bertanding jawatan Pemuda, walaupun di kampus dulu mereka inilah pengkritik Umno paling keras. “Nak cari makan anak bini,” dalehnya.

“Kalau tak masuk Umno, tak boleh makan?” Saya mengusik sambil minta dicari hujah lain yang lebih munasabah. “Mudah sikit buat bisnes, ada jalan pintas untuk cepat kaya,” sambungnya perlahan, sambil ketawa besar. Gaya ketawanya pun sudah berbeza, seperti dibuat-buat, ada lagak pemimpin Umno! “Tak mestinya begitu, banyak juga yang pokai dalam Umno,” sambut teman yang lain, seorang aktivis Pemuda PAS. “Mereka tu terlalu jujur. Mereka tak amalkan kepimpinan melalui teladan. Mereka tak ikut macam mana pemimpin mereka cari duit dengan jalan mudah. Mereka tak tahu pemimpin mereka boleh jadi jutawan dalam sekeli mata, hanya sebagai broker tanah.” Tak mahu mengaku kalah nampaknya dia.

Kita mungkin biasa berjumpa orang yang jarang bercakap tentang sesuatu topik, apabila kita berkongsi idea tentang maudhuk berkenaan, sentuhan mereka menakjubkan, mengalahkan pandangan seorang pakar. Walhal dalam kehidupan harian, mereka langsung tidak pernah menunjukkan minat dalam bidang berkenaan. Mereka mungkin, misalnya, malas membaca kisah-kisah politik melalui akhbar mahupun buku-buku, tidak pernah langsung menghadiri program ceramah politik apatah lagi mendengar gossip politik di *coffee house*, namun pengamatan dan

“pembacaan” mereka terhadap apa yang dilihat dan apa yang didengar lebih original, ada ketulenannya, bukan duplikasi daripada mana-mana idea orang lain. Mereka mungkin telah lama merenung, memikir, menghadam, meneliti, tetapi renungan dan pemikiran mereka itu dibiarkan terpendam dan akhirnya, dari masa ke semasa, matang secara semulajadi. Pandangan golongan ini boleh membuatkan kita memikirkan semula pendapat peribadi kita selama ini.

Di kalangan teman-teman yang saya temui, rata-rata mereka terlalu kecewa dengan sikap dan pendirian Mahathir berkait persoalan hukum-hakam Islam dan institusi ulamak. Mereka puji Mahathir bangunkan ekonomi negara, kenalkan Malaysia pada mata dunia, meskipun ada ketikanya mereka hentam Mahathir cukup-cukup kerana Mahathir terlalu gopoh mahu cepat berjaya hingga lupa kesan sampingan kepada rakyat. Akhlak remaja menjunam. Moral dan rasa pertanggungjawaban orang tua memalukan. Taraf hidup rakyat, walaupun meningkat, tapi membentuk jurang yang makin luas. Rakyat bawahan terpaksa kerja berlipat kali ganda untuk menikmati hidup. Mereka lakukan dua tiga kerja sekaligus hingga abaikan tuntutan agama, aspek kesihatan dan kehidupan bermasyarakat. Manakala dasar langit terbuka mendedahkan negara kepada serangan budaya liar, tidak bersopan, nanar, kurang ajar, antiagama.

“Mahathir tidak akan mengaku bahawa fenomena keruntuhan akhlak berpunca banyak daripada cara gayanya mentadbir negara. Yang salah guru, yang lalai ibu bapa. Semuanya mahu dibebankan ke atas sekolah dan ibu bapa,” marah seorang editor sebuah akhbar politik. “Tugas kita sekarang,” katanya, “adalah meletakkan semula kalungan bebanan pada ibu bapa dan guru-guru ini di lehernya, di leher menteri-menterinya.”

“Kau dah lama tulis pasal Anwar, ini ... Mahathir sudah cukup melampau. Dikutuk dan dikejinya ulamak, dan para Mufti, mana boleh diam begitu sahaja? Orang tunjuk perasaan lawan Yahudi ditangkapnya, dalam masjid pula tu!” Seorang rakan karib yang kini bertugas dengan sebuah stesen TV memberi ingatan. Katanya,

ramai teman-teman sepejabat dengannya, yang menduduki pos penting dalam dunia penyiaran, cukup bimbang dengan peningkatan saluran TV kabel dan satelit, termasuk yang bukan Islam.

“Masyarakat kita masih terlalu muda untuk terdedah dengan segala macam siaran yang mengaibkan. Lagipun, unsur-unsur maksiat bukan bertujuan memantapkan iman kita, ia mestinya dihapuskan,” tambahnya, sambil menyinggung pandangan PDRM bahawa benda-benda mungkar, misalnya arak dan judi (mungkin juga pendedahan aurat) adalah untuk menguji keimanan seseorang Muslim.” “Memang ulamak,” katanya lagi, “seperti orang lain juga ada lemah, ada silap, mungkin lembab, tidak pandai mengurut dalam kelam-kabut dalam pentadbiran, tapi tentunya tidak adil, hanya kerana tiga orang ratu cantik ditahan, mufti pula menjadi sasaran. Mereka lah yang mengenalkan kita dengan alif, ba, ta; kenal Tuhan, kenal Nabi.”

“Lagi pula, bagi aku, penahanan itu tidak ada cacat celanya, malah patut dibuat lebih awal lagi, lebih drastik. Undang-undang itu pun sudah cukup lama diwartakan, lebih dua tahun dulu. Apakah cukup tempoh dua tahun sebelum dikuatkuasakan. Dah lama Jabatan Agama nampak lembik sampai orang tak hormatkannya. Biar tegas sikit, bagi orang gerun, buat orang takut. Ada sesetengah orang, tak reti dengar nasihat, tak peduli dengan penerangan, tulung dengan dakwah, pekak dengan teguran. Mereka hanya boleh faham dengan rotan, dengan tangkapan, dengan gertakan, dengan denda, dengan hukuman. Lain kali, kalau dengar nama Jabatan Agama, dengar nama tok qadhi, dengar nama mufti, baru orang segan, tak boleh main-main, tak boleh buat lawak lagi. Aku cukup bangga dengan undang-undang di Selangor, fatwa Mufti ada kekuatan, siapa yang menghina, mengengkari, melanggar atau mempertikai fatwa boleh didenda maksimum RM3,000 atau dipenjara maksimum dua tahun.”

“Ini membuktikan,” tambahnya lagi, “Mahathir sengaja cari pasal nak sakitkan hati ulamak. Bukan sekali dua Mahathir tunjukkan rasa jengkelnya dengan ulamak. Mahathir sengaja mahu

jatuhkan martabat ulamak. Aku ulang, Mahathir sengaja, *senga-ja* dan memang dalam perencanaannya, biar taraf ulamak diturunkan sikit. Cuba bayangkan, apa logiknya, hanya kerana tangkap ratu cantik, institusi fatwa yang terbina sekian lama sudah tergugat dan tanda-tanda akan runtuh. Bukankah pelik bunyinya tu?"

"Mahathir," kata seorang yang lain, yang dari segi kerjayanya merupakan seorang jurutera profesional, "jelas memendam rasa terhadap ulamak. Mahathir hanya menunggu masa untuk meledakkan rasa amarah dan bencinya kepada tok-tok guru ini. Sama seperti amarah yang dipendamnya sekian lama kepada raja-raja Melayu, hinggalah apabila Sultan Johor memukul Douglas Gomez, seorang guru dan jurulatih hoki Mactab Sultan Abu Bakar, baru rasa amarahnya itu diletupkan dalam bentuk-bentuk tertentu. Waktu itu Mahathir yakin, majoriti rakyat boleh dipengaruhi dengan daleh dan hujahnya. Lebih 10 tahun Mahathir menunggu tarikh itu untuk menghancurkan kewibawaan raja Melayu selepas dia gagal dalam pusingan pertama kempen anti-raja. Begitu juga dengan kes ulamak, sampai ketikanya, Mahathir akan mengemukakan beberapa plan tindakan bagi mengurangkan, hingga ke peringkat minimum, pengaruh ulamak terhadap orang Melayu, setelah berjaya memburuk-burukkan ulamak."

Bagi teman saya ini, Mahathir "cemburu dengan pengaruh ulamak". Biarpun Mahathir merasakan dia banyak menyumbangkan sesuatu kepada kemajuan orang Melayu, mengubah minda dan cara kerja orang Melayu, bekerja bagi nak gila walaupun usia sudah cukup lanjut, pusing seluruh dunia promosikan Malaysia, namun orang Melayu lebih mudah terpengaruh dengan tok-tok guru, yang baginya tak buat apa-apa. Sampai umur penceh, orang Melayu mahu berehat panjang, kalau yang baik jadi kaki masjid, tinggal di pondok, tak mahu kerja lagi, pasif dan tidak produktif. Sedangkan pada pandangan Mahathir, tok-tok guru itu hanya pandai memberikan syarahan agama, membuka kitab dan menghafal ayat-ayat al-Quran. Mungkin, pada Mahathir, tok-tok guru inilah yang menjadi penghalang buat masyarakat Melayu

untuk terus maju menjadi bangsa bertaraf dunia. Selalu Mahathir sebut, kalau orang Melayu tidak kuasai ekonomi, asyik bergantung dengan orang lain, sampai bila-bila orang Melayu akan jadi hamba orang. Untuk menguasai ekonomi, orang Melayu mesti ubah sikap, mesti kerja kuat, mesti tekun, berani bermiaga keluar negara, tak boleh hanya dengan berdoa sahaja. Orang lain hanya akan hormat kita kalau ekonomi kita hebat. Tambahnya, Mahathir memang mahu laksanakan Islam, tapi Islam menurut apa yang ada dalam kepalanya!

“Mungkin, bagi Mahathir, ulamak hanya pandai memberi hukum halal dan haram tapi tak pernah cadangkan alternatif. Akhirnya semua yang kerajaan buat tak kena, tak betul, haram, merosakkan! Sekurang-kurangnya separuh daripada orang Melayu menjadi tidak produktif. Yang dapat manfaat adalah bangsa lain, bangsa sendiri hanya jadi tukang cacat dan tukang caci,” tambahnya.

“Cemburu macam mana?” Saya cuba memancing pandangan selanjutnya daripada jurutera muda yang juga menyimpan cita-cita besar dalam politik. Dia berazam mahu merubah realiti sesat yang ada, mahu merubah dunia yang kini dikongkong Amerika dan dajal-dajal lain yang bermaharajalela. Yang bagusnya, kawan saya ini tidak hidup dalam mimpi, dia praktikal dan giat mengatur perancangannya. Tapi maaf cakap, bagi kawan-kawan yang lain, impiannya belum cukup masak, dia seperti gopoh, terburu-buru dan mahu cepat mengutip hasil. “Bukankah Mahathir sudah dapat segala-galanya, kuasa, kekayaan, populariti dan penghargaan seluruh dunia? Anak-anaknya pun kaut kekayaan berbilion-bilion. Apa sangat yang ada pada ulamak, yang hanya tinggal dua tiga kerat itu. Lagipun, ramai juga ulamak yang berada di bawah dagu Mahathir, yang kerjanya hanya mengangguk apa saja titah Mahathir. Takkan ulamak jenis ini pun Mahathir nak mengamuk?”

“Sebab Mahathir rasa dia sudah begitu hebat, disanjung, dipuja, diiktiraf sebagai wira dunia ketiga, menerima penghormatan dari pelbagai negara Islam, tetapi dalam negaranya sendiri, pengaruh sebenar Mahathir cukup terbatas, dibatasi oleh pengaruh

tok-tok guru. Mahathir rasa tak adil ... hanya kerana dia tidak tahu berbahasa Arab, tidak fasih nak sebut beberapa potong ayat-ayat al-Quran, tidak mendapat pendidikan formal agama dari Timur Tengah, maka autoritinya dalam agama begitu mudah dipersoalkan. Cakap Mahathir tentang agama sering diremeh dan diketawakan. Bagi Mahathir, agama bukan hanya milik ulamak. Mahathir mahu dia juga digelar ulamak, kerana ulamak baginya bukan hanya mereka yang alim dalam bidang agama tetapi juga meliputi bidang-bidang yang lain. Bukankah Mahathir alim dalam perubatan dan politik, termasuk hubungan dan perdagangan antarabangsa. Mungkin Mahathir pun teringin nak memberi fatwa," ujar teman saya itu, penuh bersemangat dan beremosi.

Tambahnya, "dengan kedudukannya itu, sudah barang tentu, ego Mahathir cukup tinggi. Dia tidak boleh terima hakikat bahawa dia perlu tunduk kepada nasihat dan fatwa ulamak, yang baginya tidak kenal realiti dan masalah sebenar ummah. Ulamak hanya pandai berkhutbah dengan merujuk kitab-kitab lama sedangkan zaman cepat berubah. Banyak perkembangan yang berlaku tidak ada dalam kitab-kitab tua. Mengapa Mahathir harus tunduk kepada orang yang, baginya, gagal memahami tuntutan zaman yang serba canggih ini, yang hanya akan membawa orang Melayu ke zaman unta, tidak progresif, hanya ingatkan mati dan membiarkan dunia ini dikuasai golongan bukan Islam. Walhal, bagi Mahathir, golongan ini dapat kemudahan beribadah dalam keadaan tenang dan tenteram kerana pembabitan orang sepertinya untuk menstabilkan negara dan memperteguhkan ekonomi."

"Bukan Mahathir saja yang ego," sanggah seorang lagi teman yang sudahpun menjadi ahli Umno, tetapi tetap mengikuti dari dekat perkembangan parti-parti pembangkang yang lain. Ramai juga pemimpin-pemimpin tertinggi PAS yang dikenalinya secara peribadi dan masih menjalin hubungan dengan mereka. "Ego, dalam ertikata tidak mahu menerima pandangan orang lain, bukan saja penyakit pemimpin yang berkuasa. Hal itu mudah difahami. Logiknya orang yang berkuasa, apatah lagi dalam tempoh yang cukup panjang, seperti Mahathir, sudah lebih 16 tahun, mudah

dan kuasa-kuasa yang terdapat pada Peguam Negara, BPR dan seumpamanya.

Tuduhan kawan saya tentang tok-tok guru bersikap seperti diktator atau mempunyai kuasa mutlak ini rupanya pernah disinggung oleh Prof Daud Rashid daripada Jakarta dalam kertas kerjanya, *Masa Depan Institusi Pondok dalam Menghadapi Cabaran Liberalisasi*. Menurutnya, kiyai (di sini tok guru) barangkali mungkin harus demikian, sebab pesantren (di sini pondok) adalah lembaga pendidikan yang sekali gus berfungsi sebagai forum pembinaan kepimpinan. Oleh kerananya kekuasaan harus berada di tangan satu orang, agar kebijakan yang diambil tidak berbenturan satu sama lain. Namun, sudah barangtentu sistem ini mengandungi kelebihan dan kelemahan. Salah satunya bilamana pimpinan pesantren tidak layak memegang kepimpinan atau tidak mampu mengembangkan pesantrennya. Akhirnya lembaga pendidikan ini bisa segan hidup mati tak mahu. Tapi, bila pimpinannya kebetulan orang yang terampil dan berwawasan luas, di samping kedalaman ilmu agamanya, maka kekuasaan mutlak ini banyak menguntungkan bagi terjaminnya kelancaran roda kehidupan pesantren.

Berkait dengan puja-puji dan sanjungan keterlaluan kepada Mahathir, Presiden Umno itu memang pernah menegur perwakilan dalam perhimpunan tahunan parti agar jangan terlalu memujinya hingga terasa geli-geleman mendengarnya. "Pujian hanya untuk Allah," kata Mahathir. Tapi "teguran" Mahathir itu tidak diendahkan. Puncanya, Mahathir sendiri. Ahli-ahli Umno tidak yakin Mahathir tidak mahu mendengar puja-puji terhadapnya. Ahli-ahli Umno tidak yakin Mahathir bersedia berlapang dada, menerima teguran dan kritikan. Ahli-ahli Umno tahu apa yang tersirat di penjuru hati Mahathir. Mereka masak benar apa natijahnya jika mengkritik Presiden di depan khalayak. Justeru itu, mereka terus memuja dan memuji Mahathir biarpun naik mual kita mendengarnya. Kalau Mahathir benar-benar ikhlas dan bersedia mendengar teguran, kritikan dan nasihat, Mahathir harus buktikan dengan amalan praktikal. Ini tidak, teguran dan nasihat

dihinggapi penyakit takbur, bongkak, dan memandang rendah keupayaan orang lain. Kebetulan orang lain di kiri kanannya memang dungu, tak ada idea baru, tak berani membuat perubahan apatah lagi menegur atau membetulkannya.

“Soalnya, pemimpin PAS juga jarang mahu menerima kritikan, susah menerima pandangan dari luar, mudah melentik dengan teguran. Taksub dengan kebolehan sendiri. Begitu juga ulamak dan tok-tok guru di pondok masing-masing. Sebab itu dalam sesebuah perkampungan pondok, jarang, malah hampir tidak pernah ada, dua orang tok guru yang mempunyai kebolehan setaraf. Selalunya orang kanan tok guru mempunyai perbezaan yang amat ketara, khususnya dari segi keilmuan dan pengaruh. Kadang-kadang ego mereka lebih dahsyat. Tindakan mereka, ada kalanya, bagai seorang diktator. Hanya tahu mengarah itu dan ini. Anak-anak murid memendam rasa dan menganggapnya sebagai tarbiyyah, sebagai ujian. Pandangan yang berbeza, walaupun dikeluarkan oleh seseorang yang bertaraf ulamak juga, tetapi keramik tidak serasi dengannya, habis dikutuknya. Naik seram bulu rompis mendengar ulamak kutuk ulamak, tok guru bantai tok guru. Panjang juga leterannya, tapi sebahagiannya bermakna dan perlulah diteliti lebih lanjut kebenarannya.

Bagaimanapun saya amat tidak setuju dengan istilah “diktator” yang mahu disarungkan kepada ulamak ataupun tok-tok guru di pondok. “Istilah itu terlalu kotor dan tiada kaitan langsung. Tok-tok guru ada salah-silapnya, mungkin ternampak ada keangkuhan, tapi tidaklah sampai menjadi diktator. Ia harus dibaca dalam persekitaran pondok, terutama dalam membentuk disiplin yang tinggi di kalangan anak-anak murid. Kalau Mahathir dituduh sebagai diktator, tak tahu lah aku.” Dalam hal ini saya teringat dakwaan seorang peguam bahawa sememangnya Mahathir layak dinobatkan sebagai seorang diktator, tetapi kediktatoran Mahathir dilaksanakaninya secara sah, melalui undang-undang, sehingga orang awam jarang menyedarinya. Mahathir, katanya, menjadi diktator melalui penguatkuasaan beberapa akta misalnya, ISA, OSA, Akta Polis, Akta Hasutan, Akta Penerbitan, Akta Pengambilan Tanah.

dianggap sebagai suara pengkhianat yang mahu merosakkan negara, malah dilabelkan subversif. Akta dan peraturan yang jelas mencengkam kebebasan bersuara rakyat mesti dimansuhkan mananya peruntukan yang berkaitan. Mentang-mentang kedudukan Umno kukuh dalam setiap kali pilihan raya, siapa saja yang lantang mengkritik dasar dan rancangannya, maka mereka akan dicabar ke gelanggang politik, jangan berselindung di sebalik kerjaya masing-masing.

Imaduddin Abdul Rahim, dalam bukunya *Kuliah Tauhid* mengungkapkan bagaimana sahabat-sahabat Rasulullah yang sudah terbiasa dengan tradisi hidup di zaman jahiliyyah, ditegur dengan tegas oleh Nabi kerana mereka mengagung-agungkan baginda sedemikian rupa. Ketika beberapa orang sahabat sedang duduk-duduk berbincang tiba-tiba Rasulullah s.a.w. masuk ke dalam majlis mereka. Demi hormat mereka kepada Rasulullah s.a.w. maka mereka serentak berdiri menyambut Rasulullah, namun baginda bersabda, maksudnya: "Duduklah, janganlah kalian perlakukan (hormati) aku seperti orang-orang musyrik memperlakukan kaiser mereka atau umat Nasrani menghormati Isa al-Masih."

Di dalam kesempatan lain, ketika Rasulullah s.a.w. mendengar ada di antara para sahabat yang menyebut nama baginda didahului dengan perkataan Saidina, beliau menegur dan melarang sahabat ini. Pernah seorang lelaki kampung datang menemui baginda dan oleh kerana wibawa baginda yang demikian agungnya, lelaki ini gementar seperti ketakutan sehingga akhirnya dia jatuh dan bersujud di kaki beliau, maka Rasulullah s.a.w. langsung menegur: "Janganlah begitu! Sesungguhnya aku ini hanya manusia biasa, anak seorang perempuan Arab yang biasa makan dendeng."

Polemik tentang ketidakupayaan ulamak menghadapi cabaran baru memang rancak dibincangkan. Formula-formula penyelesaian Islamik terhadap masalah-masalah baru dalam kehidupan moden, khususnya berkaitan dunia ekonomi, belum dapat ditemui; kalaupun ada, sebahagiannya boleh dipersoalkan. Misalnya, dalam sektor kewangan dan perbankan, sentuhan ulamak cukup minima

sekali. Persoalan mengenai saham, pasaran masa depan, pertukaran wang asing dan seumpamanya masih menimbulkan kekeliruan. Ramai dari kalangan umat Islam menyepi diri daripada dunia dagang berkenaan kerana tidak mahu terbabit dalam perkara syubhat. Ia dikatakan akibat kelesuan ulamak yang seringkali dilihat tidak tangkas menyahut cabaran persekitaran, hasilnya umat kebingungan dan terperangkap dalam debat halal-haram yang berpanjangan. Masing-masing berhujah dalam tempurung kejahilan; yang mahir tentang dunia moden jahil pula hukum agama sedangkan yang alim selok-belok agama tidak dapat kuasai maudhuk perbincangan.

Benar, realiti semasa yang dihadapi ulamak tidak sama dengan realiti lepas. Masyarakat hari ini bukan masyarakat *simple* kurun ke-18 atau 19, tetapi masyarakat yang menuju abad ke-21, dalam era ledakan maklumat. Dr Ismail Ibrahim pernah menekankan: "Manusia moden memerlukan mesej yang mempunyai rencah ilmu dan logik, dan yang disampaikan melalui pendekatan psikologi yang dapat mempengaruhi pendirian dan persepsi mereka." Sarjana sejarah, Muhamad Abu Bakar pula menyimpulkan, dalam bukunya, *Ulama Terengganu: Suatu Sorotan* bahawa ulamak perlu bangkit dalam bentuk baru memandangkan persekitaran yang sudah berubah, dan dalam masa yang sama mengekalkan fungsi tradisi mereka sebagai pemegang amanah Allah. Pengintelektualan ulamak amat diperlukan bagi menangani persoalan dan permasalahan semasa ini. Sebuah artikel dalam *Suara Persatuan Ulamak* menyarankan agar ulamak patut menjadi pemimpin umat yang bukan hanya tampil untuk menyelesaikan isu permanian beradas atau isu melihat anak bulan. Lebih jauh isu yang ditangani itu mestilah isu besar, berkaitan dengan survival umat, kemerdekaan, kebebasan, keadilan, pelaksanaan undang-undang Islam, politik Islam, institusi pengadilan Islam dan lain-lain yang setaraf dengan martabat mereka sebagai *warathatul anbia*.

Sabri Sharif (UIA), dalam tulisannya, sempena Kongres Kebangsaan Dinamisme Ulamak Menghadapi Abad Baru mencatatkan: "Ulamak bukan sekadar menjadi penghukum kepada

kesalahan, malah bertanggungjawab dalam menjadi jurididik (*qaid murabbi*) bagi masyarakatnya. Mereka bukan saja menjadi pakar rujuk hal-hal keagamaan semata-mata malah pencetus kepada penghasilan teknologi-teknologi muasir seperti ilmu komputer dan penguasaan ilmu maklumat. Ulamak harus bersifat “multi-dimensional”.

Memang mudah kita membuat saranan demi saranan kepada ulamak agar mereka mempertingkatkan keupayaan dengan segera menguasai ilmu-ilmu dan perkembangan terkini. Walhal golongan ulamak yang tidak begitu ramai jumlahnya ini sentiasa diasak dan disendatkan masa lapang mereka dengan mengajar, berdakwah, berceramah, di samping mengisi program usrah, tamrin, seminar dan seumpamanya. Sebahagiannya bertindak sebagai tabib yang tidak putus-putus dikunjungi. Bagaimana pula dengan kita, yang sebahagiannya menjadi pakar dalam bidang-bidang profesional tetapi masih dangkal dengan ilmu-ilmu asas dalam Islam. Mengapa tidak, semasa kita mencadangkan ulamak terjun dan mendalami ilmu-ilmu muasir, kita juga turut memperdalamkan kefahaman tentang al-Quran, Sunnah, fiqh, sirah dan menekuni buku-buku tentang profesi kita yang berkait dengan Islam, misalnya kewangan Islam, perubatan Islam, ekonomi Islam, undang-undang Islam dan seumpamanya. Nanti, barulah kita rasai betapa sukarnya usaha mengintelektualkan ulamak dan mengulamakkan intelektual.

Bagi saya, tidak perlu kita mengimpikan ulamak jadi intelektual atau intelektual jadi ulamak kerana sistem pendidikan yang kita lalui telah membentuknya sedemikian rupa. Cukup sekiranya intelektual, sarjana, ahli profesional dan para umarak khususnya, mempunyai kefahaman asas Islam yang cukup mantap dan kukuh serta menghayatinya dalam kehidupan seharian, di samping menjalin hubungan intim dengan ulamak, menghomati dan mengasihi mereka, sentiasa merujuk dan meminta pandangan. Begitulah juga dengan ulamak, tidak segan silu untuk saling bertukar-tukar idea dan maklumat baru, menghargai kelebihan masing-masing. Jangan mudah prasangka, cuba memahami peranan yang boleh dimainkan serta elakkan sama sekali

memandang rendah antara satu sama lain.

Ingatan Haron Din boleh dijadikan panduan: "Siapa pun kita, sebenarnya kita bukannya tahu sangat tentang perkara di luar bidang kita, malah dalam bidang profesion kita sendiri, masih ramai yang lebih tahu berbanding kita. Jadi janganlah angkuh sangat, janganlah anggap diri serba tahu dan serba boleh." Dr Yusof al-Qardhawi juga berpesan tentang akibat buruk apabila seseorang pemimpin itu menganggapnya dirinya serba tahu dan orang lain bodoh belaka. Apabila pemimpin membuat sesuatu keputusan, seorang pun tidak ada hak untuk berkata "tidak". Dialah ulamak, dialah intelek, dan dialah yang paling faham dalam setiap perkara. Orang lain hanya perlu menyebut "amin" apabila dia berdoa dan berkata "ya" apabila pemimpin tersebut mendakwa sesuatu. Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya: "Bila anda melihat umatku takut berkata kepada si zalim, "wahai si zalim ...", maka tiada lagi kebaikan pada mereka." Sabda baginda lagi, "Hamburkan tanah pada muka orang yang gemar memuji."

3

PEMIKIRAN ISLAM MAHATHIR MERBAHAYA?

Presiden Umno, Mahathir Mohamad sememangnya merupakan Perdana Menteri yang mempunyai kelainan, berbanding PM terdahulu. Beliau lebih terbuka, berdaya maju, kuat bekerja, berwawasan, tetapi sekali gus membimbangkan. Negara didakwa mencapai kemuncak kegemilangan di zamannya; prestasi ekonomi bertambah tinggi, perpaduan kaum tidak lagi menjadi isu sensitif, kehidupan rakyat makin makmur, rancangan penerapan nilai-nilai Islam menjadi agenda penting, nama Malaysia sudah di tempa dalam peta antarabangsa. Umno semakin kukuh dan didokong oleh majoriti orang Melayu.

Mahathir memulakan eranya pada tahun 1981 dengan langkah menyakinkan; kejayaan cemerlangnya ditandai oleh kemenangan besar BN pada tahun 1982. Gandingannya dengan Musa Hitam (2M) – walaupun kemudiannya diketahui gelaran itu tanpa restu Mahathir – diharap dapat mengangkat martabat orang-orang Melayu dan meningkatkan maruah ummah. Tindakan Mahathir membebaskan ramai tahanan ISA seperti muhu membuktikan

beliau bersifat liberal, terbuka dan lebih demokratik. Tetapi awal-awal lagi Musa tidak bijak mengatur rentak politiknya apabila acapkali menimbulkan kontroversi mengenai Islam, dan sikapnya yang keras terhadap gerakan Islam. Musa dilihat tidak serasi dengan rancangan penerapan nilai-nilai Islam (yang sebenarnya tidak pernah pun dilancarkan secara rasmi) tajaan Mahathir. Bagaimanapun Mahathir dibantu oleh penyertaan Anwar Ibrahim, bekas Presiden ABIM yang berpengaruh ketika itu. Dengan itu ramai juga pencinta Islam yang terpukau dan tersilau dengan silap mata Mahathir ini.

Mahathir rupanya bijak membaca sensitiviti dan budaya Melayu. Beliau tidak mempamerkan imej anti-Islam secara nyata, seperti yang tertonjol pada Musa, meskipun begitu banyak kenyataan-kenyataan Mahathir yang sebenarnya menyakitkan hati nurani umat Islam. Sikap Mahathir mengenai undang-undang Islam, sekolah agama, ulamak, dan persepsiannya terhadap makna kemajuan, maruah bangsa, kedudukan bahasa Melayu dan maksud pembangunan, sekiranya dianalisis dengan mendalam cukup menggerunkan. (Dalam keadaan Mahathir boleh menangis meratapi gejala politik wang dan korupsi, anehnya beliau dilihat masih rapat dengan tokoh-tokoh yang tercalit dengan tuduhan rasuah). Apa pun andaian yang dibuat, yang nyata, Mahathir telah merubah banyak tanggapan orang Melayu terhadap beberapa dimensi agama, adat resam dan sensitiviti bangsa turun-temurun.

Misalnya, semasa menggulung perbahasan dan menutup perhimpunan Umno 1996, di samping menekankan soal reformasi budaya dan kegembiraannya kerana beberapa orang kuatnya menang dalam pemilihan (dan tentunya orang kuat Anwar turut kalah), Mahathir dengan nada bersahaja menyalahkan sekolah-sekolah pondok dan keghairahan ibu bapa menghantar anak-anak ke sekolah agama. Baginya, ini boleh membantut perkembangan orang Melayu, apatah lagi apabila yang belajar agama itu juga terdiri daripada pelajar-pelajar cemerlang. Katanya, sebagai mengulangi ucapan popular Sanusi Junid, “di mana ada pondok, di situ kita (Umno) bermasalah.” Sekali lagi ulamak disinggung,

dengan sindiran yang tajam, dan penuh prejudis.

Tentunya kita masih ingat, sewaktu menutup persidangan Umno lima enam tahun lalu, Mahathir membuat tafsiran baru mengenai undang-undang Islam berkaitan arak, judi dan seumpamanya. Seolah-olah baginya, undang-undang tidak perlu, yang penting ialah kekebalan iman. Ulasannya terhadap Hudud, ekoran Kanun Jenayah Syariah II Kelantan, juga menimbulkan kebingungan umum. Ia menjadi semakin rumit, bercelaru dan kacau-bilau apabila golongan cerdik pandai, khususnya ulamak, bersikap menyepi diri. Kalau ada pun yang bersuara, media berpengaruh, yang selama ini menjadi penghubung dan sumber maklumat rakyat, tidak berani untuk melaporkannya. Suara Mahathir adalah segala-galanya.

Bagi saya, pemikiran dan tanggapan Mahathir terhadap Islam dan kemajuan orang Melayu (termasuk isu Tanah Rizab Melayu) memerlukan penelitian lanjut. Mungkin kini orang Melayu dilalaikan dan terus leka dengan nyanyian pembangunan yang sebenarnya tidak membawa banyak perubahan berkesan dalam kehidupan mereka. Sementara itu, pencinta Islam harus lebih bersedia menghadapi cabaran bentuk baru ini, dengan kemampuan dan keupayaan yang lebih teruji. Tanpa sedar, Mahathir sudah membawa fahaman baru, yang ternyata – sekurang-kurangnya pada pandangan saya – membahayakan pegangan umat Islam seluruhnya.

ii.

Kata orang, mungkin inilah kos yang terpaksa dibayar hasil pembangunan yang tidak merujuk ketentuan Ilahi dan semata-mata ghairah mengejar pertumbuhan, tanpa mengambil kira kesan terhadap keperibadian serta akhlak generasi masa kini dan akan datang. Pedulikan segala-galanya demi merangkul nikmat pembangunan di negara penuh makmur ini. Masa tidak menunggu kita; segala-galanya terpaksa dikorbankan demi menyaingi kepesatan ekonomi serantau.

Manakala Perdana Menteri pula, lazimnya, tidak mempunyai banyak masa lagi untuk menggapai apa yang diimpikannya selama

ini. Negara maju, teknologi tinggi, koridor raya multimedia, penguasaan angkasa lepas, mengekalkan dan memacu pertumbuhan, bangkit sebagai bangsa yang gagah dan dihormati; begitulah apa yang dihajati sang PM. Mahu diharapkan timbalannya, lain pula agenda Anwar. Apatah lagi dengan anggota Kabinet Mahathir yang lain, mungkin ada antaranya yang masih belum faham apa itu MSC. Tambahan pula siapa yang berani sekat kemahuan dan impian PM. Tiada yang mustahil baginya. Bayangkan, hobi seorang PM boleh menjadi projek negara.

Namun apa yang ditakuti dan dibimbangi selama ini telahpun berlaku. Keruntuhan akhlak, kebejatan mpral, salah laku dan kepincangan sosial, kedangkalan penghayatan agama, tidak menghormati golongan tua, anak-anak kecil tidak disayangi lagi, ketagihan arak dan dadah, pergaulan bebas, rasuah dan korupsi, penyalahgunaan kuasa, politik wang, hidup materialistik penuh kemewahan, angkuh dengan pengaruh dan takhta, tidak hiraukan suara dan keluhan rakyat bawahan, bongkak dengan kehebatan diri, dan pelbagai unsur negatif yang semakin merebak dalam kehidupan moden menjelang abad ke-21.

Soalnya, benarkah gejala sosial yang melanda anak-anak muda kita sudah cukup parah sehingga semua pihak kelam-kabut, manakala pelbagai cadangan dan tindakan segera (dan terburu-buru) dilaksanakan? Apakah moral pelajar-pelajar sekolah kita sudah begitu menjunam dan sukar untuk dipulihkan lagi; hanya rotan, gari dan lokap sahaja mampu mengubatinya? Sudah hilangkah maruah, kehormatan dan harga diri anak-anak kita yang rata-ratanya masih mentah menghadapi pergulatan hidup ini? Ataupun ia hanya fenomena sementara kenakalan remaja yang meributkan kocakan air dalam cawan sahaja?

Namun begitu kita tidak memandang enteng setiap perkembangan yang merisaukan PM itu. Bukankah sejak sekian lama kebimbangan dan ketakutan itu dizahirkan; bangunlah setinggi mana pun menara, seluas dan secanggih manapun lapangan terbang, seindah manapun pusat-pusat pelancongan, sehebat manapun bandar kosmopolitan, namun berwaspadalah,

berhati-hatilah tentang akhlak dan moral setiap warga. Jangan hanya sendatkan pemikiran dan tanggapan mereka dengan daki dan habuan duniawi semata-mata. Jangan kotorkan keharmonian persekitaran dengan setiap apa yang diingini oleh nafsu dan syahwat. Nasihat seumpama ini mungkin sudah jelak didengar oleh PM dan kumpulannya. Wawasannya tidak boleh diganggu-gugat oleh tungkul-tungkul bergerigis di pertengahan jalan dan “pandangan kolot” golongan yang seringkali dilabelkan antipembangunan.

Kita tidak perlu menunggu tangisan PM sekian kalinya untuk turut merasa hiba dengan situasi buruk yang melanda umat. Tangisan mungkin menandakan kesedihan, keinsafan mahupun kekecewaan. Namun bagi maharaja yang berkuasa, tangisan di hadapan umum tidak membawa sebarang makna jika tiada sebarang tindakan berkesan diambil. Gejala rasuah yang semakin menular dalam masyarakat sukar ditangani jika hanya linangan air mata seorang PM yang mengiringinya. Bukankah kuasa pendakwaan jenayah dan Badan Pencegah Rasuah itu sendiri di bawah pengaruh mutlak PM? Bukankah PM berhak memecat atau menamatkan tempoh perkhidmatan mana-mana anggota Kabinetnya yang terbukti mengkhianati amanah rakyat?

Dan kini, berhadapan dengan gegak-gempita gejala sosial, kita menuntut komitmen politik yang jauh lebih tinggi daripada apa yang ditunjuki oleh pak-pak menteri sekarang, di samping tidak lupa mengingatkan segenap ahli masyarakat yang lain, misalnya ulamak, cendekiawan, pendidik, pegawai kerajaan, budayawan, seniman, pasukan keselamatan, pemimpin belia, pelajar, tokoh korporat, dan tidak kurang pentingnya ibu bapa, supaya lebih menyayangi generasi muda dalam erti kata yang sebenarnya. Harap semuanya jujur dan ikhlas.

iii.

Proses pembangunan negara adalah kerja kolektif. Ia bukan monopoli seorang Perdana Menteri atau Menteri Kewangan atau Penasihat Ekonomi Kerajaan semata-mata. Ia milik semua rakyat,

yang bahana dan natijah buruk akibat kesilapan perancangan dan perlaksanaannya nanti akan dirasai seluruh warga. Kita juga tidak mahu setiap urusan penting dan strategik negara ini hanya diputuskan di ruang tamu pejabat atau kediaman Perdana Menteri, sedangkan Parlimen hanya “dipaksa” menerima sahaja, manakala sebahagian besar projek gergasi lagi mewah tidak pernah langsung dimaklumkan dan dibahaskan di depan wakil-wakil rakyat. Kita tidak mahu PM hanya berunding dan meminta pandangan beberapa kenalan rapatnya, yang terdiri daripada tokoh-tokoh korporat tertentu, sementara pandangan lain langsung tidak diminta.

Seharusnya semua pihak harus dibabitkan secara aktif, dari segenap lapisan masyarakat. Secara formal, ia dibincangkan di Parlimen dan juga Dewan-Dewan Undangan Negeri. Wakil-wakil rakyat berhak membahaskannya dari pelbagai aspek dan menyalurkannya pula kepada massa. Lebih wajar sekiranya setiap persoalan yang akan dibincangkan itu diturunkan dahulu kepada setiap rakyat jelata. Dengar apa pandangan, rintihan, reaksi, kritikan, kecaman dan mungkin sokongan padu mereka. Pemimpin berhemah tinggi adalah pemimpin yang sentiasa mendampingi rakyat dan mengangkat martabat mereka yang lemah dan dhaif. Yang sedihnya banyak projek-projek gergasi dan membazir tidak pernah dibahaskan di Parlimen dan tidak diketahui berapa banyak peruntukan yang dihanguskan. Atas keistimewaan kedudukan seorang Perdana Menteri (yang membuatkan Presiden Amerika Syarikat pun cemburu dengan kuasanya) pelbagai projek mega boleh dilancarkan dengan mudah. Hobinya mungkin boleh dijadikan agenda utama pembangunan negara, ya ... kalau dia mahu, siapa yang boleh menghalangnya?

Rakyat mesti diberikan maklumat secukupnya tentang haluan dan arah tuju negara. Hak mereka itu mesti dipenuhi, bukannya dibatasi. Kadang-kadang mungkin timbul persoalan yang bersifat titik-bengik, remeh-temeh, kebudak-budakan, tetapi hanya pemimpin bebal dan egois sahaja yang mementingkan diri sendiri dengan menganggap cetusan nurani rakyat itu tidak perlu dilayan.

Bagi mereka, membuang masa saja bercakap dengan rakyat bawahan, yang tidak mengerti isu lokal apatah lagi global, bagaikan katak di bawah tempurung. Malah petugas dan aktivis parti sendiri kerap terabai; tiada pertemuan ramah-mesra atau majlis makan bertanya khabar. Rakyat kerap diremehkan, dipandang sebelah mata, dan sering dianggap membebangkan. Oleh itu, yang sering dipertimbangkan ialah nasib dan kedudukan, untung dan rugi golongan elit yang rapat dengan serambi kuasa.

Justeru itu, rakyat umumnya kerap dianggap dungu, bagi lembu dicucuk hidung, mudah “digoreng” dan diperdaya dengan daleh tidak munasabah yang sengaja dicari. Lihat sajalah isi kandungan kempen-kempen sewaktu musim pilihan raya umum yang mempertuduhkan daya intelektual pengundi. Kononnya untuk dekat dengan realiti rakyat bawahan, banyak misalan dan contoh yang dibawa dalam ceramah tertolak oleh fikiran yang rasional. Begitu juga jawapan pemimpin tertinggi kerajaan dalam isu-ksu kontroversi seperti penyertaan pasukan kriket Israel, skandal kewangan Perwaja, hukum hudud, dan seumpamanya. Daleh yang dikemukakan jelas tidak masuk aqal, tetapi pemimpin-pemimpin tertinggi dan bertaraf dunia itu tidak segan silu meneruskan omongan kosong, sebahagiannya melalui siaran langsung televisyen. Mereka tidak hiraukan apa reaksi rakyat, yang tentunya tidak semua boleh diperbodoh-bodohkan.

Sekali imbas, golongan menengah Melayu yang julatnya semakin besar itu langsung tidak dihormati, apatah lagi disegani. Asalkan tembolok mereka dipenuhi, kekayaan negara diagih-agihkan sesama sendiri, gaya kehidupan mewah selama ini tidak terjejas, katalah apa yang mahu dikatakan, “kami tidak rugi seduit pun.” Rakyat perlu bangkit menuntut hak yang selama ini dinodai. Mereka perlu disedari tentang maruah dan kehormatan diri. Mereka tidak boleh lagi hanya menjadi pemerhati pasif dalam kepesatan pembangunan negara. Mereka berhak menyumbang, sekurang-kurangnya dari segi idea dan pandangan. Rasa rendah diri tidak bertempat selama ini patut dibuang jauh-jauh. Bukankah itu antara sifat bangsa yang akan memimpin dunia?

4

ULAMAK DITOHMAH, ULAMAK DIPERSALAH: MUFTI PERAK JAWAB!

Terdapat golongan yang tertentu dalam Islam memahami Islam menurut semestinya. Mereka ini dinamakan oleh Islam sebagai ulamak, fuqaha' dan mujtahidin. Nama ulamak itu diambil dari firman Allah Taala:

إِنَّمَا يَخْشَىُ اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ

Maksudnya: "Sesungguhnya yang takut kepada Allah s.w.t. di antara hamba-hamba-Nya hanyalah ulamak."

(Fathir: 28)

Dan sabda Rasulullah s.a.w:

أَنَّ اللَّهَ لَا يَقْبضُ الْعِلْمَ إِنْتَزَاعًا يَنْتَزِعُهُ مِنَ النَّاسِ وَلَكِنْ

يَقْبضُ الْعِلْمَ بِقَبْضِ الْعَلِيَّاءِ....(رواية بخاري مسلم).

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah s.w.t. tidak mengambil ilmu itu dari manusia tetapi Dia mengambilnya dengan mengambil ulamak melalui kematian ulamak."

(*Riwayat Bukhari, Muslim*)

Nama fuqaha' pula diambil dari firman Allah Taala:

لِسَنَفَّهُوْأِفِ الْدِّينِ

Maksudnya: "Untuk memperdalamkan pengetahuan mereka tentang agama."

(*At-Taubah: 122*).)

Dan sabda Rasulullah s.a.w:

من يرد الله به خيراً يفقهه في الدين ويلهمه رشده. (روايه
الترمذى، ابن ماجه دان ببهقى).

Maksudnya: "Barangsiapa dikehendaki Allah s.w.t. mendapat kebaikan, Allah s.w.t. memberikan kepadanya fiqh (kefahaman) di dalam Deen dan memberi petunjuk kepadanya."

(*Riwayat Tarmizi, Ibn Majah dan Baihaqi*)

Manakala nama mujtahidin diambil dari pengakuan Rasulullah s.a.w. terhadap perkataan Mu'az bin Jabal tatkala baginda mengutusnya ke negeri Yaman, Rasulullah telah bertanya kepadanya:

بِمِ تَحْكُمْ إِنْ لَمْ تَجِدْ فِي الْكِتَابِ وَلَا فِي السُّنْنَةِ فَقَالَ: (اجتهد
رأيَيْ وَلَا آلَيْ). (رواية ابو داؤد دان بغاوي).

Maksudnya: "Dengan apa engkau menghukum kiranya engkau tidak mendapatkan di dalam kitab (al-Quran) dan tidak pada

Sunnah?” Maka dia berkata: “Aku berijtihad dengan fikiranku dan aku tidak leka.”

(*Riwayat Abu Daud, Baghawi*)

Sepanjang keterangan dari Nabi kita s.a.w. para ulamak itu adalah segolongan orang yang mempunyai kedudukan tinggi serta penting dalam lingkungan masyarakat umat manusia, terutama umat Islam. Antara lain dari sabda-sabda Nabi s.a.w. adalah seperti berikut:

الْعُلَمَاءُ أَمْنَاءُ اللَّهِ عَلَىٰ خَلْقِهِ

Maksudnya: “Ulamak itu para pemegang amanat Allah atas segenap makhluknya.”

الْعُلَمَاءُ مُصَابِّحُ الْأَرْضِ، وَخَلْفَاءُ الْأَنْبِيَا، وَوَرَثَةُ
وَرَثَةِ الْأَنْبِيَا.

Maksudnya: “Ulamak itu pelita-pelita bumi, pengganti-pengganti Nabi.”

رَمَثَلَ الْعُلَمَاءُ فِي الْأَرْضِ كَمِثْلِ بَحْرِ السَّمَاءِ هُنْدَدِيَّ بِهَا فِي
مُلْكَاتِ الْبَرِّ وَالْبَحْرِ.

Maksudnya: “Sesungguhnya ulamak di bumi ini seperti bintang-bintang di langit dengan dia ummat ditunjukkan jika dalam kegelapan, baik di darat maupun di laut.”

الْعُلَمَاءُ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَا

Maksudnya: “Ulamak itu waris sekalian para Nabi.”

Ulamak sebagai pemegang amanah dan pertaruhan Allah atas

segenap makhluk-Nya. Kata-kata hadis ini bukan kata-kata yang ringan dan senang. Orang yang berakal tentu dapat menggambarkan sendiri, betapa beratnya orang memegang amanat dari orang lain untuk disampaikan kepada seorang yang lain lagi. Ia bererti bahawa dia telah sanggup untuk menunaikan kewajipan menyampaikan amanat itu kepada yang berhak menerimanya. Kalau dia tidak menunaikan kewajipan itu, maka ia berkhanat kepada orang yang telah mempercayai dengan amanat itu kepadanya.

Oleh kerana ulamak itu pemegang amanat Allah, orang-orang yang dipercayai oleh-Nya untuk menyampaikan amanat-Nya kepada segenap makhluk-Nya itu, maka sudah tentu tidak ringan tanggungjawab mereka kepada Allah. Amanat Allah kepada para ulamak untuk disampaikan terhadap segenap makhluk-Nya ini sudah tentu tidak hanya satu urusan, dan tidak pula hanya merupakan satu barang yang mudah dibawa, senang dipikul dan mudah dijinjing. Mereka itu harus menyampaikan kebenaran (hak) dari Allah kepada segenap lapisan masyarakat yang ada pada masa mereka.

Ulamak sebagai pengganti para Nabi, sebagai penerima pusaka (ahli waris) para Nabi dan waris Nabi kita, Muhammad s.a.w. Dapat difikir dan dimengertikan, bahawa seorang yang menerima pusaka (waris) dari seorang lain yang berupa harta, misalnya, atau seorang yang menjadi pengganti seorang lain untuk mengurus satu urusan, ia tentu mempunyai tanggungjawab penuh untuk memelihara keselamatan barang yang dipusakainya, ataupun membereskan urusan yang telah disanggupi untuk mengurusnya. Kalau tidak dapat mengurus atau memelihara barang yang dipusakai olehnya, maka dapatlah dikatakan bahawa ia seorang yang berlaku curang, tidak jujur dan khianat.

Para ulamak sebagai pengganti para Nabi, ertiinya mereka itu yang menggantikan jabatan dan pekerjaan para Nabi. Yang menjadi tugas para Nabi Allah ialah menyampaikan dan menyatakan kebenaran yang diterima dari hadirat Allah dengan penuh kesanggupan dan keberanian kepada segenap umatnya, tidak ada rasa takut atau khuatir diri mereka. Bahkan jika sudah dipandang

perlu, mereka siap sedia menyumbangkan nyawa di medan peperangan untuk menegakkan keadilan di muka bumi.

Dan demikian rupa para ulamak sebagai ahli waris para Nabi dan ahli waris Nabi Muhammad s.a.w. Ertinya mereka itu yang berkewajipan memelihara, mengurus dan menyuburkan barang yang dipusakai agar barang itu tidak sia-sia, teratur, terpelihara baik-baik dan tersiar dengan suburnya.

Status ulamak ditentukan, antara lain, oleh tahap kealimannya dalam ilmu-ilmu agama dan bahasa Arab. Selain itu dicirikan juga oleh kesahihannya, pengabdiannya kepada Tuhan dan kebaktianya kepada umat. Ulamak adalah ilmuan yang menghayati ilmunya sehingga layak menjadi model ikutan penghayatan ajaran Islam. Seterusnya dicirikan pula oleh penerimaan umat ini sebenarnya tidak mudah. Mereka harus memiliki citra yang penuh wibawa di samping harus cukup dekat dengan umat. Seperti yang digambarkan oleh Muhammad Natsir, ulamak adalah tempat umat “menaruh kepercayaan.”

Di Malaysia, usaha-usaha telah dibuat untuk memberi definisi yang sesuai kepada ulamak itu dengan apa yang disarankan menerusi Hadis Rasulullah s.a.w. dan ayat al-Quran sendiri. Menerusi beberapa seminar dan muktamar, ijtima'k dan sebagainya, maka pada akhirnya Ijtima'k Ulamak Se-Malaysia, anjuran Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia (YDIM), yang diadakan di Kota Bharu, Kelantan pada 29 Oktober 1992 telah merumuskan bahawa ulamak itu ialah ahli ilmu pengetahuan yang mempunyai ciri-ciri berikut:

1. Berkebolehan dalam bidang agama Islam.
2. Dapat memahami kitab-kitab agama yang muktabar.
3. Dapat mengajar dengan kaedah yang sesuai.
4. Beramal dengan ilmunya dengan penuh taqwa dan iman.

Ciri-ciri ulamak yang sedemikian ditentukan adalah untuk membezakan antara cerdik pandai Islam dalam pelbagai bidang keilmuan yang lain dengan bidang keilmuan agama yang telah

dikenali selama ini. Ia bagi mengelakkan berlakunya salah faham terhadap ajaran pokok Islam sekiranya ajaran itu turut juga diolah dan disampaikan oleh orang-orang yang tidak berkebolehan di dalam bidang keagamaan yang dimaksudkan.

Maka ulamak yang ditakrifkan sedemikian adalah yang dipertanggungjawabkan oleh agama, bangsa dan negara dalam memandu arah hidup individu, masyarakat dan negara selaras dengan kehendak-kehendak ajaran Islam, terutamanya dalam menghadapi zaman moden dan serba maju ini.

Kebaikan manusia terletak pada kebaikan ulamak dan pemerintah. Demikian juga kerosakan mereka terletak pada kerosakan ulamak dan pemerintah. Telah dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam sabda baginda:

صَفَنَانْ مِنَ النَّاسِ إِذَا صَلَحَا صَلَحَ النَّاسُ وَإِذَا فَسَدَ فَسَدَ
النَّاسُ: الْعُلَمَاءُ وَالْعُوْرَمَاءُ. (رواية ابو نعيم دalam كتاب الخلية).

Maksudnya: “Dua golongan dari manusia apabila kedua-duanya itu baik, maka baiklah manusia dan apabila kedua-duanya rosak, rosaklah manusia, iaitu ulamak dan pemerintah.”

(Abu Na'im dalam kitab al-Huliyah)

Ini telah dibuktikan oleh realiti dan kenyataan pada segala tempat dan masa. Manusia terbahagi kepada kepada dua golongan. Satu golongan mengikuti ulamak, terpengaruh dengan arahan ulamak, mengikuti jejak langkah mereka di dalam taat kepada Allah s.w.t., tunduk kepada Allah s.w.t. dan mengikuti sunnah Rasulullah s.a.w. Mereka berjalan melalui jalan yang berdasarkan hukum-hukum Islam. Mereka bekerja dengan ulamak dalam memerangi kekufuran, kemungkaran dan segala perkara yang bertentangan dengan Islam dan yang tidak sesuai dengan syariat Islam. Mereka menyokong ulamak dalam segala perkara yang membawa kebaikan dan faedah kepada umat Islam. Ini melahirkan

kebaikan yang banyak untuk Islam dan umatnya.

Segolongan lagi ialah manusia yang mengikuti pemerintah. Sekiranya pemerintah itu orang yang salih serta ditakuti hukumannya dan pengadilannya (kerana orang yang membuat kejahanan, kezaliman dan kerosakan kepada masyarakat, takut kepada hukuman, jadi manusia membuat kebaikan semata-mata menurut arahan pemerintah mereka yang salih itu dan manusia taat setia kepada mereka), maka lahirlah kebaikan yang banyak di kalangan manusia.

Di dalam Islam tidak ada kekuasaan negara yang terpisah daripada agama. Bahkan kekuasaan negara hanya satu sahaja iaitu kekuasaan yang berdiri di atas asas Islam. Kekuasaan yang melaksanakan ajaran Islam, kerana Islam itu adalah ad-Deen. Deen pula adalah sistem hidup dan cara hidup yang lengkap dan kerajaan itu hanya sebahagian daripadanya. Manakala politik pula hanya mengatur urusan hidup rakyat berlandaskan undang-undang Islam.

Islam itu adalah aqidah dan sistem hidup yang sempurna. Islam itu dipandang sebagai aqidah kerana asasnya berdiri di atas keimanan kepada Allah s.w.t. kepada para Rasul, malaikat, al-Quran, hari Akhirat dan qada' qadar. Inilah aqidah Islam. Dari aqidah itu lahirlah segala sistem hidup Islam dalam pemerintahan, politik, ekonomi, sosial, undang-undang keseksaan (Hudud), keterangan-keterangan, muamalah dan lain-lain urusan hidup manusia. Segala sistem ini merupakan undang-undang syariat Islam yang telah diputuskan oleh para mujtahid, dari dalil tafsiran al-Quran dan Sunnah Rasulullah.

Ulamak adalah pendokong dakwah Islam kepada manusia dengan menyeru manusia kepada Islam dan menerangkan hukum-hukum Allah s.w.t. pada segala perkara dan peristiwa. Di antara kewajipan mereka ialah mengadakan perundingan dengan pemerintah dan mengkoreksi pihak yang bertanggungjawab dalam urusan yang tertentu, di samping memberi nasihat yang jujur kepada mereka, menyuruh manusia berbuat baik dan melarang mereka dari kemungkarhan.

Inilah tugas politik, sebab politik itu ertinya memelihara segala urusan manusia. Ada di antara ulamak Islam itu yang telah memegang tampuk pemerintahan kerajaan Islam dan ada yang telah bekerjasama dengan pemerintah untuk menguruskan negara. Ulamak adalah kumpulan yang paling layak sebagai golongan yang tidak berkepentingan berupaya meletakkan asas dan prinsip yang sebenarnya dalam segenap aspek penyusunan, pengurusan dan pentadbiran masyarakat dan negara.

Dari aspek yang lain, usaha ini dilihat sebagai satu langkah penting dalam kedudukan dan fungsi ilmu dalam pembangunan negara. Kesinambungan peradaban akan terjadi jika asas dan pangkalan ilmu berupaya dimantapkan dalam kehidupan masyarakat. Satu peradaban besar tidak mampu dibina hanya berdasarkan anggapan dan agakan. Pembinaan harus diasaskan melalui alasan dan penilaian yang jelas serta kukuh, selepas memahami dan menepati keperluan dan tuntutan sekitar. Masyarakat yang bertunjangkan ilmu adalah masyarakat yang hidup dalam kebenaran, membenci kepalsuan dan menolak kesamaran. Masyarakat berilmu akan bangkit dengan berani menentang segala bentuk kezaliman, penindasan dan pembohongan di sekeliling mereka, walaupun kepentingan mereka tergadai.

Sesungguhnya usaha mengembalikan fungsi ilmu pemimpin masyarakat tidak patut dikompromikan atau dilakukan secara sambil lewa. Iltizam politik perlu dalam menjayakan usaha ini. Dalam situasi masyarakat kian mudah terpengaruh dan mempercayai janji politik dan tawaran korporat, nasihat dan bimbangan ulamak dalam erti pengembalian fungsi dan kepentingan ilmu perlu digerakkan secara lebih sistematik, berkeyakinan dan konsisten di segenap peringkat masyarakat.

Kewibawaan ulamak sepatutnya tidak hanya terbatas kepada bidang keilmuan dan peningkatan akhlak sahaja tanpa membabitkan urusan siasah negara. Kesyumulan Islam tidak hanya wujud secara mengembangkan ilmu sahaja. Kesepaduan antara Deen dan Daulah perlu ke arah penyatuan dan kehidupan umat. Dalam menangani era abad ke-21 ini, ulamak perlu menyediakan

diri dan mempunyai pandangan yang jelas mengenai fungsi mereka membawa masyarakat ke arah pemahaman Islam yang lebih jitu. Kegagalan ulamak mencernakan Islam yang jika tiada pengawasan dari sudut aqidah boleh menjerumuskan masyarakat kepada kelonggaran nilai dan agama. Oleh itu kesepaduan antara aspek fizikal, rohani dan mental perlu bagi melahirkan ummah yang lebih kukuh aqidahnya.

Ulamak dalam Islam tidak sepatutnya digambarkan sebagai golongan yang hanya menumpukan kepada aspek ibadah yang khusus sahaja. Dalam era pembangunan ini, dasar hubungan kemasyarakatan umat Islam adalah bertujuan untuk mengutamakan keharmonian dari sudut insaniah, ibadah dan fizikal. Banyak perkara baru yang mungkin tidak ada hukum dan istinbatnya pada zaman Rasulullah dan sahabat dialami oleh masyarakat Islam sekarang. Ulamak dan cendekiawan Islam perlu menangani isu baru ini bersandarkan al-Quran dan as-Sunnah. Semua hukum dan fatwa hendaklah bersandarkan kedua-dua sumber itu. Imej Islam yang progresif perlu ditonjolkan dan kewibawaan ulamak perlu terserlah dalam menangani isu semasa. Isu yang memerlukan fatwa ulamak seperti pemindahan jantung, pembedahan mayat, bayi tabung, pengharaman rokok dan sebagainya perlu kepada perincian dan penerangan terperinci. Masyarakat kini suka bertanya dan bukan sekadar pemerhati. Mereka sudah pastinya perlu kepada kepekaan golongan ulamak bagi membantu mengatasi masalah semasa.

Pendekatan ulamak dan golongan agama harus pelbagai dalam usaha menjinakkan hati masyarakat terutama golongan remaja dengan Islam. Ulamak memang mempunyai kewibawaan yang baik untuk menyedarkan semua peringkat akan perlunya insan yang jelas mengenai agamanya dalam menangani arus masyarakat. Amat rugi jika negara dalam usaha mencapai tahap ekonomi yang tinggi tetapi dari segi akhlak amat merosot. Ulamak bukan sekadar Pencegah maksiat tetapi aspek ma'ruf perlu ditanamkan dalam jiwa remaja yang sebenarnya amat terdedah kepada arus pembangunan dunia moden.

Pembangunan dan kemajuan umat Islam hanya boleh terbina dan diiktiraf sebagai kejayaan sekiranya ia ditegak berpaksikan falsafah tauhid dan ketaqwaan. Kemajuan dan kejayaan tidak mempunyai erti sekiranya manusia hidup dalam kederhakaan, jauh dari Allah dan bergelumang dengan maksiat. Oleh itu kekayaan kebendaan dan kemajuan dalam fardhu kifayah seperti perekonomian, perakaunan, sains dan teknologi, perindustrian dan sebagainya perlu berakar-umbikan kekuatan aqidah dan penghayatan nilai-nilai murni. Umat yang jauh dari Allah dan rosak akhlaknya sudah pasti akan menuju kepada kehancuran walaupun betapa tinggi teknologi dan ketamadunan yang dicapai.

وَمَنْ يَعْشُ عَنْ ذِكْرِ الرَّحْمَنِ نُقْبَضُ لَهُ شَيْطَلَنَا فَهُوَ لَهُ قَرِينٌ

Maksudnya: “Barangsiapa yang berpaling dari peringatan Allah yang Maha Pemurah (al-Quran), kami adakan baginya syaitan (yang menyesatkan) maka syaitan itulah yang menjadi teman yang selalu menyertainya.”

(al-Zukruf: 36)

Tonggak kekuatan dan kejayaan umat Islam adalah berasaskan muafakat dan perpaduan. Bersaing untuk bekerjasama dan bermuafakat wajar dijadikan slogan dan pegangan hidup sehari-hari. Usaha untuk memajukan dan menterjemahkan tuntutan dan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian adalah tanggungjawab semua pihak. Amat mendukacitakan terdapat kecenderungan pada masa ini bagi menuding jari meletakkan kesalahan kepada para ulamak di atas kelemahan atau kegagalan umat Islam untuk menjadi umat yang bertaqwa, berakhlik, maju dan dinamik dalam dunia yang penuh persaingan ini. Kita lupa bidang kuasa yang diberikan kepada para ulamak adalah sangat terhad. Kuasa yang diberikan kepada mereka terbatas dalam lingkungan aqidah, syariat dan ibadah khusus sedangkan Islam itu adalah cara hidup yang luas ruangan lingkupnya.

Oleh itu tugas untuk memajukan umat Islam adalah tugas semua pihak termasuk orang politik, pentadbir, ahli korporat, ahli sains, ahli perniagaan dan sebagainya. Ahli-ahli dalam pelbagai bidang ini mempunyai tanggungjawab dan peranan untuk menyesuai dan menyelaras segala bentuk kegiatan dalam bidang masing-masing selaras dengan kehendak Islam. Untuk ini adalah penting bagi para ulamak dan ahli-ahli bidang berkenaan bergabung tenaga dan kepakaran. Pemerintah sebagai teraju kepimpinan Islam yang dihormati dan berwibawa seharusnya memainkan peranan mewujudkan pelbagai struktur dan forum bagi menghimpun dan menggembangkan tenaga-tenaga Islam ini secara bersepada. Pencapaian dan kemajuan umat Islam tidak akan berjalan dengan lancar, secara optimum dan berkesan sekiranya tenaga-tenaga kepimpinan Islam dari pelbagai bidang ini tidak tersimpul dalam satu ikatan yang utuh dan padu.

Penyediaan suasana kehidupan yang bersih dari maksiat atau penggalak maksiat perlu menjadi salah satu agenda kerja utama perjuangan pengurusan negara sekiranya kepemimpinan yang ada bercita-cita memainkan peranan yang besar dan berkesan sebagai penggerak kebangkitan dan kecemerlangan ummah di abad ke-21. Justeru itu kita harus tegas dan tidak teragak-agak untuk menutup segala punca dan penggalak maksiat. Segala program dan aktiviti yang bertentangan dengan tuntutan, akhlak dan budaya Islam tidak seharusnya diberi tempat, apatah lagi diberi penghargaan.

ذُرْعَانَفَقَادِيَنَقَدْمَ عَلَى جَكَبِ اَنْتَمَارِج

Maksudnya: “Menolak kerosakan diutamakan daripada meraih kebaikan.”

Sekiranya masyarakat memberi penghargaan kepada perkara yang mungkar dan sia-sia, maka itulah yang dihargai menjadi anutan dan yang akan dikejar-kejar oleh masyarakat terutamanya generasi muda. Salah dalam memberikan penghargaan amat

berbahaya. Jika kita memberi penghargaan dan tempat yang tinggi kepada artis-artis rock dan rap maka itulah yang akan dihargai dan dimuliakan oleh anak remaja kita. Bagaimana acuan begitulah kuehnya. Kita akan dapat apa yang kita hargai. Oleh itu tidak hairan sekiranya remaja tidak menghormati orang-orang tua, tidak cinta kepada masjid dan mudah terdorong kepada perlakuan yang jijik dan tidak bermoral kerana amat kurang sekali dorongan dan penghargaan ke arah itu. Elakkan diri dari menjadi pelakon yang memainkan dua watak dalam masa yang sama. Amatlah menghairankan bahawa jiwa, benak dan tangan yang menggerak, mendorong dan melaksanakan pelbagai aktiviti yang ma'ruf tetapi jiwa, benak dan tangan yang itu juga mengerak, mendorong dan melaksanakan pelbagai aktiviti kemungkar yang sia-sia. Jelas berlaku pertentangan yang berdepan dan begitu terbuka.

Tulisan ini disediakan oleh Mufti Kerajaan Negeri Perak, Dato' Harussani Zakaria.

5

JIKA MAHATHIR LAWAN ULAMAK, RAKYAT SEBELAHI SIAPA?

Malam Sabtu, 15 Ogos 1997, selepas menghadiri ceramah perdana Dato' Haron Din di Ampang Indah, saya sempat berbual-bual dengan beberapa kenalan setempat. Apa lagi, berbetulan dengan fokus utama ceramah Dr Haron Din, yang secara halus seperti cuba mengupas isu serangan Mahathir terhadap ulamak, maka menjadi begitu meriahlah perbincangan kami.

“Mahathir dah gelabah, dah gabra, dah jadi tak tentu hala, tenggelam punca. Siapa kata Mahathir hampir murtad. Mufti mana yang tuduh dia hampir murtad pasal kes ratu cantik? Inilah bahananya bila buat salah,” seorang teman memulakan perbualan, selepas bertanya khabar dan mencari tempat duduk yang selesa, sambil menyedut minuman melepaskan dahaga. Dia jelas merujuk kenyataan Mahathir pada sidang media di Jitra, yang melaporkan PM kesal kerana beliau dituduh hampir murtad oleh mufti tertentu “ekoran tegurannya terhadap kes tiga Melayu yang ditahan kerana

menyertai pertandingan ratu cantik di Selangor.”

PM seterusnya dilaporkan berkata, “Saya tidak kata pertandingan itu halal dan tidak kata tangkapan tidak perlu dibuat. Saya cuma kata jika mahu ambil tindakan janganlah terlalu keras. Kita mesti adil, kalau orang itu penyangak garilah, tetapi budak-budak itu bertanding dalam pertandingan yang haram bagi mereka.” Tindakan seperti itu, kata Mahathir, bukan sahaja memalukan peserta terlibat dan keluarga mereka malah menakutkan penganut agama lain untuk mendekati Islam. Mahathir menambah, “Saya tahu teguran ini akan menyinggung Mufti tetapi saya tidak kata semua Mufti tetapi tertumpu pada Mufti tertentu yang memberi kenyataan dalam akhbar.”

Saya sendiri terkejut dengan reaksi “melampau” PM terhadap kenyataan Mufti Selangor, Dato’ Haji Ishak Baharom dalam satu ceramahnya di Kedah, yang dilaporkan oleh *Harakah*, lidah rasmi PAS. Yang pastinya, PM keliru dengan isi kandungan ceramah Dato’ Ishak itu dan dengan sendirinya mendedahkan rasa bersalahnya kepada umum. Dato’ Ishak hanya mengingatkan pemimpin-pemimpin kerajaan supaya berfikir panjang sebelum mengeluarkan sebarang kenyataan yang boleh menyebabkan syahadah mereka tergelincir, misalnya dengan mempertikai syariat Islam, termasuk hukum Hudud. Dato’ Mufti langsung tidak menuduh orang yang mempertikai langkah JAIS menahan ratu cantik sebagai murtad atau hampir murtad. Golongan tersebut hanya disifatkan sebagai pembela mungkar dan maksiat. “JAIS dipersalahkan kerana dikatakan memalukan tiga peserta ratu cantik itu, tetapi mengapa pula tindakan peserta itu yang dengan sengaja mendedahkan aurat di khayalak ramai tidak dipertikai,” tegas Dato’ Ishak.

Mufti Selangor itu menjelaskan: “Murtad hukumnya kepada sesiapa sahaja yang mempertikaikan syariat Islam, misalnya hukum Hudud seperti yang hendak dilaksanakan oleh sebuah negeri. Walaupun hanya benci dalam hati kepada perkataan Hudud itu pun, hukumnya adalah sama sahaja.” Mereka, ujarnya, tidak cukup hanya melakukan taubat sahaja kerana ia bukannya suatu dosa

besar tetapi lebih daripada itu. Katanya, mereka mesti mengucap untuk memeluk Islam semula, barulah mereka boleh melakukan taubat di atas kesalahan mereka itu.

“Masanya dah sampai untuk Mahathir berundur,” kata seorang wartawan veteran yang turut sama mendengar ceramah Dr Haron Din. “Apabila Mahathir lawan raja, memang akhirnya dia menang. Itupun bukan kerana rakyat di belakangnya sangat. Rakyat pun tidak suka raja yang sompong, atau asyik timbun kekayaan peribadi. Bila Mahathir lawan peguam, dia juga menang. Bila Mahathir lawan hakim, dia juga menang. Bila Mahathir lawan kesatuan sekerja, dia juga menang. Penentang-penentangnya dalam Umno dapat dijinakkan. Ku Li dah mengaku kalah. Rais Yatim mula bina jambatan semula. Tapi, Mahathir jangan ingat, bila dia menentang ulamak, rakyat akan bersama-sama. Ulamak, walaupun secara individunya nampak lemah, tapi atas sentimen keagamaan, Mahathir hanya menempah padah. Cukuplah, Malaysia merdeka sudah 40 tahun, 16 tahun daripadanya, hampir separuh, dipimpin Mahathir. Apa lagi yang Mahathir nak?”

“Aku setuju sangat dengan hujah Dr Haron Din tadi,” sambungnya. “Jika institusi ulamak dapat dimusnahkan, penghormatan terhadap mereka sudah hancur, maka ummah akan berkecaci, kesedaran Islam akan luntur.” Haron Din dalam ceramahnya itu berkata, “orang yang tidak suka kepada Islam akan melihat golongan ulamak sebagai penghalang cita-cita dan keinginan mereka.”

“Memang pelik dunia sekarang,” saya mencelah, “nak suruh buat baik pun payah, nak larang orang buat jahat pun tak boleh. Lagi pelik, bila ada orang buat salah, langgar peraturan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, nak tangkap pesalah itu pun susah. Macam-macam karenahnya, pakai gari tak boleh, tangkap tengah khayalak ramai tak boleh, sedangkan kita mesti tangkap pesalah ketika mereka sedang melakukan kesalahan. Apa bezanya dengan kesalahan buang sampah di tempat awam yang didenda serta merta RM100.”

Macam-macam hal Mahathir nak pertikai sekarang,

bagaimanapun dia tak gopoh, dia faham sensitiviti orang Melayu. Mahathir ada strategi tersendiri. Satu demi satu dihulurnya, kemudian Mahathir akan tengok respons, apa sikap orang Melayu. Sama seperti isu Yahudi. Dah lama Mahathir kepingin mengiktirafnya, menjalin hubungan politik dengan Israel, mungkin dia teringin sangat nak duduk semeja dengan tokoh-tokoh Yahudi di Isreal, tapi disebabkan penentangan kuat umat Islam, khususnya PAS, dia tangguhkan sebentar. Kalau diyakininya bantahan itu kendur, barulah tembelangnya terdedah. Strateginya untuk menekan ulamak juga begitu. Tak salah apabila Mahathir kata tidak semua yang mengaku ulamak itu pewaris Nabi. Ramai juga ulamak yang tidak mencapai makam tersebut, ada yang menjadi “ulamak segera” hanya kerana memakai serban dan jubah, tahu menghafal dua tiga potong ayat al-Quran dan Hadis, dan yang penting bijak berpidato serta sedikit karisma kepemimpinan. Itu ulamak sendiri mengakuinya. Tapi jangan kerana dua tiga individu yang menyeleweng, institusi ulamak itu mahu dimusnahkan.

Mengenai ciri-ciri ulamak sebenar, kita kemukakan pandangan Uthman El-Muhammady, seorang pendakwah bebas yang kini menjadi fellow tetap IKIM, sebuah institusi agama yang rapat dengan Mahathir. Malah, kata seorang kawan, kalau nak tengok pemikiran Islam Mahathir, tengoklah IKIM, jangan tengok Pusat Islam. IKIM, dakwa teman saya itu, ditubuhkan Mahathir kerana Mahathir tidak yakin lagi dengan kemampuan Pusat Islam. Yang pertama dan utama ialah ulamak mestilah ahli dalam ilmu-ilmu agama seperti ilmu tentang al-Quran, Sunnah, tafsir, syariat, aqidah, tasawwuf, seterusnya memahami ilmu-ilmu yang membantunya dalam memahami agama, seperti bahasa Arab. Seterusnya ulamak harus mempunyai ciri-ciri berikut:

1. Tidak mencari dunia dengan ilmu agamanya.
2. Perbuatannya sepakat dengan percakapannya.
3. Tekun dalam menjayakan ilmu yang berfaedah, menyuburkan tugas rohaniah dengan bersungguh-sungguh, serta menge-lakkan diri daripada ilmu yang tidak mendatangkan faedah.

4. Sederhana dan tidak mewah hidupnya. Segala akhlak yang terpuji adalah pakaian ulamak.
5. Menjauhi diri daripada penguasa, dan seboleh-bolehnya tidak mengunjungi mereka kecuali terpaksa sangat atas tuntutan keagamaan.
6. Tidak cepat-cepat mengeluarkan fatwa, bahkan selalu menahan diri seboleh-bolehnya. Jika ditanyakan suatu masalah yang dalilnya pasti dari al-Quran, Hadis, ijma' atau qias, barulah ia memberi fatwa.
7. Lebih mementingkan ilmu batin dan meneliti tentang hal ehwal hati. Apabila dilihat muka mereka maka manusia teringat kepada Allah, berbeza dengan melihat hamba dunia, teringatlah manusia kepada wang.
8. Pada diri ulamak didapati sifat ketenangan, merendah diri, tidak bongkak atau takbur. Cakap kosong, senda gurau berlebihan, ketawa berdekah-dekah, serta gerak-geri yang keji atau hina, atau kesombongan dan kelalaian tidak didapati pada peribadi ulamak.

Bekas guru saya, Ustaz Nakhaie Ahmad ketika menghuraikan identiti ulamak menjelaskan, ulamak mestilah tidak terpisah daripada ilmu dan falsafah ilmu yang mendokongnya. Hanya apabila berlaku krisis ilmu dan diikuti dengan proses *inqirad* (kepupusan) ilmu-ilmu Islam dengan kembalinya para ulamak Islam diangkat Allah tanpa pengganti, maka identiti ulamak juga turut bercelaru, sehingga para juhala' juga dianggap ilmuan Islam. Keceluaran kian bertambah apabila ilmuan-ilmuan sekular yang menguasai berbagai-bagai bidang kajian turut ditabalkan sebagai ilmuan Islam, pada hal mereka jahil tentang metafizika Islam dan tidak beriltizam kepada tradisi ilmu Islam.

“Mahathir,” kata seorang aktivis pembangkang yang turut minum kopi panas bersama kami, “jangan hanya sibuk selongkar keperibadian ulamak yang sebenar, Islam juga menentukan kriteria pemimpin atau ketua kerajaan seperti yang disandang Mahathir.” Mengikut Maududi, pemimpin tidak boleh terdiri dari orang-orang

zalim, fasik, fajir (melakukan dosa keji seperti berzina), lalai akan Allah dan melanggar batasan-batasan-Nya, tetapi mereka haruslah terdiri daripada orang mukmin yang bertaqwa dan beramal soleh. Dan apabila seorang zalim atau fasik berkuasa atau merebut kekuasaan kepemimpinan, menurut pandangan Islam, kepemimpinannya itu batal. Mahathir boleh menilai sendiri dirinya apakah dia sebenarnya berusaha melengkapkan dirinya sebagai seorang pemimpin Islam. Mahathir tak perlu hafal al-Quran, menguasai sepenuhnya bahasa Arab, alim tentang fiqh, tetapi memadai jika dia bersedia merujuk segala persoalan dasar negara, khususnya dalam masalah yang menjadi pertikaian dan belum jelas nas hukumnya kepada ulamak muttaqin. Malang sekali, dalam soal yang sudah jelas pun nampaknya Mahathir mencari seribu daleh, untuk tidak melaksanakan tuntutan Islam, apatah lagi dalam persoalan yang memerlukan ijтиhad baru.

Dalam sidang akhbar di Jitra itu juga Mahathir menegaskan, tidak salah jika teguran dibuat terhadap mufti atau ulamak sekiranya mereka melakukan kesilapan. Tambahnya, Saidina Abu Bakar yang mengambil alih tempat Nabi Muhammad selepas peristiwa kewafatan, juga meminta orang ramai agar menegurnya jika beliau melakukan kesilapan. "Jika Saidina Abu Bakar boleh ditegur, takkanlah mufti tidak boleh ditegur," ujarnya sambil menambah teguran terhadap mufti bukan bermakna beliau tidak menghormati mufti.

Sebenarnya soal tegur menegur, nasihat menasihati merupakan kewajipan yang amat digalakkan. Kita tidak boleh berdiam diri melihat seseorang melakukan kesalahan, bimbanglah dia. Masalah besar yang kita hadapi ialah bersikap keras kepala dan tidak mahu mengaku silap. Malah dituduhnya orang lain pula yang bersalah, dia tetap suci dan benar sentiasa. Setiap orang, apatah lagi mufti mahupun ulamak juga memerlukan teguran. Mereka juga insan biasa, yang ada kalanya alpa dan lalai. Mahathir juga begitu, seorang seorang ketua kerajaan beliau lebih terdedah untuk melakukan kesilapan, malah tanggungjawabnya jauh lebih besar lagi. Status Saidina Abu Bakar yang meminta supaya beliau ditegur

jika melakukan kesalahan bukan pada tahap ulamak lagi tetapi beliau merupakan ketua kerajaan, ulil amri yang menerajui tampuk kekuasaan. Ucapan Abu Bakar seharusnya mampu mengetuk pintu hati Mahathir. Semasa membaca ucapan khalifah pertama itu, Mahathir wajar merasakan ucapan itu lebih ditujukan kepadanya lebih daripada orang lain.

Abu Bakar, dalam ucapannya yang pertama selepas diangkat menjadi khalifah, antara lain menegaskan: "Taatlah kepadaku selama aku taat kepada Allah dan Rasul-Nya, bilamana aku tidak taat kepada Allah dan Rasul-Nya maka tidak ada kewajipan atas kamu sekalian untuk taat kepadaku." Dalam riwayat lain mengatakan: "Maka apabila aku menentang Allah dan Rasul-Nya, tentanglah aku." Abu Bakar juga pernah berkata: "Barangsiapa menjadi pemimpin, maka dia adalah orang yang paling panjang perhitungannya di hari kiamat dan paling besar azabnya, dan barangsiapa yang tidak menjadi pemimpin, maka dia adalah yang paling ringan perhitungannya dan paling sedikit azabnya, sebab orang-orang yang menjadi pemimpin adalah orang yang paling dekat kemungkinannya untuk bertindak zalim terhadap kaum mukminin, dan barangsiapa yang bertindak zalim terhadap kaum mukminin, maka sesungguhnya ia telah melanggar perjanjiannya dengan Allah dan mengkhianatinya." Abu Bakar seterusnya mengingatkan: "Barangsiapa yang menduduki jabatan kepemimpinan atas umat Muhammad s.a.w. dan dia tidak menegakkan hukum Kitab Allah padanya, maka baginya kutukan dari Allah s.w.t."

Kita berbalik kepada ceramah Dr Haron Din, yang menekankan peri pentingnya institusi ulamak kekal utuh dan berwibawa dalam masyarakat. Peranan ulamak harus terus dimantapkan, bukannya dipinggirkan. Mereka wajar dirujuk dan boleh menegur pemerintah. Haron Din mengaitkan usaha memburuk-burukkan ulamak dengan strategi musuh-musuh Islam, khususnya selepas kekalahan dalam Perang Salib. "Barat tidak lagi menggunakan kekuatan senjata untuk menghadapi Islam, sepetimana pengalaman mereka berperang hampir tiga abad.

Tetapi mereka memastikan bahawa institusi ulamak diasingkan daripada masyarakat Islam. Di waktu itu kekuatan umat Islam akan lumpuh. Umat Islam hilang kegerunan dan kehebatannya,” tegas Dr Haron.

Dr Haron seterusnya menceritakan kisah seorang ulamak terkemuka, Izzuddin Abdul Salam, yang tidak pernah gentar atau takut untuk menegur pemerintah walaupun daripada atas mimbar. Izzuddin membantah keras cukai yang dipaksakan ke atas rakyat walaupun sultan mempunyai alasan yang kuat untuk berbuat demikian, iaitu untuk memperlengkapkan pertahanan negara dalam Perang Salib. Izzuddin dengan tegas berhujah, rakyat tidak perlu membayar cukai yang membebankan itu selagimana belum dijual semua perhiasan dalam istana sultan. “Jika selepas semuanya dijual tetapi keperluan masih belum mencukupi,” kata Izzuddin, “sayalah orang yang pertama yang akan membayar cukai tersebut.”

Sebaik sahaja Izzuddin turun dari mimbar, beliau terus ditangkap dan dibuang negeri ke Palestin. Ulamak-ulamak lainnya bangun menentang tindakan pemerintah itu, didokong bersama rakyat jelata. Sultan berasa bimbang takut-takut takhtanya boleh tergugat, maka dihantar wakilnya berjumpa Izzuddin memujuknya pulang. Wakil sultan menawarkan tawaran lumayan kepada Izzuddin, dengan syarat apabila Izzuddin berjumpa sultan, ciumlah tangannya. Dengan pantas Izzuddin menjawab, “Kalau sultan kamu datang ke sini dan nak cium tangan aku, aku tidak akan benarkannya, apatah lagi aku nak cium tangannya.”

Kisah yang dibawa oleh Dr Haron itu memang menaikkan semangat mereka yang sentiasa menjunjung keadilan dan membenci kezaliman serta penindasan. Ulamak harus memimpin usaha penentangan terhadap kemungkar dan bersedia menanggung risikonya. Apabila rakyat melihat ulamak sendiri bangkit menentang ketidakadilan, mereka pasti bersedia mempertaruhkan nyawa dan bermandi darah. Malang sekali, seandainya ulamak hanya pandai bersyarah, berkhutbah tetapi gagal berperanan di medan atau gelanggang sebenar. Rakyat miskin dan golongan teraniaya ternanti-nanti pembelaan sewajarnya

daripada ulamak, bukan setakat mengajar mereka ilmu-ilmu agama tetapi dekat dengan degup jantung kehidupan mereka. **Lebih malang lagi, ketika rakyat bawahan bertungkus lumus mencari nafkah hidup, ada ulamak yang disaluti pelbagai kemewahan.** Umat menunggu kelahiran ulamak seperti Izzuddin Abdul Salam yang begitu berani berhadapan dengan kezaliman pemerintah dan menempelak ulamak yang berjiwa bacul dan berminda hamba.

Tiupan lembut angin di Taman Kosas seperti menyegarkan suasana. Saya melihat teman-teman yang lain semacam termenung panjang. Tak pasti pula apa yang bercelaru dalam kotak pemikiran mereka. "Rakyat biasa tak faham apa yang kita katakan tadi," wartawan veteran yang sejak awal banyak menelurkan idea memancung kesepian. Walaupun nampaknya dia yang paling tua usianya, tetapi semangatnya mengalahkan orang muda. Kadang-kadang bila bersempang dengannya, tiga empat jam tak cukup. "Mereka tidak sensitif lagi. Asalkan jangan ganggu-gugat tubuh badan mereka sudah. Mereka pun tak ada masa nak fikir masalah ini semua, yang bagi mereka bukan masalah, buat pening kepala saja. Mahathir tahu semua ini, sebab itu Mahathir berani cakap yang mengarut-ngarut. Dia tahu orang Melayu takkan bangkit protes secara terbuka, walaupun agamanya dihina. Orang Melayu sekarang lena panjang."

"Satu hal lagi, yang juga memeningkan," sambungnya, selepas melihat kami semua melopong, "Mahathir bukan tolak Islam secara sembrono. Bagi Mahathir, dia sendiri mahu laksanakan Islam, tetapi dengan cara yang betul, bukan seperti cara ulamak. Selalu Mahathir sebut, antara sebab umat Islam lemah, berpecah-belah, kerana mereka tidak mendapat kefahaman agama yang benar seperti yang disebut dalam Quran. Dalam hal ini, maaf cakap, nampak kenyataan Mahathir tak jauh beza dengan golongan anti-Hadis."

"Bahaya tuduhan Pak Cik tu," saya memotong cakapnya. "Tersinggung Mahathir, susah nanti Pak Cik."

"Kalau tidak mengapa dia tak ambil tindakan tegas kepada golongan anti-Hadis. Kenapa Kasim Ahmad boleh aktif dalam Umno? Kenapa tulisan yang mempersenda Islam dan

mempersoalkan hukum-hakam Islam boleh tersiar dalam akhbar yang majoriti pembacanya beragama Islam, hinggaan sudah ada orang yang berani kata sembahyang hanya wajib dua kali sehari, wanita tak perlu tutup aurat seperti yang kita faham, cukup dengan pakaian taqwa sahaja. Macam *Sisters In Islam*, entah Islam ke tidak, aku tak berani cakap,” wartawan veteran yang saya panggil pak cik itu lebih bersemangat, lagi dicabar lagi naik angin nampaknya!

“Benar kata Pak Cik tadi,” kata seorang kawan yang datang dari Klang semata-mata untuk mendengar ceramah Haron Din. “Mahathir sudah beri laluan kepada penentang-penentang Islam. Golongan ini menjadi lebih angkuh dan lebih berani mengecam ulamak, jabatan agama, dan undang-undang syariah. Pendirian sekular mereka terdedah. Sekali Mahathir kritik ulamak, sepuluh kali kumpulan ini melatah. Peliknya, akhbar-akhbar Melayu pun boleh siarkan tulisan biadab yang menghina Islam itu.”

Esoknya, bila menatap akhbar yang memuatkan penjelasan Dr Hamid Othman terhadap kekeliruan Mahathir tentang ucapan Mufti Selangor itu, saya tergelak sendiri. “Kesian Hamid Othman, terpaksa tutup kesilapan kenyataan PM,” saya memberitahu isteri. “Dunia akhir zaman, bang. Mahathir tak takut mati ke? Semua nak ikut kepalanya saja. Nak jaga ringgit bolehlah, ini soal hukum, dengarlah sikit cakap orang yang lebih faham.”

Dr Hamid menjelaskan: “Pendirian mereka (Mahathir dan pemimpin Umno yang lain) bukan menolak hukum dan fatwa mufti tetapi yang dibincangkan ialah bagaimana pelaksanaannya (pentadbiran) di negara ini. Tidak ada siapa mempertikaikan hukum Islam dan mufti yang membuat keputusan bahawa perkara itu (pertandingan ratu cantik) adalah haram. Yang menjadi persoalan ialah cara menjalankan hukum itu. Itu tidak sekali-kali menyebabkan murtad atau tergelincir daripada aqidah.”

Dr Hamid, yang dianggap seperti Menteri Agama, seterusnya berkata kenyataan Mufti Selangor, yang dipetik *Harakah* itu mengelirukan fahaman orang ramai kerana ayatnya menjurus ke arah membuat tuduhan tertentu dan menyebabkan Dr Mahathir

tersinggung. "Kenyataan Mufti," kata Dr Hamid, "ialah mengenai orang yang mengingkari hukum dan kita bincang ialah pentadbiran hukum. Sebenarnya dalam Islam, tergelincir aqidah ialah orang yang menafikan hukum itu. Adapun orang yang percaya kepada hukum tetapi mencari jalan hendak melaksanakan atau melaksanakannya dengan mengambil kira keadaan semasa tidak sekali-kali menjelaskan aqidah. Misalnya, siapa yang menolak hukum Hudud adalah tergelincir aqidah tetapi kalau kita bincang bagaimana hendak melaksanakannya sesuai dengan negara ini, tidak tergelincir aqidahnya."

Seorang pemberita yang turut hadir dalam sidang media Dr Hamid itu memberitahu saya, ada wartawan yang bertanya Dr Hamid, apakah kenyataan Mufti Selangor itu membuatkan orang ramai keliru ataupun Perdana Menteri sendiri yang keliru? Rasanya pembaca *Harakah* tidak keliru kerana Dato' Ishak jelas merujuk kes murtad kepada mereka yang mempertikai dan menolak syariat dan ia tidak kaitan sama sekali dengan kontroversi ratu cantik. Apa pun, bagi saya, syabas buat Dr Hamid Othman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan ahli MT Umno paling popular! Inilah kali pertama saya mendengar, dari mulut pemimpin kanan kerajaan dan Umno sendiri, bahawa sesiapa yang menafikan Hudud menjadi murtad. Kali pertama, persoalan keimanan boleh terlucut kerana menolak hukum Allah dibicarakan secara terbuka oleh pemimpin Umno, dan mereka mengakuinya. Dan tentunya ada lain-lain punca yang menyebabkan seseorang muslim itu murtad, selain mengisyiharkan keluar Islam secara jelas. Ia perlu diketahui supaya setiap muslim dapat menjaga keimanan mereka. Semoga selepas ini kita semua berhati-hati dalam mengeluarkan kenyataan, sama ada yang dizahirkan ataupun yang terpendam dalam hati, tentang Islam kerana silap cakap padahnya amat berat sekali, sehingga boleh terkeluar daripada Islam.

Jika ada keikhlasan dan kesungguhan untuk melaksanakan syariat dan peraturan Islam, kita tentunya mengalu-alukan perkembangan positif lagi memberangsangkan ini. Maknanya, sebagai contoh, semua pentadbiran kerajaan negeri di bawah Umno

akan giat mencari jalan supaya pertandingan ratu cantik diharamkan terus, bukannya mencari jalan supaya ia boleh dibenarkan. MB Selangor, Dato' Abu Hassan Omar berkata kerajaan Selangor akan mencadangkan kepada Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Kebangsaan supaya peraturan melarang pertandingan ratu cantik di kalangan wanita Islam dapat diselaraskan di seluruh negara. Itu hal yang sangat mudah. Selangor sudah menunjuk jalan. Meskipun penguatkuasaannya pada 13 Jun lalu menimbulkan kegemparan, ia jelas satu bentuk penerangan dan penghebahan paling berkesan. Lupakan soal titik-bengik bagaimana tangkapan dibuat. Sekarang semua rakyat tahu, termasuk yang bukan Islam, bahawa orang Islam dilarang menyertai pertandingan ratu cantik di Selangor ekoran fatwa yang dikeluarkan. Siapa yang engkar terhadap apa saja fatwa Mufti, selepas diwartakan, boleh didenda tidak melebihi RM3,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali. Manakala sesiapa yang berpakaian tidak sopan di khayalak ramai, jika terbukti salah boleh didenda maksimum RM1,000 atau penjara enam bulan.

Saya sendiri melihat hasilnya, sebuah pasaraya *Spectrum* di Ampang membatalkan suatu pertandingan memilih gadis rupawan (bukannya ratu cantik) selepas mendapat nasihat JAIS. Diharapkan kenyataan Penolong Pengarah Bahagian Mufti dan Fatwa JAIS, Malek Ghazali bahawa semua majlis daerah di Selangor tidak akan mengeluarkan permit membenarkan penganjuran pertandingan ratu cantik menjadi kenyataan. Saya pasti wanita bukan Islam yang sensitif dengan kehormatan diri juga menentang kuat pertandingan ratu cantik. Tak perlu lagi selepas ini kita - daripada PM, TPM hingga rakyat bawahan - membazirkan masa berpolemik tentang pertandingan ratu cantik. Kalau benar ia isu kecil, PM tidak perlu berulang kali menyebut dan membangkitkannya, apatah lagi mempersoalkan langkah JAIS itu. Kalau ada salah faham ia boleh diuruskan melalui saluran yang betul, bukannya dengan melatah di depan publik. JAIS bukan musuh Mahathir, tapi cara Mahathir menangani isu ini seperti menganggap JAIS itu seterunya. Mungkin

benar juga pandangan seorang kawan, Mahathir suka konfrontasi, suka gaduh, suka cari pasal!

Kepada PM, jangan dengar sangat kritikan pihak luar di atas urusan pentadbiran negara kita, seperti yang selalu diingatkan oleh Mahathir sendiri. Kita sudah 40 tahun merdeka, kita tahu apa yang terbaik untuk negara dan agama kita. Bukanakah kita lebih tahu tentang apa yang wajar kita lakukan untuk memelihara kesucian agama kita dan kehormatan anak-anak gadis Islam? Penganut agama lain, termasuk pemimpin komponen Barisan Nasional diharap menjaga adab dan tingkah laku agar mulut mereka tidak celupar masuk campur soal peraturan dan hukum agama, yang kini hanya dikenakan ke atas umat Islam sahaja. Soal melampau atau sederhana biar kita debatkan sesama kita, mereka jangan cuba pandai-pandai memberi definisi yang sesat lagi menyesatkan. Presiden Gerakan Lim Kheng Yaik nampaknya cuba bermain api apabila turut ghairah dalam polemik ini.

Andaian bahawa tindakan JAIS itu menyebabkan penganut agama lain lari daripada Islam adalah hujah paling mengelirukan. Tidak mustahil ia boleh mendekatkan lagi mereka dengan Islam apabila melihat Islam begitu mengambil berat soal maruah dan harga diri wanitanya. Dan tidak ada agama yang merelakan wanita dipergunakan sebegitu rupa, dijadikan bahan tontonan dan ratahan pemuja hawa nafsu. Hukuman atau deraan adalah tindakan biasa apabila seseorang itu melanggar mana-mana peraturan. Lagi pula, apakah selama ini orang bukan Islam tertarik dengan Islam disebabkan model yang ditunjukkan PM sepanjang pentadbirannya, ataupun mereka semakin menjauhkan diri kerananya?

Kalau tindakan menggari pesalah ratu cantik dikritik, bagaimana pula dengan pesalah lalulintas yang diburu malam-malam buta, kemudiannya digari ke balai polis, hanya kerana kesalahan memandu laju dan tidak membayar kompaun. Saya sendiri, bekas tahanan ISA juga digari semasa dibawa daripada Balai Polis Brickfield ke Pudu, ramai juga orang di sekitar balai yang melihatnya, sedangkan saya bukannya melakukan kesalahan jenayah. Saya bertanya kepada polis pengiring, mengapa harus

saya digari, katanya, “ada benda yang saya perlu diberitahu dan ada perkara yang tak perlu saya tahu.” Saya, seperti tahanan yang lain, tidak pernah diberitahu apakah kesalahan kami yang sebenarnya, sedangkan pertuduhan rasmi ialah, saya *mungkin* akan melakukan sesuatu yang memudharatkan keselamatan negara. **Berbekalkan istilah “mungkin menjelaskan keselamatan” siapa saja boleh dikurung ISA, jika Menteri Dalam Negeri mahu berbuat demikian.** Undang-undang apa macam ini kalau bukan undang-undang barbarian dan *draconian*?

Jika Mahathir hanya menggunakan logik akalnya sebelum menentukan sesuatu hukum Islam itu boleh dilaksanakan ataupun tidak, sampai bila-bila pun Mahathir akan terperangkap dengan keyakinan terhadap pandangan dan ideanya sendiri, dan akhirnya hukum Islam itu pasti tidak akan terlaksana. Macam-macam daleh dikemukakan, dicari dan dirasionalkan – walaupun ia jelas tidak rasional – supaya undang-undang itu tidak digunakan. Kalau seseorang itu benar-benar mahu mengamalkan apa yang dituntut Ilahi, kemudiannya terdapat halangan tertentu, lain caranya daripada orang yang suka mencari alasan untuk menolaknya. Dan dalam hal ini, bagi saya, Mahathir sengaja mencari alasan bagi membenarkan rumusannya supaya undang-undang Islam tidak dilaksanakan, sama seperti daleh yang dikemukakan Mahathir untuk terus mengekalkan ISA meskipun ancaman komunis sudah berakhir. Ada-ada saja dalehnya apabila ditanya mengapa ISA tidak dimansuhkan terus sedangkan kerajaan pernah berjanji untuk berbuat demikian.

Lihatlah bagaimana Mahathir berdaleh apabila menolak cadangan Hukum Hudud yang dikemukakan oleh Kerajaan Kelantan dalam Kanun Jenayah Syariah II. Hujah penolakan itu kerana bagi Mahathir Hudud yang dikemukakan Kelantan menolak prinsip keadilan. Sedangkan, kata Mahathir dalam suratnya kepada MB Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz, keadilan adalah asas yang paling utama ditekankan oleh agama Islam apabila melakukan sesuatu perkara. “Kajian awal menunjukkan dengan jelas bahawa undang-undang itu yang disediakan menerusi perjuangan sebuah

parti politik ternyata bukan sahaja menyebabkan ketidakadilan akan berlaku tetapi sebaliknya ia membawa kezaliman,” kata Mahathir. Tambahnya, “dakwaan bahawa undang-undang ini akan dikuatkuasakan hanya di kalangan orang Islam sahaja dan tidak digunakan untuk orang bukan Islam akan menyebabkan ketidakadilan dan kezaliman yang ketara berlaku.”

Inilah antara bukti Mahathir sengaja mencari daleh untuk tidak mahu melaksanakan syariah. Kelantan menyedari, jika undang-undang itu merangkumi bukan Islam, lagi fitnah besar akan dihalakan kepada PAS. PAS akan dituduh cuba memaksa undang-undang Islam kepada bukan Islam, yang seterusnya boleh membawa huru-hara dan kacau-bilau, akibat permainan politik Umno. Dengan maklumat dan penerangan salah yang selama ini tertanam dalam fikiran bukan Islam, juga akibat propaganda Umno, suasana tidak stabil (yang mudah dicetuskan, sekurang-kurangnya untuk paparan umum) akan dijadikan alasan untuk terus menolak syariah.

Lagipun, Perlembagaan sememangnya tidak memberarkan “undang-undang Islam” yang dipakai oleh Mahkamah Syariah turut dikenakan kepada orang bukan Islam. Malah badan perundangan negeri hari ini hanya boleh membuat undang-undang mengenai sesuatu kesalahan, misalnya zina dan khalwat yang hanya menjadi kesalahan jika dilakukan oleh orang Islam. Maka tidak sah bagi badan perundangan negeri membuat undang-undang bagi seorang bukan Islam melakukan zina dan khalwat. Selain itu, Mahkamah Syariah yang ada tidak mempunyai kuasa untuk membicarakan kesalahan murtad yang begitu menjadi-jadi sekarang ini. Alasannya, apabila orang itu murtad, ia bukan lagi beragama Islam, dan Mahkamah Syariah tidak ada hak untuk membicarakan orang bukan Islam. Akhirnya Islam juga yang diperlekehkan.

Apakah ini suatu keadilan yang dibanggakan Mahathir? BN yang diterajui Umno berkuasa di peringkat Persekutuan semenjak merdeka dan mendapat majoriti yang cukup selesa di Parlimen. Jika pimpinannya mempunyai keazaman politik yang tinggi,

halangan dalam Perlembagaan boleh dipinda, khususnya dengan meletakkan asas Islam yang mantap, yang menjadi roh Perlembagaan. Meskipun Perlembagaan belum dapat diislamkan sepenuhnya, sekurang-kurangnya mana-mana peruntukan yang bertentangan dengan Islam dimansuhkan, sejauhmana pertentangan itu berlaku. Mana-mana peruntukan yang mengetepikan keadilan seperti yang terkandung dalam ISA, OSA, Akta Pengambilan Tanah, Akta Polis dan banyak lagi, harus dibatalkan segera. Kuasa Peguam Negara mesti dibataskan, dengan bertanggungjawab terus kepada Parlimen, juga untuk memastikan keadilan terlaksana. Projek-projek besar negara mesti dibincangkan di Parlimen, bukannya secara bisik-bisik sesama dua tiga kerat pemimpin tertinggi BN.

Kerajaan BN juga harus berpegang dengan prinsip keadilan dalam mengagih-agihkankekayaan negara, khususnya melalui projek-projek penswastaan. Setiap urusan mengenainya wajib transparen. Sekarang ini kekayaan negara hanya beredar di kalangan golongan elit tertentu, sedangkan rakyat setiap hari terpaksa menanggung kos sara hidup yang semakin membebankan. Keadilan juga bermakna suara rakyat dihormati dan diberi perhatian serius.

6

MEMBACA MINDA MUFTI SELANGOR

Melihat perkembangan pesat Selangor yang bakal menjadi negeri maju pertama, negeri ini dijangka menghadapi pelbagai cabaran. Lebih menarik apabila Selangor, menerusi JAIS, turut menonjol dalam isu-isu ummah. Misalnya, dalam usaha memerangi kemungkaran dan kemaksiatan, JAIS menjadi perintis penubuhan Badar. Namun sejak kebelakangan ini fungsi Badar terhenti.

Badar merupakan satu badan yang ditubuhkan untuk menyahut seruan Allah. Tiap-tiap buah kampung perlu ada kumpulan, sama ada rasmi atau tidak rasmi, yang bertindak bagi memenuhi seruan “amar makruf nahi mungkar”. Sebab itu ditubuhkan Badar, di samping mengajak orang Islam ke masjid dan surau, ia juga bertujuan mencegah mungkar.

Bukan semua orang menyukai Badar. Kerajaan memasang lampu di jalan-jalan sehingga menerangi kegelapan malam dan halaman rumah. Di sebalik itu ada orang yang tidak suka, terutama

pencuri, penyamun dan perompak. Begitu juga dengan Badar, orang yang kaki maksiat terasa terganggu dengan kehadiran Badar. Jadi orang pun fitnahkan Badar. Dalam Badar ada orang muda yang bersemangat menjalankan kewajipan secara agresif. Mereka juga tidak sunyi daripada melakukan kesilapan. Orang menganggap fungsi Badar telah disalahgunakan sehingga terpaksa dibubarkan.

Sebaik sahaja Badar terhenti, banyak aduan daripada orang ramai mengatakan banyak kes khawat dan maksiat berlaku di sana-sini. Apabila badar diaktifkan, kes khawat dan maksiat berkurangan. Banyak serbuan dibuat berdasarkan serbuan orang ramai. Pendek kata orang yang hendak membuat maksiat perlu berhati-hati. Walaupun sekarang masih ada perbuatan yang menjolok mata, membuat maksiat, Badar kurang mampu menangani semuanya itu kerana kekurangan kakitangan. Bagaimanapun Badar sekarang tetap dihidupkan semula dan pemilihan anggotanya juga dilihat pada orang-orang yang komited dan berdisiplin.

Dalam program mencegah kemungkaran, Selangor juga berani mengharamkan konsert Michael Jackson, yang mulanya dijangka akan diadakan di Stadium Shah Alam baru-baru ini sehingga mencetuskan kontroversi.

Hari ini kita banyak bercakap fasal keruntuhan akhlak dan moral terutama berkaitan golongan remaja. Setelah diselidik ia berpunca daripada benda-benda di sekeliling kita yang boleh menyuburkan nafsu, membangkitkan syahwat, sama ada daripada majalah, video, termasuklah jika konsert dan tarian. Hendak membetulkan dan membaikpulih semula akhlak yang telah runtuh maka perkara-perkara seperti inilah yang perlu disekat dan dihapuskan.

Tentang konsert hiburan, ada orang beranggapan ia adalah kehendak dan kemahuan muda-mudi. Hiburan amat diperlukan dalam kehidupan. Memang dalam Islam sendiri menghalalkan hiburan agar jiwa tidak mati tetapi hiburan itu mestilah yang tidak melalaikan, dan tidak membangkitkan hawa nafsu. Jika konsert

Michael Jackson dibenarkan, ia akan menggalakkan lagi pergaulan bebas tanpa batasan. Pergaulan bebas akan mewujudkan hubungan jenis bebas dan bermacam-macam hal lagi. Sebab itulah negeri Selangor mengharamkan konsert Michael Jackson.

Isu murtad yang membabitkan gadis di bawah umur semakin rancak dewasa ini. Bagaimana JAIS menangani masalah ini?

Kita sedar bahawa murtad itu asalnya orang yang sudah beriman kepada Allah dan menjadi orang Islam. Nikmat Allah yang diberikan kepada kita cukup banyak, kalau dihitung tak terhingga banyaknya tetapi iman dan Islam merupakan kemuncak nikmat yang diberikan oleh Allah. Apabila kita mendapat nikmat iman dan Islam yang agung ini sepatutnya ia dijaga dengan baik. Alhamdulillah, kita dilahirkan dari perut ibu orang Islam dan secara automatik kita sudah ada bibit iman dan Islam. Kita hanya perlu mengawalnya dan membela, ibarat benih pokok yang dikawal daripada serangan serangga atau penyakit, kemudian disiram, dibaja agar ia tumbuh subur.

Ibarat pegawai pertanian memberi kita biji benih, tetapi kita tidak menjaganya dengan baik – tiba di rumah kita mencampakkan benih itu sesuka hati dan kemudiannya kita biarkan ia tumbuh sendiri. Kemungkinan benih itu hidup kerana ada tanah yang subur tetapi ia “hidup segan mati tak mau”. Kalau hidup pun ia tidak menghasilkan buah. Sekiranya benih itu dijaga rapi, cukup baja dan siramannya walaupun benih itu bukan dari gred yang baik, ia akan mengeluarkan hasil. Begitu juga dengan iman, jika tidak dibajai ilmu, dan membiarkan iman dan Islam begitu sahaja akhirnya ia akan terkeluar daripada Islam. Betapa ruginya orang yang meninggalkan nikmat agung ini. Mereka rela murtad kerana tidak tahu menilai iman dan Islam dengan sempurna.

Mengenai isu poligami, ada pihak yang tidak setuju poligami dibenarkan tanpa mendapat pengesahan daripada isteri dan ada orang menganggap isu poligami sudah lapuk

dan ditimbulkan semula untuk mewujudkan provokasi.

Poligami wujud dalam Islam. Islam agama Allah dan ia merupakan peraturan hidup yang disusun oleh Allah. Allah yang menjadikan manusia sudah tentu mengetahui gelora nafsu, pembawaan diri kita, kehendak dan peranan kita. Sebab itu Allah mewujudkan poligami. Asal poligami adalah untuk menyelesaikan masalah bukan menimbulkan masalah. Oleh sebab tidak semua manusia baik, inilah yang berlaku, terutama wanita, apabila disebut poligami, amat takut mendengarnya.

Katahalah sepasang suami isteri semasa nikah kahwin berjanji hidup semati dan taat setia tidak berbelah bagi. Itu yang kita hajati tetapi sampai suatu masa apabila sudah lima tahun berkahwin, si isteri jatuh sakit dan tidak mampu lagi melayan kehendak suami, jadi apa keputusannya? Perlukan isteri itu diceraikan? Di manakah janji manis dahulu? Adilkah si isteri membiarkan si suami yang masih bertenaga menyalurkan tempat nalurinya ke jalan yang haram? Justeru, si isteri perlu berlapang dada memberi peluang kepada suami untuk berpoligami. Si suami adalah manusia biasa yang tidak boleh membendung nafsu dan nalurinya. Apabila dia kahwin lain akan selesailah masalahnya.

Kalau hendak diikutkan, syarat-syarat berpoligami adalah ketat di Selangor berbanding dengan negeri-negeri lain. Orang yang hendak berpoligami perlu pergi ke mahkamah, dan mengambil borang. Antara kandungan borang itu, mereka perlu mengisi sebab-sebab hendak berpoligami. Dalam enakmen undang-undang syariah negeri Selangor mensyaratkan poligami hanya dibolehkan jika si isteri sakit sehingga tidak mampu melayan suaminya, isteri gila, isteri mandul sedangkan si suami hendakkan zuriat, pendapatan mencukupi, dan jaminan berlaku adil. Ada juga syarat yang tidak disenangi si isteri, iaitu poligami tidak perlu mendapatkan persetujuan isteri.

Pendapat saya dalam hal ini, si isteri perlu dibawa ke mahkamah untuk berdialog, dan beritahu hal yang sebenarnya. Jika hakim mendapati ada sebab-sebab yang membolehkan ia berpoligami, hakim akan memberi kebenaran walaupun si isteri

tidak bersetuju, Berdasarkan hukum syarak, dalam bab poligami memang tidak ada nas al-Quran dan Hadis yang menerangkan ia perlu mendapat persetujuan isteri. Kedua, dalam hal mendapatkan persetujuan isteri, sampai bila-bila pun si isteri tetap tidak akan bersetuju untuk dipoligami. Pada masa itu si isteri perlulah berlapang dada. Kemungkinan di sebaliknya ada hikmat tersendiri. Sekira setelah berkahwin, si suami tidak berlaku adil, si isteri boleh membawa kes itu ke mahkamah untuk dibicarakan. Bagaimanapun ia berbalik kepada iman, ilmu agama, dan aqidah. Jika ia kuat, tidak timbul krisis poligami. Hayatilah maksud firman Allah: "Berkahwinlah kamu sekiranya perlu sama ada dua, tiga dan empat. Kalau kamu takut tak adil, jangan poligami, satu sudah memadai." Pada pendapat saya, orang perempuan tidak akan keberatan jika suami berlaku adil dan melaksanakan tanggungjawabnya dengan sempurna, sekali gus ia akan meringankan beban isteri dalam melayani suami.

Menghadapi tahun-tahun yang mencabar, apakah kerangka yang sesuai bagi menseimbangkan adunan pembangunan negara dan dakwah Islamiah?

Tahun 2000, Lembah Klang dijangka menghadapi pembangunan yang pesat. Kita berharap pembangunan itu memberi manfaat kepada semua orang. Pembangunan yang mendatangkan manfaat akan mententeramkan jiwa dan hati. Jangan terlalu mementingkan pembangunan fizikal-lahiriah-kebendaan, kerana pembangunan kerohanian dan akhlak perlu digandingkan bersama. Jika ini tidak dipentingkan ia akan mengulangi sejarah silam. Pembangunan yang mengagumkan umat-umat terdahulu, seperti kaum Tsamud, 'Ad yang mempunyai istana-istana dari tarahan gunung dan bukit bukau, ladang pertanian yang subur telah rebah ke bumi kerana mengengkari suruhan Allah (tidak ada pembangunan rohani). Akhirnya pembangunan mereka hanya menjadi kesan sejarah dan menjadi tontonan generasi berikutnya. Oleh itu untuk menuju negara maju, bermula daripada sekarang perlulah ditekankan

pembangunan rohani. Kita tidak mahu apabila negara membangun, maksiat juga membangun dengan pesatnya.

Soalan seterusnya Dato', apakah peranan institusi fatwa dalam pemerintahan. Ada sungutan daripada pihak tertentu bahawa institusi fatwa dan Mufti dilihat sebagai tidak berfungsi untuk bersuara dalam hal-hal membabitkan pentadbiran negara.

Dalam menuju era 2020, sekarang sudah terdapat bunga-bunga persefahaman di antara dua golongan. Nabi ada memberi peringatan bahawa sesebuah negara akan dapat maju dan bertamadun, atau yang disebut masyarakat madani, sekiranya wujud gabungan ulamak dan umarak (pemerintah). Dua golongan ini jika terdapat persefahaman, akan menjernihkan corak pentadbiran. Umarak mempunyai kuasa tetapi ia tidak mempunyai kepakaran yang berkaitan dengan ilmu-ilmu akhirat. Ulamak berilmu tetapi tidak mempunyai kuasa. Jadi kalau dua golongan ini bersatu padu dan bekerjasama, tidak ada masalah. Jika tidak ada kerjasama antara kedua-duanya, iaitu umarak tidak setuju dengan pandangan ulamak, maka sia-sialah kita mengeluarkan fatwa.

Berhubung kelambatan Majlis Fatwa mengeluarkan fatwa yang menyentuh kemaslahatan umat, sebenarnya kita (Majlis Fatwa) terpaksa berhati-hati. Seperti isu pengharaman al-Arqam dahulu, mulanya kita memberi nasihat supaya mereka kembali ke jalan yang benar. Nampaknya nasihat ini tidak memberi kesan dan kita memberi sekali lagi peringatan. Tetapi mereka masih tidak mahu menerima ajaran sebenar. Kemudian barulah kita mengeluarkan fatwa mengharamkan al-Arqam. Kita tidak mahu bertindak secara membabi-butu pada hal kita telah memberi peluang kepada mereka dengan menjelaskan kesilapan mereka. Kita mengambil masa yang agak panjang untuk mengeluarkan fatwa kerana mereka lambat menerimanya.

Sememangnya perkara yang baru kita begitu bercermat untuk bertindak. Kita nampak perkara itu tidak elok tetapi mungkin ada

kebaikannya. Misalnya, pandangan tentang skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) sudah lama dikeluarkan oleh Majlis Fatwa, sama ada ia halal atau haram. *Tetapi keputusan Majlis Fatwa itu tidak dihebahkan kepada orang ramai kerana fatwa yang dikeluarkan itu mengatakan ASN dan ASB mempunyai "masalah".* Apabila ada masalah, sedangkan skim pelaburan itu sudah berjalan, jadi ini bercanggah dengan dasar kerajaan yang mahukan rakyat melibatkan diri dalam ASN dan ASB.

Kita menyimpang sedikit, bagaimana Dato' melihat perkembangan dunia filem dan hubungannya dengan dakwah.

Jika filem itu dapat memberikan panduan dan pengajaran yang baik, Islam menerima dan menggalakkannya. Jika filem yang ditayangkan itu mengajak kita kepada keburukan, memberi ilham kepada remaja membuat perkara-perkara yang tidak elok, filem semacam itu perlu dihentikan. Saya syorkan orang yang terbabit dengan filem menjemput ulamak agar boleh memberi nasihat kepada mereka. Kadang-kadang ada lakonan yang boleh merosakkan aqidah, sama ada melalui gurauan dan juga lakonan. Jika ada ulamak yang duduk di situ memberi pandangan, sudah tentu filem yang dihasilkan tidak ada percanggahan dengan syarak.

Cuma yang dikesali, jarang pandangan ulamak yang diambil kira, tidak kiralah oleh orang filem, tokoh politik dan sebagainya. Kita masih belum lagi sampai ke tahap manusia yang boleh berlapang dada apabila ditegur, walaupun mereka tahu perbuatan mereka itu salah. Sepatutnya apabila mereka ditegur, mereka berterima kasih kerana ada orang yang mengingatkannya tentang kesalahan yang dilakukan.

Akhir sekali, sepanjang berkhidmat sebagai Mufti, mungkin ada pengalaman Dato' yang boleh dikongsi bersama.

Saya berkhidmat sebagai Mufti baru dua belas tahun, yang bermula pada pertengahan 1985. Sebelum menjadi Mufti, saya adalah guru di sekolah Arab di Kanchung Darat, Kuala Langat

selama sepuluh tahun. Sebelum itu bertugas di Bukit Mertajam, lebih kurang enam tahun. Sememangnya menjadi Mufti ada pahit maungnya tetapi tidak kurang juga ada kemanisannya. Bagi saya, ini adalah lumrah bagi seseorang kerana tidak ada seorang pun yang semua orang menyukainya. Nabi Muhammad s.a.w. sendiri, walaupun tidak ada cacat celanya – hendak mencari kesalahannya juga tidak ada – tetapi ramai musuhnya sebagaimana ramai pengikutnya. Ada orang yang tidak menyukai saya kerana teguran saya yang berterus terang dalam hal agama. Tetapi ini adalah lumrah hidup. Saya tidak ambil kisah apa-apa, malahan tiada tindakan apa-apa, jadi orang yang membenci saya lama kelamaan dia sendiri mengundur diri dan mengaku kesalahannya.

ii.

Banyak sudah diperkatakan mengenai ulamat sekarang berbalah pendapat mengenai sesuatu masalah agama. Siapakah sebenarnya yang berhak mengeluarkan fatwa untuk menetapkan sesuatu hukum?

Di Malaysia, hanya mereka yang dilantik sebagai Mufti yang layak untuk mengeluarkan sesuatu fatwa apabila timbulnya sesuatu perkara baru yang memerlukan hukum yang jelas dalam masyarakat. Ini bermakna selain Mufti yang dilantik oleh jabatan agama dan sultan bagi sesebuah negeri, (pihak yang lain) tidak layak untuk mengeluarkan fatwa.

Walaupun seseorang itu kaya dengan ilmu agamanya dan seorang yang warak?

Ya. Setinggi mana pun ilmu yang ada pada seseorang itu, jika dia tidak dilantik sebagai Mufti maka ijтиhadnya tidak boleh difatwakan. Dengan erti kata yang lain, mereka yang tidak diberi hak kuasa oleh sultan atau pihak jabatan agama, tidak boleh memfatwakan sesuatu perkara dengan sesuka hati.

Ini bermakna sultan atau jabatan agama negeri sudah

menyerahkan kepercayaan kepada para Mufti dalam menyelesaikan apa jua masalah agama yang dihadapi oleh masyarakat Islam. Tetapi apabila sesuatu fatwa hukum diputuskan, terdapat negeri yang terus melaksanakannya dan ada juga negeri yang tidak berbuat demikian, mengapa?

Dalam hal ini, tiap-tiap negeri mempunyai raja yang memerintah di mana hal-hal agama terletak di bawah kuasanya. Oleh itu, setiap keputusan yang dicapai dalam persidangan atau muzakarah yang diadakan akan dibawa ke negeri masing-masing. Di situ sekali lagi keputusan tersebut akan dibincangkan melalui Majlis Fatwa Negeri masing-masing.

Oleh itu hasilnya kita dapat lihat, ada negeri yang melaksanakan sesuatu hukum yang diputuskan dan terdapat negeri yang tidak melaksanakannya. Di Malaysia, kita mempunyai 14 orang Mufti. Justeru apabila mereka balik ke negeri masing-masing, maka wujudlah pelbagai pendapat dan fatwa yang dikeluarkan.

Apabila timbul keadaan seumpama ini, seolah-olah wujud fenomena tidak kesepakatan di antara ulamak. Apakah dalam hal ini Majlis Fatwa Kebangsaan tidak mempunyai kuasa untuk menyelaraskan setiap fatwa yang telah disepakati dalam persidangan atau muzakarah?

Fenomena ini menang telah lama diperkatakan dan saya rasa memang telah ada dalam perancangan pihak Kerajaan Pusat untuk menyelaraskan setiap fatwa atau pendapat yang dikeluarkan untuk dilaksanakan di setiap negeri. Sekiranya ia dapat diwujudkan, ia suatu perkara yang sangat baik bahkan memudahkan lagi para Mufti berhadapan dengan suatu isu yang ditimbulkan di samping tidak lagi timbul pendapat atau fatwa yang berbagai-bagai.

Adakah dalam perkara ini, Majlis Fatwa Kebangsaan selama ini tidak berfungsi tetapi wujud atas dasar nama sahaja?

Inilah yang kita harapkan kepada Jabatan Kemajuan Islam

Malaysia (JAKIM) untuk menyelaraskan fatwa di 14 buah negeri yang ada. Kita juga berharap JAKIM dapat mencari jalan bagaimana untuk mengambil alih kuasa yang ada pada setiap negeri supaya setiap fatwa yang diputuskan dapat dipatuhi oleh setiap negeri.

Malangnya, ia tidak berlaku. Apa yang berlaku, apabila sesuatu fatwa diputuskan, setiap Mufti akan balik ke negeri masing-masing dan mereka akan membincangkan pula dalam Majlis Fatwa Negeri yang akhirnya ada negeri yang melaksanakannya dan ada yang tidak melaksanakannya. Di sini, Majlis Fatwa Negeri lebih berperanan untuk menetapkan sama ada keputusan yang diputuskan oleh di Majlis Fatwa Kebangsaan dilaksanakan atau sebaliknya.

Seolah-olah Majlis Fatwa Kebangsaan hanya gah untuk bersidang?

Hakikatnya Majlis Fatwa Kebangsaan yang membuat keputusan tetapi yang mempunyai kuasa untuk melaksanakannya ialah Majlis Fatwa Negeri.

Oleh itu, memang benarlah selama ini Majlis Fatwa Kebangsaan tidak berfungsi?

Memang begitulah keadaannya. Contohnya seperti keputusan mengharamkan rokok. Walaupun Majlis Fatwa Kebangsaan telah memutuskan bahawa rokok adalah haram tetapi apabila masing-masing balik ke negeri masing-masing, ada yang mengatakan bahawa rokok tidak haram. Majlis Fatwa Kebangsaan buat keputusan tetapi yang ada kuasa untuk melaksanakannya ialah Majlis Fatwa Negeri.

Bagaimana pula dengan perkara yang sudah jelas dalam nas menyatakan bahawa perkara tersebut adalah haram sebagaimana pertandingan ratu cantik dan minum arak? Mengapa masih ada negeri yang tidak melaksanakan undang-undang tersebut?

Secara peribadi, dalam ini setiap ulamak perlu berani untuk melaksanakan serta memperkatakan sesuatu yang bersalahan pada hukum. Jika ulamak tidak ada sifat tersebut banyak perkara kebenaran tidak dapat dilaksanakan. Tetapi masalahnya sekarang, bila ada ulamak yang memperkatakannya, mereka digam dan sebagainya. Ini suatu keadaan yang tidak sihat. Ulamak perlu berani tetapi biarlah berani itu kerana benar.

Bagaimana pula dengan ulamak yang hanya diam tanpa mengeluarkan sebarang pendapat?

Itu susah saya nak komen. Ada ulamak yang sengaja mendiamkan diri kerana khuatir perkara yang diharamkan dihalalkan dan perkara yang halal diharamkan. Sekiranya itu terjadi, maka itu lebih berat hukumnya kerana boleh merosakkan iman seseorang.

Apakah di sini mereka yang bergelar ulamak seorang pengecut untuk mengeluarkan sesuatu hukum sedangkan perkara tersebut tidak sewajarnya berlaku?

Mungkin pada saya, ada ulamak yang tidak mahu memperkatakannya kerana tidak mahu menyusahkan pihak atasan. Tetapi bagi saya, ia tidak harus berlaku sedemikian. Peganglah kepada sabda Rasulullah s.a.w: katalah yang benar walau pahit sekalipun.

Ketegasan Datuk dalam menyuarakan sesuatu hukum sehingga kadang kala menyentuh kepentingan individu-individu tertentu menyebabkan mereka menggelar Dato' sebagai ulamak yang lantang seolah-olah tiada orang lain yang turut sama bersuara lantang sebagaimana Dato'.

Agaknya diwakilkan kepada saya (dalam nada ketawa). Tetapi saya ingin menasihatkan – beranilah dalam melahirkan sesuatu yang benar. Sama ada apa yang diperkatakan itu disetujui atau tidak, sebagai ulamak, matlamat kita adalah untuk mencari keredhaan Tuhan. Justeru, dalam rangka mencapai keredhaan,

kalau ada manusia yang tidak berkenan atau bersetuju, terpulanglah kepada mereka.

Wawancara pertama dengan Mufti Kerajaan Negeri Selangor, Dato' Haji Ishak Baharom ini dipetik daripada majalah Tamadun, sementara wawancara kedua daripada majalah Massa.

7

UMNO SELANGOR GAZETKAN FATWA, MENGAPA MUFTI DIKUTUK?

Bberapa tahun dulu kerajaan pimpinan Dr Mahathir bagaikan berperang dengan raja. Maka kini kerajaan dan pimpinan yang sama bagaikan berperang dengan seluruh Mufti pula. Jika dulunya puncanya justeru seorang sultan garang menampar seorang pacalnya yang lemah, maka habis raja yang pijak semut pun tak mati menerima akibatnya. Lalu kali ini justeru sepasukan penguatkuasa JAIS menahan, mendakwa dan menghukum tiga gadis Islam berpakaian tidak sopan, maka habis sekalian Mufti diserang.

Apabila Perdana Menteri mengetuai kempen menyelar Mufti dan para ulamak, maka habis sekalian yang dianugerah Allah keistimewaan bertutur mempertikai wibawa Mufti dan ulamak. Natijahnya hampir dipersetujui undang-undang syariah yang berbeda-beda antara satu negeri dengan yang lain akan

diseragamkan. Menyeragamkan undang-undang tadi tidak salah, malah ia satu tindakan dinamik dan boleh memajukan pentadbiran. Ia boleh dikira sebagai satu perubahan.

Tetapi perubahan mengikut logik Perdana Menteri sendiri akhir-akhir ini tidak semestinya baik. Banyak juga perubahan mendatangkan keburukan. Sekalipun konteks yang Perdana Menteri itu gunakan sekitar perubahan pimpinan dan kuasa politik, tetapi ia masih dalam konteks dan maksud perubahan tidak kira dalam aspek apa juar. Maka pada ketika beliau menerangkan buruk baiknya perubahan itulah, beliau menyarankan satu perubahan dalam sistem undang-undang dan pentadbiran syarak di negara ini. Akan kita saksikanlah bahawa Perdana Menteri sendiri tidak akan menjadi pihak yang dibimbangkannya iaitu tikus membaiki labu atau tidak menjadi mengata dulang paku serpih.

Umumnya boleh mengetahui secara tepat apa yang hendak diseragamkan, tetapi memandangkan adanya serangan terhadap petugas JAIS dan tindakan mereka terhadap peserta ratu cantik, dan adanya kenyataan memperkecil dan mempertikai wibawa ulamak, baik yang makan gaji dengan kerajaan mahupun tidak, maka dapat diramalkan apa yang akan diseragamkan. Bagaimanapun di mana bijaknya kerajaan Malaysia mengecam Mufti dalam isu yang berbangkit sekarang?

Pertama, jika di belakang tindakan JAIS tadi adalah Mufti, maka undang-undang yang memberi sedikit kuasa kepada Mufti dan JAIS bukanlah digubal oleh Mufti atau oleh JAIS. Undang-undang yang digunakan itu digubal oleh kakitangan Jabatan Peguam Negara yang bertugas di negeri Selangor dan enakmen yang terpakai itu bukan pula ciptaan Mufti, baik yang dulu mahupun yang ada sekarang. Ia diluluskan oleh DUN Selangor yang sejak merdeka dikuasai oleh Umno yang sekular itu. Untuk apa undang-undang itu dibuat dan untuk apa pegawai-pegawai JAIS itu dilantik jika tidak untuk menghayati undang-undang itu?

Dan kalau tindakan tadi dilakukan atas fatwa Mufti, maka apakah Mufti sendiri memandai mengeluarkan fatwa? Di semua negeri ada jawatankuasa fatwa. Mufti mengeluarkan fatwa yang

diputusakan oleh majlis fatwa. Mufti tadi tidak pula ada kuasa untuk menggazetkan fatwa itu. Jika ia digazetkan, maka kerajaan sekular pimpinan Umno Selangorlah yang menggazetnya. Menyalahkan Mufti dan menyerangnya adalah tidak kena pada tempatnya. Kuasa yang ada pada Mufti dan JAIS sangat kecil. Kuasa Mufti dan qadhi adalah untuk memastikan hukum di bawah bidang kuasanya berjalan. Jika ilmu dan pengajaran menjadi pelajaran kepada orang ramai adalah kerana natijah pelaksanaan undang-undang tadi.

Mufti dan qadhi bukan ditugaskan untuk mengajar dan menjadi pendidik secara khusus. Di negara ini tugas mendidik diserahkan kepada Kementerian Pendidikan. Jika rakyat jahil dan tidak sedar mendedahkan aurat itu adalah salah dan berdosa, ia adalah kegagalan Kementerian Pendidikan dan khususnya kegagalan orang yang menjadi menterinya. Untuk pengetahuan umum, khususnya orang yang menyesali bahawa peserta ratu itu tidak tahu kaedah aurat dan apa hukumnya maka saya senaraikan nama-nama orang yang pernah menjadi Menteri Pendidikan sejak merdeka. Mereka ialah Tun Razak Hussein, Khir Johari, Abdul Rahman Talib, Abdul Hamid Khan, Abdul Rahman Yaakub, Hussein Onn, Mohamad Yaakub, Dr Mahathir Mohamad, Musa Hitam, Abdullah Badawi, Anwar Ibrahim, Sulaiman Daud dan kini Najib Razak.

Jika rakyat tidak terdidik untuk jadi sederhana, maka mereka inilah yang kena jawab, bukan Mufti dan ulamak. Jika Mufti hendak disalahkan, maka kesalahan itu ialah tidak menegur para menteri tadi dan mungkin tidak mengambil bahagian dalam membincangkan dasar pelajaran negara. Isu yang berbangkit ini ialah kerajaan lawan Mufti, mengingatkan saya kepada perbalahan antara maharaja empayar Rom dan raja-raja Eropah purba dengan para paderi. Para paderi telah menjadi pimpinan masyarakat yang begitu berpengaruh. Raja-raja dan maharaja begitu cemburu dengan kuasa dan pengaruh yang ada pada paderi dalam politik dan pemerintahan. Hatta ada raja-raja yang tidak dimahkotakan kerana menyalahi peraturan dan adat yang dikuasai oleh gereja.

Bagi mengelakkan kuasa dan peraturan gereja itu tidak dijalankan sepenuhnya dan bagi mengelakkan raja-raja hilang pengaruh, maka raja-raja pun melancarkan rampasa kuasa terhadap para paderi. Raja-raja dapat kuasa semula. Merekapun memperakukan bahawa mulai peristiwa itu yang memerintah ialah istana atau orang politik, maka adapun para paderi hanyalah menentukan peraturan di gereja. Fahaman ini kemudiannya diserapkan dalam ajaran mazhab-mazhab agama Nasrani moden.

Kuasa Mufti dan majlis-majlis agama di negara ini belum sampai pada peringkat kuasa dan pengaruh para paderi di zaman purba Eropah. Jika pun ada kuasa agama yang asing dari undang-undang negara, kuasa itu tidak pula ada pada Mufti. Ia ada di tangan para Sultan atas nama Duli-duli Yang Maha Mulia. Tetapi serangan Mufti itu kira-kira sama dengan sikap dan tindakan raja-raja dan maharaja purba yang kolot itu terhadap gereja dan paderi. Padahal keseragaman dalam pentadbiran syariah itu adalah dituntut oleh semua. Ia bukan sekadar hasrat Perdana Menteri dan pemujanya, ia adalah tuntutan semua dari sebelum merdeka lagi.

Malah tidak ada apa-apa maknanya jika keseragaman itu nanti memisahkan antara undang-undang syariah dengan undang-undang negara. Keadaan itu akan meletakkan perjuangan umat Islam belum selesai. Persoalannya, jika ia belum selesai, ia terpaksa diteruskan. Tetapi yang menyuitkan ialah perubahan yang akan dilakukan itu persis yang dimimbangkan oleh Perdana Menteri melalui teori perubahannya. Perubahan itu adalah ke arah memburukkan lagi keadaan.

Maka rakyat akan bertemu dengan teori pak pawang memecah timba. Teori ini memperlihatkan adanya orang yang memperundangkan sesuatu peraturan, tetapi akhirnya orang melihat bahawa yang membantah peraturan itu adalah pencetus perubahan atau pencipta teori itu sendiri. Apakah yang bernama Mufti dan ulamak tadi masih berserah kepada takdir atau membuktikan mereka ada wibawa.

(Subky Latiff)

ii.

Apakah keistimewaan tiga orang gadis Melayu-Islam yang menjadi peserta pertandingan ratu cantik Miss Malaysia Petite 1997 dan kemudian ditangkap oleh pegawai-pegawai JAIS ketika memperagakan diri pada 13 Jun 1997 lalu? Apakah keistimewaan mereka sehingga negara menjadi riuh rendah dan pemimpin negara turut bersahut-sahutan? Jika sebelum ini kita digegarkan oleh kisah anak muda yang menggelarkan diri mereka KRU kerana larangan yang dikenakan kepada mereka oleh pihak berkuasa di peringkat negeri dan tempatan, apakah kini giliran anak-anak gadis pula?

Seperti yang kita maklumi tangkapan oleh JAIS itu hanyalah sekadar memenuhi apa yang telah ditetapkan di dalam seksyen 31 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 yang melarang sebarang wanita Islam dalam pertandingan ratu cantik dan berpakaian tidak sopan. Tentu sekali apa yang dilakukan oleh pegawai-pegawai JAIS itu sebagai memenuhi bidang kuasa yang telah ditetapkan oleh mereka. Kita dapat mengikuti bagaimana pihak polis diserang oleh pemimpin-pemimpin wanita kerana tidak menjalankan tanggungjawab mengikut bidang kuasa yang telah diberikan kepada mereka seperti yang terkandung dalam Akta Keganasan Rumah Tangga (DVA). Pihak polis dikatakan tidak sebagai tidak mahu menerima dan bertindak terhadap aduan-aduan yang dikemukakan oleh wanita-wanita yang didera oleh suami masing-masing. Demi hak dan maruah kaum wanita, pihak polis dipersalahkan kerana tidak mahu melindungi kaum wanita mengikut DVA.

Malang juga bagi JAIS yang cuba menguatkuasakan peraturan yang bukan sahaja untuk melindungi, malah bertujuan untuk menyelamatkan maruah kaum wanita. Tindakan JAIS disifatkan keterlaluan dan tidak bijaksana. JAIS diserang akibat tindakan mereka itu oleh pelbagai pertubuhan wanita seperti yang dijangka Sisters in Islam dan WAO serta tokoh-tokoh wanita. Datuk Shahrizat Jalil, misalnya, menyifatkan tindakan JAIS sebagai keterlaluan dan langsung tidak mencerminkan kesederhanaan

sepertimana yang dikehendaki oleh pemimpin-pimpinan negara. Kesannya, menurut Sharizat telah membawa aib bukan sahaja kepada ketiga-tiga anak gadis tetapi juga menjatuhkan maruah ahli keluarga gadis tersebut dan seluruh umat Islam. Apa yang sepatutnya dilakukan oleh JAIS ialah bertindak lebih bijak dengan mencegah perlakuan ketiga-tiga anak gadis tersebut sambil memberikan nasihat.

Pendapat Sharizat ini selaras dengan apa yang diucapkan oleh Datuk Dr Abdul Hamid Othman yang menyebut bahawa perlunya pemakluman yang meluas kepada masyarakat mengenai penguatkuasaan undang-undang dan ia hendaklah dilaksanakan secara tidak tergesa-gesa kerana ia boleh menjelaskan imej penguatkuasa itu sendiri. Apa yang diucapkan oleh Dr Abdul Hamid sangat bertentangan dengan apa yang pernah beliau nyatakan ketika menggesa masyarakat mengambil sikap “Toleransi Sifar”, iaitu mengambil tindakan segera ke atas sesuatu kesalahan walaupun kecil. Dr Abdul Hamid berkata demikian ketika memuji langkah Jabatan Agama Islam Johor yang menggunakan khidmat pengintip di hotel-hotel bagi memerangkap pasangan bukan muhrim yang berkhawat dalam usaha memerangi maksiat. Kenapa yang dipasang ialah pengintip dan bukannya penasihat-penasihat bagi menasihati pesangan-pasangan yang akan berkhawat kerana tindakan menangkap dan menghadapkan mereka ke mahkamah juga akan memberikan kesan yang ditakuti iaitu menjatuhkan maruah dan air muka mereka!

Secara jujur, ramai yang terkejut apabila melihat bagaimana masalah penangkapan peserta pertandingan ratu cantik telah digembar-gemburkan sedemikian rupa sehingga hilang maksud sebenar penangkapan tersebut. Yang kelihatannya bersalah bukan lagi gadis-gadis yang menyertai pertandingan tersebut tetapi JAIS. Dari isu penangkapan tersebut itu pula muncul sekian banyak alasan; kenapa tidak ditangkap juga orang yang menonton, orang yang menganjur, orang yang membenarkan penggunaan tempat pertandingan, dan sebagainya. Untuk lebih jauh lagi ada pula yang mengatakan kenapa tidak diambil tindakan terhadap rancangan-

rancangan televisyen yang kadangkala lebih menjolok mata dan majalah-majalah hiburan yang kadang-kadang lebih mengarut sifatnya. Kenapa dibiarkan pelbagai pertunjukan pentas artis-artis dari luar dan bermacam-macam “kenapa” lagi.

Siapa pun tidak dapat menafikan bermacam-macam jenis perlakuan dan imej sumbang yang ada, baik di kaca televisyen, majalah, filem, di taman-taman rekreasi, di kawasan-kawasan perkelahan dan sebagainya. Tetapi apakah kerana kewujudan kesemua itu boleh dijadikan alasan dan dalih untuk kita tidak mengambil tindakan terhadap ketiga-tiga anak gadis tersebut. Sama sekali tidak. Bolehkah kita mengatakan oleh kerana keadaan sudah sedia teruk, biarlah ia teruk kerana tidak ada gunanya kita bertindak kerana perkara yang sama berlaku di mana-mana. Tanyalah kepada sesiapa yang rasional, apakah perasaan mereka apabila melihat perluan atau perbuatan yang sumbang berlaku di hadapan mereka. Sudah tentulah mereka akan mengatakan mereka tidak suka. Tetapi jika kita bertanyakan apakah tindakan yang akan mereka ambil, maka mereka akan mengatakan bahawa perkara tersebut tidak ada di dalam bidang kuasa mereka. Siapakah yang mempunyai bidang kuasa ini untuk mengharamkan sekian banyak imej atau perlakuan lucah yang ada di sekeliling kita tetapi tidak mahu mengharamkannya? Sudah tentu bidang kuasa ini ada pada pelbagai agensi atau jabatan dan tentu ia tidak terletak hanya pada JAIS sahaja.

Kita pun wajar bertanya apakah tugas seperti itu wajar diletakkan kepada JAIS iaitu dalam konteks apa yang disebut pihak JAIS sepatutnya mencegah sebelum pertandingan itu berlangsung kerana publisiti penyertaan ketiga-tiga gadis tersebut sudah diketahui. Tidak adakah sebarang nasihat atau pandangan diberikan oleh keluarga si gadis atau mana-mana individu atau mana-mana pertubuhan wanita agar si gadis jangan meneruskan penyertaan mereka? Atau sememangnya masyarakat kita sudah leka dan menerima bahawa pertandingan ratu cantik ini sudah menjadi sebahagian daripada budaya masyarakat kita. Lalu setelah JAIS mengambil tindakan mengikut bidang kuasa mereka, kita bertanyakan mengapa pihak JAIS tidak melakukan itu dan ini

bermacam-macam lagi tindakan.

Satu contoh yang boleh dikemukakan ialah bagaimana pengedaran majalah-majalah hiburan di pasaran terbuka hari ini boleh dibeli oleh sesiapa sahaja. Ada sebuah majalah hiburan bulanan dengan terang-terangan membicarakan perlakuan seks seorang artis wanita popular dengan gambar artis tersebut memakai baju mandi dan dalam gaya yang mengasyikkan. Sudah tentulah orang akan bertanya kenapa tidak ditangkap sahaja artis tersebut kerana ia pun turut sama memakai baju mandi seperti gadis-gadis yang menyertai pertandingan ratu cantik itu. Jawabnya ialah tentu sahaja ia wajar ditahan malah wajar juga untuk dinasihati tetapi soal sama ada ia wajar ditangkap atau dinasihati terus berkait dengan siapa yang mempunyai bidang kuasa dan keupayaan untuk membuat tangkapan dan menasihati si artis.

Kita bukan tiada undang-undang berhubung dengan soal penerbitan bahan-bahan bacaan yang bersifat lucah. Tetapi jika ditanya kepada pihak penguatkuasa kenapa tidak dihentikan penerbitan majalah seperti itu, seperti yang pernah saya tanyakan, apa yang dijawabnya ialah: "Ia di luar bidang kuasa kami. Kami hanya boleh bertindak jika ada duan dari orang ramai." Jika ditanyakan kepada orang ramai maka mereka jawab: "Takkan jabatan tak tau, benda itu memang dah jelas lucah. Bertindak sajalah." Di tengah-tengah kemelut itu masyarakat terutama generasi muda terus terdedah kepada bahan-bahan bacaan yang sangat tidak bermoral. Jika perdebatan bidang kuasa ini dibiarkan berterusan ia akan memerangkap kita dalam persoalan yang bersifat teknikal dan tidak melihat isu yang sebenarnya.

Isu yang sebenarnya dalam konteks pertandingan ratu cantik ialah apakah wajar pertandingan ratu cantik ini baik yang disertai oleh peserta-peserta Melayu mahupun bukan Melayu ini terus dibiarkan. Ia juga bukan isu sama ada peserta dibenarkan untuk memakai pakaian mandi atau tidak seperti yang dibangkitkan oleh seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Persoalannya ialah bagaimana wanita telah diperagakan dalam satu keadaan yang memalukan. Apabila kita memperkatakan

pertandingan ratu cantik itu wajar diharamkan ia tidak bermakna ia ditujukan kepada wanita-wanita Melayu atau Islam sahaja tetapi juga merangkumi semua wanita dari pelbagai agama dan bangsa. Agenda yang cuba dibawa oleh para pengajur pertandingan ratu cantik ini hanyalah satu, iaitu untuk meningkatkan keuntungan perdagangan mereka. Memang melalui wanita keuntungan yang lumayan akan dapat dipertingkatkan.

Oleh itu memberi penekanan kepada pengharaman pertandingan ratu cantik wanita di negara ini adalah jauh lebih penting daripada kita mempertikaikan tentang tindakan yang diambil. Kini bukan lagi tindakan untuk menghalang pertandingan itu sendiri. Sesungguhnya terlalu banyak alasan dan dalih akan menjadikan masyarakat kita akhirnya menerima sahaja sebarang bentuk perkembangan budaya yang serba asing di dalam masyarakat. Natijah akhirnya ialah kita menjadi semakin pemaaf dengan kesan-kesan negatif dari perkembangan budaya asing itu.

(Burhanuddin Adnan - CAP)

8

SUDAHLAH MAHATHIR KELIRU, PANDANGAN ANWAR LAGI MENGELIRUKANNYA

Apabila Fahyu Hanim Ahmad (dari Alor Setar), 18, Noni Mohamad (dari George Town), 19, dan Sharina Shaari (dari Alor Setar), 23, ditahan lima pegawai JAIS — yang menyamar sebagai penonton — di Classic Ballroom, Hotel Holiday Villa di Subang Jaya pada jam 11 jam 13 Jun 1997, Perdana Menteri Mahathir Mohamad sedang bercuti selama dua bulan di luar negara. Tempatnya dipangku oleh timbalannya, Anwar Ibrahim, bekas aktivis Islam yang terkemuka pada tahun 1970-an. Anwar juga memangku jawatan Presiden Umno dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dalam pertandingan Miss Malaysia Petite 1997 itu, Fahyu diumumkan sebagai pemenang di tempat kedua dan Noni, ketiga. Mereka didakwa berkelakuan tidak sopan yang bertentangan dengan hukum syarak dengan memakai pakaian seperti: pakaian

sukan yang menampakkan aurat (terdedah separuh tubuh), pakaian mandi yang diselubung selendang (di bahagian punggung), pakaian malam gaun labuh yang terbuka aurat di bahagian depan dan belakang. Mereka juga didakwa atas tuduhan melanggar fatwa Mufti Negeri Selangor yang melarang wanita Islam menyertai apa jua jenis pertandingan ratu cantik di Selangor.

Menurut Warta Kerajaan Negeri Selangor Jil. 48 No. 10 bertarikh 11 Mei 1995 (iaitu lebih dua tahun dulu sebelum ia dikuatkuasakan), Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, dinyatakan fatwa tentang penyertaan wanita Islam dalam pertandingan ratu cantik: Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31 (1) dan seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara', membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual, iaitu, "Adalah haram bagi wanita Islam menyertai apa-apa jenis pertandingan ratu cantik." Fatwa itu dibuat pada 28 April 1995 [JAI. Sel. 8014/7 Jilid III; P.U. Sel. 2780.]

Ketiga-tiga model sambilan itu didakwa mengikut seksyen 12 yang berbunyi: Mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina kuasa yang sah, atau mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah atau arahan (a) Duli Yang Maha Mulia Sultan atas sifat baginda sebagai ketua agama Islam; (b) Majlis (Agama Islam Negeri); (c) Mufti, yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Mereka turut didakwa mengikut seksyen 31: Mana-mana orang yang dengan sengaja bertindak atau berkelakuan tidak sopan bertentangan dengan hukum syara' di mana-mana tempat awam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bukan atau kedua-duanya.

Menurut *Berita Harian*, 4 Julai 1997, antara tempat awam yang diklasifikasikan oleh Akta Tafsiran 1948 dan 1967 ialah lebuh

raya, jalan, jambatan, lapangan, medan, jalan kecil, lorong, denai, kampung, pengkalan, jeti, bagan, tempat awam, ruang lapang, panggung tempat hiburan atau tempat kunjungan awam yang dikenakan bayaran untuk masuk atau orang awam mempunyai hak lalu lalang.

Menurut Pengarah JAIS, Dato' Nahrawi Hashim, dalam akhbar yang sama, ketika ini JAIS hanya menguatkuasakan larangan berpakaian tidak sopan kepada wanita Islam yang terbabit dalam pertandingan ratu cantik kerana jelas terbukti mereka berpakaian menjolok mata. "Biarpun begitu, JAIS boleh mengambil tindakan mengikut peruntukan yang sama kepada umat Islam lain jika jelas terbukti berkelakuan dan berpakaian tidak sopan di tempat awam."

Walaupun Mahathir sedang bercuti dan berada di luar negara, beliau tetap prihatin dengan isu ini, apatah lagi bila "dijolok" oleh pemberita. Dari Okoyama, Jepun (19 Julai), ketika diwawancara oleh Khalid Mohd (Utusan), Mahathir jelas tidak setuju dengan cara tindakan JAIS dan menegaskan: "Cara ini meninggalkan kesan buruk sampai ke bila-bila kepada pihak yang terlibat termasuk keluarga mereka. Orang-orang ini tidak faham apa yang dikehendaki oleh agama. Inilah masalahnya apabila kita memberi kuasa kepada orang-orang yang tidak tahu menggunakan kuasa."

Sebelum itu pada 6 Julai, selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno, Anwar menegaskan kerajaan pimpinan Umno tidak akan menggunakan tindakan yang terlalu keras dalam menangani isu sosial, kebudayaan dan kesenian di negara ini, sebaliknya akan meneruskan pendekatan yang sederhana serta bijaksana. "Kita harus lebih bijaksana dan sederhana dalam hal ini dan bukannya dengan mengambil pendekatan yang terlalu keras dan tidak bertolak ansur. Inilah kekuatan Umno dan kerajaan Malaysia. Keunikian dan kejayaan kita selama ini, sehingga dianggap model pembangunan negara Islam kerana kesediaan kita meletakkan keutamaan yang jelas dalam bidang pembangunan ekonomi di samping memperkayakan budaya dan seni serta membasmi kemiskinan."

Ketika ditanya sama ada tindakan mendakwa tiga ratu cantik di mahkamah tergolong sebagai ‘sederhana dan bijaksana’, Anwar cuma berkata, “Menteri Besar Selangor, Dato’ Abu Hassan Omar akan menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai perkara ini.” Ditanya sama ada tindakan itu membayangkan bahawa tindakan yang sama akan diambil terhadap orang ramai yang berpakaian mandi di tempat awam seperti di pantai pada masa akan datang, Anwar berkata: “Umno mengamalkan pendekatan Islam yang lebih menumpukan kepada aspek mendidik daripada menghukum. Inilah yang membezakan Umno dengan PAS yang menggunakan pendekatan ekstrim.”

Kesalnya (dan marahnya) Mahathir terhadap tindakan JAIS itu terus disuarakannya sebaik saja dia balik dari percutian: “Sementara dunia menganggap Malaysia sebagai negara Islam contoh, ada pula orang di Malaysia yang hendak menjadikan negara asing sebagai contoh. Selama ini juga, Malaysia diakui masyarakat Islam antarabangsa kerana mengamalkan ajaran Islam secara bijaksana dan sederhana dan bukan secara pendekatan yang melampau seperti tunjuk kuasa menangkap atau menggari orang. Menggari mereka yang melakukan kesalahan agama seumpama itu bukanlah cara kita untuk mempromosikan Islam.”

Seterusnya Mahathir memberitahu dia akan berjumpa dengan raja-raja Melayu dalam usaha menyelesaikan sama sekali masalah undang-undang Islam yang tidak seragam di antara negeri-negeri. “Kita akan cuba berhubung dengan raja-raja bagi menyeragamkan undang-undang Islam,” katanya. Seminggu selepas itu, 13 Julai 1997, Mahathir mengumumkan, **raja-raja Melayu kecuali Sultan Kedah bersetuju** dengan cadangannya untuk menyeragamkan undang-undang Islam di semua negeri.

Pada 8 Ogos, selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno, Mahathir berkata, kerajaan akan mengkaji semula peranan ulamak dan kuasa Mufti serta mengemaskinikan undang-undang syariah bagi mengelakkan kekeliruan terhadap agama Islam. Kajian mengenai kuasa Mufti, kata Mahathir, dilakukan bagi mengelakkan mereka membuat undang-undang dan fatwa sesuka hati. “Mufti

walaupun boleh menasihat pihak kerajaan,” kata Mahathir “tetapi terpulang kepada kerajaan negeri masing-masing untuk menggazetkannya atau tidak. Ada peruntukan dalam undang-undang yang menyatakan Mufti sahaja boleh buat fatwa dia saja boleh batalkan fatwa. Mufti sepatutnya hanya boleh mengeluarkan fatwa selepas berbincang dengan jawatankuasa pelbagai golongan berpelajaran tetapi tidak semestinya pelajaran agama Islam sahaja.”

Pada hemat saya, kenyataan PM terhadap isu-isu agama, dari satu segi, meskipun selalunya memedihkan telinga yang mendengar, tetapi biasanya dibiarkan angin lalu, orang lebih mahu mendengar apa sikap Anwar tentangnya. Ini kerana penghormatan umum terhadap Anwar, antara lain difaktorkan oleh harapan besar mereka untuk melihat perkembangan Islam yang dinamik, menyeluruh dan menepati kehendak agama itu sendiri, bukannya hanya dicorakkan oleh logik pemikiran semata-mata. Ramai orang sudah bosan, muak, malah merasa “seram” dengan pandangan Mahathir terhadap agama. Misalnya, hasrat Mahathir untuk menyeragamkan undang-undang Islam di seluruh negara, bagi saya, lebih kepada usaha memusatkan kuasa agama kepada Persekutuan, iaitu dirinya sendiri, bukannya bertujuan untuk melaksanakan undang-undang Islam seperti yang digariskan oleh al-Quran dan Sunnah. Jika dilihat idea ini dicetuskan kembali ketika Mahathir begitu marahkan JAIS, apakah penyeragaman itu membawa maksud remaja Islam boleh menyertai pertandingan ratu cantik semula.

Presiden PAS, Ustaz Fadzil Mohd Noor menjangka kerajaan pimpinan Umno sedang berusaha untuk menghadkan kuasa Mufti agar tidak boleh lagi mengeluarkan sebarang fatwa. Manakala usaha menyeragamkan undang-undang syariah di negara ini dianggap satu percubaan untuk menghadkan kuasa kerajaan negeri. **“Mufti sedikit masa lagi tidak akan mempunyai kuasa untuk mengeluarkan fatwa melainkan hanya menjadi penasihat sahaja kepada kerajaan,”** tegas Ustaz Fadzil. Sementara itu, Timbalan Presiden PAS, Ustaz Abdul Hadi Awang mahukan kajian yang dibuat dapat meningkatkan peranan Mufti bagi menasihati

para pemimpin dan memastikan kerajaan mengikut syariat Islam, bukan sebaliknya, iaitu menghilangkan kuasa Mufti bagi meneruskan agenda komersil kerajaan tanpa mengira halal dan haram. Ustaz Hadi turut mengingatkan pihak kerajaan dengan Hadis yang bermaksud: “**Akan zahir di akhir zaman, pemimpin yang jahil tentang agama lalu mereka memberi fatwa dalam perkara agama, mereka menjadi sesat dan menyesatkan orang ramai.**”

Malah, istilah “undang-undang Islam” yang digunakan itu sendiri mengelirukan. Jika benar ia undang-undang Islam, maka tidak perlu diseragamkan lagi. Undang-undang Islam hanya satu dan ia pasti tidak bercanggah. Seperti hujah Ustaz Hadi dalam khutbahnya di Rusila: “Tidakkah Islam datang daripada Allah, Tuhan yang satu, bukannya tuhan yang ramai? Bukankah Allah Taala mengutuskan Nabi akhir zaman, Nabi Muhammad s.a.w. seorang sahaja? Bukankah al-Quran itu satu sahaja. Apa yang dinamakan undang-undang Islam yang diamalkan di setiap negeri di negara ini sebenarnya bukanlah undang-undang Islam tetapi undang-undang ciptaan manusia yang diberi nama dengan nama Islam. Tidak ada gunanya jika kita merujuk kepada raja-raja atau sesiapa sahaja kerana semuanya tidak akan dapat menyelesaikan percanggahan kecuali dengan kembali kepada agama Allah dan kembali kepada Sunnah Rasulullah s.a.w.”

Justeru itu istilah yang lebih tepat dan sememangnya digunakan ialah undang-undang pentadbiran agama Islam negeri-negeri, yang mana Islam itu ditadbir, bukannya Islam yang mentadbir. Begitu juga kedudukan jabatan agama dalam pentadbiran kerajaan negeri, tidak jauh bezanya dengan jabatan perhutanan, jabatan pertanian, jabatan pendidikan dan seumpamanya. Islam telah dipenjarakan di bawah satu jabatan, bukannya Islam itu yang memerintah seluruh urusan negeri, di mana ia menjadi dasar dan roh pentadbiran.

Masalah istilah atau nama yang tidak tepat ini pernah disinggung oleh Dr Mahmud Saedon ketika membicarakan persoalan Mahkamah Syariah: Nama Mahkamah Syariah dengan

peruntukannya kurang tepat dan mengelirukan. Ini kerana peruntukan-peruntukan mahkamah bukan seluruhnya berdasarkan hukum-hukum syarak walaupun ia dinamakan dengan nama syarak, seperti hukuman terhadap kesalahan zina, murtad dan minum arak. Sebagai contoh, kes seorang janda yang dihukum RM300 kerana kesalahan zina (7 Julai 1982) memohon kepada Mahkamah Syariah supaya dijalankan hukum syarak ke atasnya kerana hendak membersihkan dirinya daripada dosa. Janda itu berkata, "saya tidak bersetuju dengan hukuman adat, iaitu denda RM300, saya mahu hukuman syarak, dengan menjalankan hukuman Islam saya benar-benar dapat membersihkan dosa-dosa di dunia dan di akhirat." Bagaimanapun hakim Syeikh Ghazali Abdul Rahman berkata, "Mahkamah tidak mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman tersebut." Ini jelas membuktikan bahawa menamakan Mahkamah Syariah adalah kurang tepat dan boleh mengelirukan, malahan boleh menjadikan bahan ejekan dan cemuh. Di samping itu ada beberapa perkara yang berhubung dengan undang-undang keluarga sendiri tidak dapat dilaksanakannya.

Mufti Perak, Dato' Harussani Zakaria berkata, semua fatwa yang dikeluarkan pada masa ini bukan dibuat sewenang-wenangnya oleh individu Mufti itu sendiri tetapi dibincangkan dalam Majlis Fatwa terlebih dahulu. Sebarang keputusan untuk mengeluarkan fatwa tidak dibuat menerusi undi angkat tangan atau undi sulit kerana majlis itu mengamalkan sistem syura yang berdasarkan nas. "Sekiranya terdapat lapan orang mempunyai pendapat yang sama mengenai sesuatu hukum, kemudian seorang lagi mengeluarkan nas al-Quran yang bertentangan, maka kita kena pakai nas. Jika seorang Mufti mengeluarkan pendapat, itu bukanlah fatwa tetapi hanya pendapat peribadi Mufti itu sendiri," kata Harussani. Timbalan Mursyidul Am PAS, Ustaz Idris Omar berkata, sekiranya kuasa Mufti dihadkan, ia memberi gambaran bahawa peranan Mufti dan ulamak dikawal oleh kerajaan, sekali gus tugas sebagai penasihat kerajaan tidak lagi wujud. "Sepatutnya kerajaan akur dengan pandangan dan nasihat Mufti, bukannya

Mufti yang kena ikut nasihat kerajaan,” tambahnya lagi.

Memandangkan latar belakang Anwar sebagai Presiden ABIM misalnya, dan mempunyai hubungan yang baik dengan ulamak-ulamak gerakan Islam seluruh dunia, kita tentu tidak mahu mendengar kenyataan lebih mengelirukan darinya tentang kontroversi ini. Diharap Anwar boleh membetulkan kesilapan Mahathir dan meredakan suasana. Mahathir rasanya mengakui, pengetahuan dan pengalaman Anwar dalam hal ini melebihinya. Mahathir tidak perlu segan silu meminta pandangan Anwar terlebih dahulu sebelum membuat komentar melulu berdasarkan prasangka negatifnya terhadap institusi keagamaan selama ini. Rupanya tidak begitu, sudahlah Mahathir tetap angkuh dengan pendirian sempitnya itu, Anwar juga memberi pandangan yang lebih merumitkan keadaan.

Mungkin untuk membersihkan terus imej fundamentalis Islam yang sedia mencalarkan tubuhnya, Anwar cuba menonjolkan imej sederhananya apabila berhadapan isu-isu agama, moral, kesenian dan kebudayaan. Sepertimana Anwar bersedia berjumpa “adik-adik KRU” ekoran pengharaman Konsert Krumania oleh pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri, kali ini sekali lagi Anwar tersasar. Buat kesekian kalinya istilah keramat, “kesederhanaan” menjadi kalimat sakti bagi menjustifikasi segala yang dihasrat. Dalam kes KRU Anwar membidas sikap sesetengah kerajaan negeri yang membatalkan konsert kumpulan itu. Sehingga Sanusi Junid, Menteri Besar Kedah terpaksa merayu daripada Makkah agar kerajaan Persekutuan menerima tindakan Kedah yang tetap mengharamkan konsert seumpama itu.

Bertambah malanglah JAIS, semua pemimpin Umno (bersama sekutu dan kaum kerabatnya) bersepakat bahawa tindakan mereka menahan pesalah ratu cantik dianggap ganas, melampau, bengis, tidak berperikemanusiaan, mencemarkan Islam, tidak bijaksana, malah menjauhkan bukan Islam dengan Islam. Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Johan Jaaffar menulis: “Jabatan Agama Islam negeri itu (Selangor) nampaknya memekakkan telinga pada suara rakyat Malaysia yang meminta supaya prinsip keadilan, bimbingan,

nasihat, muafakat, musyawarah, muzakarah, entah apa lagi, haruslah menjadi prinsip tindakan.” Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Sharizat Abdul Jalil berkata: “Mereka (pegawai JAIS) sengaja menunggu dan menangkap macam cara gestapo bukan cuba mencegah yang sepatutnya berlaku.”

ZAM pula membuat kesimpulan mudah (ya, siapa tidak kenal Zam?): “Apa yang berlaku baru-baru ini di Selangor dalam cara menangani masalah penyertaan gadis Islam dalam peraduan ratu cantik adalah jelas menunjukkan betapa pembinaan bertahun-tahun imej toleransi Islam dalam masyarakat majmuk boleh dicemarkan dengan sekilip mata oleh tangan yang tidak bijaksana menguruskan kuasa. NCWO, yang katanya mewakili 87 persatuan wanita juga bersatu hati: “Kemelut yang sering tercetus seolah-olah menunjukkan ada agensi kerajaan yang tidak menyokong dasar kerajaan. Tolak ansur dan kesederhanaan diganti dengan tindakan bengis dan kasar yang menimbulkan ketakutan dan fobia yang menyukarkan lagi dakwah Islamiah dalam negara yang berbilang bangsa.”

Dr Abdul Hamid Othman juga membuat kenyataan mengelirukan. Beliau mahukan JAIS menghebahkan pelbagai fatwanya terlebih dahulu sebelum tindakan diambil terhadap mereka yang bersalah. “Hebahan kepada orang ramai penting kerana kadangkala *kita tidak tahu* sesuatu perbuatan itu dianggap kesalahan,” katanya. Pelik juga, masih adakah orang yang tidak tahu bahawa mendedahkan tiga suku tubuh wanita, apatah di depan publik, satu kesalahan dalam Islam? JAIS menunggu lebih dua tahun untuk menguatkuasakan fatwa itu. Exco Kerajaan Negeri Selangor, Dr Zainal Abidin Ahmad mengakui, “penahanan itu memang mengejutkan tetapi secara tidak langsung ia juga salah satu cara memaklumkan perkara itu kepada orang ramai.”

Sisters In Islam apa lagi, naik tocanglah dengan istilah-istilah kesederhanaan dan kebijaksanaan seperti yang selalu dilafazkan Anwar. Mereka bukan sahaja dengan sewenang-wenangnya memberi fatwa baru tentang bentuk pakaian wanita yang

dianjurkan oleh Islam (misalnya tidak perlu lagi menutup kepala) dan malah membuat tafsiran melulu terhadap ayat-ayat al-Quran. Lebih menghinakan lagi bila mereka menyifatkan tindakan JAIS itu sebagai “gangguan terhadap wanita Muslim ... jelas mencerminkan sikap *misogynist* (membenci wanita).” Bagi mereka pakaian dalam Islam hendaklah sederhana, “yang memerlukan supaya kita menutup segala yang aib, yakni kemaluan kita ...” Bagi saya, pandangan sempit dan menyesatkan oleh Sisters In Islam ini tidak wajar disiarkan oleh mana-mana akhbar Melayu. Islam mengakui dan menjamin kebebasan mengeluarkan pendapat tetapi tidaklah sampai sewenang-wenangnya membuat tafsiran berdasarkan hawa nafsu dengan bertopengkan ayat-ayat al-Quran tertentu dan mengetepikan sama sekali penjelasan daripada Hadis. Saudara Johan Jaaffar dan Nazri Abdullah diharap ambil perhatian serius tentang perkara ini.

Badrul Munir Jaffar, *Berita Harian* 16 Ogos 1997 menyifatkan Sisters In Islam tidak memahami adab berbicara dan diskusi ilmu. Dalil al-Quran digunakan sewenang-wenangnya tanpa penerangan yang mendalam dan tidak mengikut metodologi ilmu Islam. Misalnya, mereka mentafsirkan surah al-Baqarah, ayat 256 yang bermaksud, “tidak ada paksaan dalam agama,” dengan menyatakan umat Islam tidak boleh dipaksa menutup aurat. Sedangkan semua orang faham ayat itu menerangkan masalah tauhid dan keimanan, iaitu seseorang yang belum beragama Islam tidak boleh dipaksa menganut Islam. Sepatutnya surat Sisters In Islam hanya layak dibakulsampahkan saja. Pusat Islam wajar memanggil mereka untuk membuat penjelasan di atas huriahan mereka yang sesat lagi menyesatkan itu, serta “keberanian” mereka menolak fatwa Mufti.

Kita yakin Mufti Selangor yang mengeluarkan fatwa itu, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara’ membuat pertimbangan yang sewajarnya. Apakah lagi soal mendedahkan aurat sebenarnya tidak memerlukan fatwa baru kerana hukumnya sudah jelas. Panduan Imam Ahmad Ibn Hanbal tentunya diikuti mereka yang terbabit sebelum memberi fatwa: (1) Mempunyai niat ikhlas. Sebab jika tidak ada niat ikhlas, dia

tidak akan mendapat cahaya petunjuk dalam melakukan fatwanya. (2) Hendaklah mempunyai sifat kasih, rendah hati (tawadhus) dan ketenangan jiwa. (3) Mempunyai keyakinan yang teguh dengan tugasnya dan memahami betul soalan yang sedang dihadapinya. (4) Hidupnya dalam kecukupan, kerana jika tidak, dia akan dapat dipengaruhi oleh orang yang berkepentingan. (5) Mempunyai maklumat yang cukup tentang adat-istiadat dan selok-belok kehidupan manusia.

Dalam pada itu saya cukup terkilan dengan sikap Anwar. Selama ini, walaupun Anwar sering menjadi bahan kritikan dalam buku-buku saya, namun harapan saya kepadanya tetap menggunung. Kekecewaan terhadap Mahathir tidak dapat diubati lagi. Mahathir lebih percaya kepada kekuatan dan kehebatan ekonomi, yang mesti kita kuasai, sebelum kita menumpukan kepada benda-benda lain. (Hebat macamana pun tak tahulah kita kalau dengan karenah Soros pun sudah kelam-kabut ekonomi Malaysia dibuatnya). Bahasa Melayu dikorbankan demi ekonomi, begitu juga agama Islam dan tradisi yang diwarisi.

Rupanya Anwar lebih memikirkan kedudukannya daripada maslahah ummah. Mungkin bagi Anwar, berilah peluang untuknya menjadi Perdana Menteri dahulu. Tapi, kita tahulah, bila saja dia dilantik PM, insya-Allah, ketika itu Anwar akan menjadi lebih sibuk untuk mempertahankan kedudukannya. Anwar takkan menggadaikan jawatannya itu hanya untuk mengembang dan mempertahankan Islam. Maka Islam seperti yang didefinisikan oleh Mahathir akan terus terpakai. Nanti apa pula kata rakan-rakan komponen BN, pembangkang DAP, negara-negara jiran dan seterusnya tanggapan Amerika terhadapnya.

Dalam hal menjaga kedudukan dan mengambil kira soal politik dalam parti, Anwar lebih prihatin. Bagi Anwar, jika tindakannya boleh merugikan masa depannya, dia pasti membantalkannya. Sedangkan, bagi Mahathir, sesuatu yang diyakininya mesti dijalankan, dia akan melakukannya walaupun mungkin mengundang risiko tidak popular atau seumpamanya. Anwar tidak akan mampu melaksanakan tuntutan Islam yang tulen kerana

amalan-amalan Islam itu sudah dilabelkan Umno sebagai “pelampau, tidak berhati perut, tidak simpati” dan sebagainya lagi.

Lebih menyedihkan apabila Anwar mendakwa Umno dan kerajaan pimpinannya lebih percaya kepada pendekatan pendidikan daripada kaedah menghukum. Cakap Anwar itu seolah-olah cakap orang yang tidak ada kuasa, cakap pemimpin NGO, lagaknya seperti harimau yang tidak ada taring, yang tidak ada kuku dan yang tidak ada belang. Anwar seperti sudah balik semula ke jawatan lamanya, sebagai ketua sebuah pertubuhan dakwah. Apakah Anwar lupa bahawa dia sekarang menjadi Timbalan Perdana Menteri dan semasa beliau berkata demikian, Anwar adalah pemangku PM, orang yang dipertanggungjawab untuk mentadbir dan menerajui kuasa negara ini. Ketika itu Anwar adalah pemimpin paling berkuasa. Mungkin Anwar silap faham dan keliru dengan kandungan buku Mursyidul Am Ikhwan Muslimin, Hassan Hudaibi yang menegaskan kita adalah pendakwah bukan penghukum. Bukan pula saya bermaksud pendekatan pendidikan harus ditolak, malah ia adalah nadi dalam kehidupan, dan mesti berjalan terus dan dipergiatkan.

Soalnya, bukankah hukuman juga merupakan satu aspek pendidikan yang berkesan? Perhatikan, anak-anak harus dibiasakan menunaikan solat bila umurnya tujuh tahun, apabila berusia 10 tahun, rotan boleh digunakan untuk mengajarnya. Pepatah Melayu menyebut, sayangkan anak, tangan-tangankan; sayangkan isteri, tinggal-tinggalkan. Tapi apabila memikirkan ucapan itu lebih ditujukan kepada JAIS dan Muftinya, saya kira Anwar sudah melencong dan mengarut. Kuasa kini berada di tangan Anwar, perundangan Islam sedaya upaya mesti dilaksanakannya, dakwah pula mesti diperhebat dan digalakkan, serta dipermudahkan, manakala segala saluran kemungkar dan kemaksiatan hendaklah ditutup. Syariah telah memperincikan segala-galanya bagaimana sesuatu hukuman patut dilaksanakan. Dr Yusof al-Qardhawi mungkin boleh membantu Anwar menyelesaikan kmelut dalam benaknya itu. Sebagai Timbalan Presiden Umno, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Disiplin parti, apakah Anwar benar-benar

menggunakan pendekatan hukuman sebagai pilihan terakhir selepas memanfaatkan kaedah rundingan, nasihat atau amaran. Apa yang kita dengar, ramai yang tidak puas hati dengan kaedah yang dipakai, di mana jarang pihak yang dituduh mempunyai peluang untuk membela diri.

Malah, kalau Anwar lupa, saya ingatkan semula kisah lama, bagaimana pelajar-pelajar wanita UTM yang menutup muka, iaitu memakai purdah, dipecat daripada pengajian, meskipun kebanyakan mereka berada di tahun akhir. Waktu itu Anwar menjadi Menteri Pendidikan, saya sendiri pernah berjumpa Anwar merundingkan masalah pelajar-pelajar berkenaan, tapi hasilnya... habuk pun tarak, hanya janji-janji manis dilafazkan, satu kebiasaan bagi Anwar! Mengapa Anwar tidak bersedia berjumpa “adik-adik siswi yang berpurdah” sebaliknya beliau bersedia turun padang berbincang dengan “adik-adik KRU” bagi membolehkan konsert yang dirancang dapat dijalankan? Bukankah dalam peraturan berpakaian di universiti, tertera kesalahan-kesalahan yang memungkinkan seseorang pelajar dipecat. Antaranya ialah berpakaian menutup muka dan berpakaian menjolok mata. Soalnya, mengapa hanya pelajar purdah ditendang keluar, manakala pelajar yang berpakaian menjolok mata tidak dikenakan apa-apa tindakan? Apabila dirujuk masalah ini kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), jawapannya cukup mendukacitakan. Istilah menjolok mata tidak pernah diberi tafsiran atau pendetailan. Berbanding Pak Lah, Menteri Pelajaran sebelum Anwar, Pak Lah lebih mudah diajak berbincang dan sedia mendengar pandangan pelajar. Pak Lah sendiri memutuskan – sebelum beliau dipindahkan ke Kementerian Pertahanan – agar siswi berpurdah itu dapat meneruskan pelajaran sehingga tamat atas rasa hormatnya terhadap pendirian mereka dalam hak berpakaian.

Baiklah Anwar, kalau benar kerajaan mengamalkan pendekatan pendidikan atau dakwah dan menolak pendekatan hukum, apa yang dibuat kerajaan Umno, misalnya dalam persoalan paling asas, untuk memahamkan kepada setiap wanita Islam bahawa mereka wajib menutup aurat. Apakah selepas 40 tahun

merdeka kita tidak malu untuk mengakui bahawa masih remaja Islam yang tidak tahu tentang kewajipan menutup aurat? Bagaimana pula kefahaman umat tentang syariah, aqidah dan seumpamanya? Sampai bila-bila pun, rakyat tidak akan faham apa itu undang-undang Islam, malah mereka makin keliru dan bingung mendengar hujah penolakan pemimpin Umno ketika Hukum Hudud yang diperkenalkan Kerajaan Kelantan. Lagipun, kalau benar kita mengamalkan pendekatan bijaksana melalui pendidikan, mengapa terus dibiarkan majalah-majalah cabul di pasaran, khususnya keluaran Utusan Melayu? (Buat Johan Jaaffar, tengoklah apa yang diisi dalam *Mangga*, misalnya). Mengapa program TV dan filem-filem cabul terus berleluasa ditayangkan? Mengapa gaya hidup mewah berlazat-lazatan dipopularkan? Mengapa pemujaan terhadap kebendaan disuburkan? Mengapa pendakwah yang mampu menarik minat penonton digam?

Mengapa pula dalam hal-hal agama kerajaan pimpinan Umno nampak berlembut tetapi kesalahan lain, yang kadangkalanya jauh lebih ringan, dihukum dengan berat sekali? Apa pula kuasa kita untuk meminda hukuman yang sememangnya telah ditetapkan Allah bagi dilaksanakan? Mengapa tidak dinasihatkan saja pengedar dadah, perompak, pembawa senjata api? Mengapa apabila berhadapan dengan seteru politik, yang langsung tidak mengancam keselamatan negara, ISA digunakan? Ketika berdepan dengan bekas pengikut Arqam, termasuk golongan wanitanya, mereka ditahan secara kasar sekali, malah digari. Kita muh melihat pimpinan kerajaan turun ke medan untuk memberikan penerangan dan dakwah kepada umat Islam kerana bagi mereka “pesalah agama” (apa pula maknanya ini?) tidak perlu dihukum, mereka lebih memerlukan nasihat, kaunseling dan bimbingan.

Walhal JAIS dan Muftinya bertindak menurut bidangkuasa yang ada pada mereka. Pendakwah ada tugasnya, pegawai peguatuksa ada bidangnya, qadhi ada peranannya, pemimpin kerajaan ada tanggungjawabnya, Mufti ada penghususannya, pengamal media ada keistimewaannya. Masing-masing harus melaksanakan tugas secara harmonis, bantu membantu, tegur

menegur, bahu membahu. Sebagai PM semuanya seperti anak-anak beliau, jadi mengapa harus menyinga dan membebek membabi buta. Anwar pula janganlah cuba memberi fatwa baru tentang tugas dan peranan mufti, qadhi dan pegawai penguatkuasa jabatan agama. Kalau dengan hanya didorong oleh rasa malu PM terhadap Perdana Menteri Nawaz Sharif boleh membuatkan pesalah yang membuang sampah didenda serta merta, apa lagi jika berkaitan dengan peraturan Ilahi.

Kepada seluruh Mufti, hadapilah cabaran ini dengan penuh ketenangan. Kini tiba giliran tuan-tuan semua. Tuan-tuan bukan orang yang pertama dan terakhir menghadapi tribulasi seumpama ini, apabila berdepan dengan seorang hamba Allah bernama Mahathir Mohamad. Renunglah kata-kata Dr Yusof al-Qardhawi ini: "Di antara akhlak Mufti adalah berfatwa dengan apa yang diketahuinya daripada hak dan kebenaran dan berpegang teguh atas fatwanya itu, meskipun boleh menyebabkan kemarahan siapa sahaja, termasuk pera penguasa dan pemimpin kerajaan. Kerana apa yang dicarinya hanyalah keredhaan Allah s.w.t. bukan manusia yang akan kembali menjadi tanah ditelan bumi. Mereka berpegang teguh dengan fatwa-fatwa tersebut meskipun harus berdepan dengan ancaman penguasa yang berupa siksaan, penjara atau buang negeri. Tetapi mereka tetap teguh dan bersabar dalam memperjuangkan hak dan kebenaran sesuai dengan agama Allah s.w.t."

"Imam Ibn Taimiyyah, misalnya, telah disiksa dan dipenjara berkali-kali selama hidupnya kerana fatwa-fatwanya yang bercanggah dengan kehendak dan keinginan penguasa pada zamannya, sehingga beliau meninggal dunia di dalam penjara. Meskipun ancaman dan siksaan datang bersilih ganti, tetapi Ibn Taimiyyah tidak pernah menyerah dalam memperjuangkan agama Allah s.w.t. dan tidak mahu menarik balik fatwa-fatwanya itu, sehingga beliau pernah berkata: "Penjara bagiku adalah khalwat (beribadah kepada Allah), dibuang negeri bagiku adalah hijrah, dibunuh bagiku adalah mati syahid."

9

ISU KRU - P. RAMLEE BUKTI KABINET HINA MAJLIS FATWA

Mufti Perak, Dato' Haji Harussani Zakaria adalah antara Mufti yang agak "kontroversi" dengan pendapat dan pandangannya. Pernah satu ketika beliau berkata album KRU yang memuatkan lagu kumpulan itu "berduet" dengan Allahyarham P. Ramlee melalui peralatan teknologi tinggi adalah haram. Bagaimanapun ia disanggah oleh Kabinet, dan salah seorang menterinya berkata, lagu seumpama itu tidak diharamkan oleh Islam. Saya, sebagai Pengarang *Tamadun* melihat isu ini perlu diberikan penjelasan kepada umum, dengan tidak membiarkan persoalan hukum ditangani secara tidak beradab oleh mereka yang jahil tetapi rakuskan kuasa. Karyawan muda *Tamadun*, Fatimah Musa, bersedia untuk turun ke Ipoh bagi mendapatkan penjelasan mengenai isu berkenaan, dan yang berkaitan.

Saya bertanyakan Fatimah, apa yang dapat dirumuskan dari pertemuannya dengan Dato' Haji Harussani. "Berani, jelas dan tidak berselindung. Marina Mahathir pun ditegurnya," kata

Fatimah. Semasa meneliti semula wawancara tersebut, saya tertarik dengan kata-kata Dato' Harussani bahawa jika selepas sesuatu fatwa itu digazetkan, dan ada pihak yang melanggarnya, kerajaan boleh saman! "Kerajaan harus mengambil tindakan kerana ia adalah undang-undang. Bukan lagi Mufti yang bertindak tetapi kerajaan yang harus menguatkuasakannya," tegasnya.

Supaya mendapat keterangan yang jelas, saya salin semula sebahagian kandungan wawancara berkenaan, yang diadakan pada bulan Mei 1997.

Pada pandangan Dato' di manakah kedudukan seni dalam Islam?

Seni merupakan suatu kurniaan Allah di dalam jiwa manusia. Setiap yang indah adalah seni, malah ia tidak terbatas kepada satu bidang sahaja. Oleh sebab itulah kita dapat melihat pelbagai cabang seni, antaranya termasuklah seni suara, seni ukir, seni cipta dan bermacam-macam jenis seni lagi. Islam tidak pernah di dalam ajaran atau syariatnya membunuh apa juga naluri yang ada pada manusia. Atau dengan kata lain, sifat manusia itu tidak dibunuh. Syariat Islam datang hanya untuk mengatur naluri manusia supaya tidak melampau, sama ada dari segi hubungannya dengan Tuhan ataupun hubungannya sesama dengan manusia. Umpamanya seni ukir, Islam tidak melarang sebarang ukiran, kecuali mengukir rupa bentuk makhluk yang bernyawa kerana itu adalah hak Tuhan. Ini kerana berkemungkinan orang yang melihat kuda yang diperbuat daripada lilin atau batu marmar itu akan lebih mengagumi perbuatan ukiran itu sehingga melupai kuda hidup ciptaan Tuhan. Mungkin ukiran itu lebih bermakna, lebih hebat kepada manusia sehingga boleh ditunggang untuk membawa manusia, sedangkan ukiran tersebut adalah merupakan benda yang mati. Oleh itu ia sudah memuja benda yang mati daripada yang hidup. Memuja manusia yang mencipta atas ciptaan Tuhan daripada memuja Tuhan yang mencipta segala sesuatu daripada tiada kepada ada. Oleh kerana itulah perbuatan tersebut dilarang. Selain itu seni bina

umpamanya, juga dibenarkan selagi mana ia tidak ada membawa unsur-unsur syirik. Oleh itu terpulanglah sama ada mereka mahu membuat seni bina rumah yang bagaimana. Cuma dari konsep syarak, keadaan di dalam rumah mestilah luas (ada kelapangan) kerana Islam tidak mementingkan seni bina sebaliknya ia mementingkan keselesaan manusia.

Seni suara ...

Begitu juga dalam seni suara. Islam begitu menyanjung seni suara. Oleh kerana itu Rasulullah memilih Bilal sebagai tukang azan kerana suaranya yang lantang, nyaring dan jelas. Selain itu Rasul juga menetapkan orang yang hendak menjadi imam itu adalah terdiri daripada orang yang fasih dan lunak suaranya. Orang yang begini disuruh menjadi imam di dalam ibadat. Seni suara yang baik inilah yang dikehendaki. Ia bermakna seni suara itu tidak dilarang, bahkan disanjung oleh syarak. Namun begitu ia juga mempunyai sekatannya yang telah ditentukan. Seni suara itu jangan digunakan kepada perkara-perkara yang merosakkan hubungan dengan Allah dan mencemarkan hubungan dengan manusia.

Oleh itu dalam seni suara, contohnya bidang nyanyian, ia tidak terlarang kecuali nyanyian yang memuja selain daripada Tuhan. Misalnya, nyanyian yang memuja wanita, nyanyian yang boleh menaikkan dan menghairahkan nafsu ataupun nyanyian yang melahirkan rasa putus asa dan kecewa. Nyanyian seperti itu dilarang. Jadi, seni suara itu dibenarkan selama mana ia tidak melampau atau nyanyian yang menimbulkan kemarahan serta merendah-rendahkan orang lain, mencaci nista dan sebagainya.

Sedangkan dari segi syarak seni suara tidak pernah terlarang. Begitu juga kerana sifat manusia ini suka kepada hiburan, maka hiburan dalam apa juga bentuk sekalipun tidak terlarang kecuali hiburan-hiburan yang melalaikan, mengasyikkan serta merosakkan hubungan dengan Tuhan. Itu yang dilarang oleh syarak.

Bagaimana pula dengan alat-alat muzik yang digunakan dan apa pandangan Dato' bila ada yang berpendapat bahawa

ulamak perlu bekerjasama dengan artis dalam menyebarluaskan dakwah kepada masyarakat.

Saya berpandangan alat-alat muzik ini tiada salahnya. Walaupun kita mendapati di dalam kitab-kitab fikih ada menentukan alat begitu dibolehkan dan begini diharamkan. Contohnya, gendang yang bertutup sebelah itu dibolehkan dan bertutup kedua-dua itu tidak dibolehkan. Saya tidak nampak alasan yang menyebabkan benda itu menjadi haram. Yang saya nampak ialah penggunaan alat tersebut. Apakah penggunaan alat itu melalaikan kita atau ia digunakan di waktu-waktu yang tidak semestinya digunakan? Itu hukumnya haram.

Umpamanya, dalam waktu kita mesti beribadat seperti sembahyang, ketika itu kita bermain muzik. Walaupun hanya gendang yang kita main ataupun hanya belakang timba yang kita pukul tetapi oleh kerana penggunaannya di waktu-waktu ibadat ia menjadi haram. Jadi di mana dan untuk tujuan apakah penggunaan alat itu. Jika semata-mata untuk hiburan, untuk menenangkan jiwa, menyatakan kegembiraan umpamanya selepas mendapat anak, hari perkahwinan, hari raya dan sebagainya, ia tidak menjadi kesalahan. Tetapi bila kita 24 jam menyanyi atau melalak di tengah padang sampai tengah malam, itu sudah melalaikan dan ia menjadi unsur kepada perbuatan yang tidak baik. Ini kerana di situ kita mengumpulkan muda-mudi dan mereka bergaul pula secara bebas.

Kalaupun muziknya tidak haram, tetapi berada di tempat yang natijah akhirnya haram, atau mendorong kepada perbuatan yang haram, hukumnya tetap sama. Kita lihat konsert yang banyak diadakan sekarang, umpamanya. Keadaan ini sudah tentu akan menyebabkan muda-mudi balik lambat dan sebagainya sehingga mendorong mereka tidur di padang beramai-ramai, bercampur lelaki dan perempuan. Ini adalah suatu perbuatan yang cukup buruk dari segi pandangan syarak.

Tetapi perlu diingat bahawa alat-alat hiburan ini juga haruslah sesuatu yang tidak bertentangan dengan syarak. Umpamanya, kita tidak boleh memperalatkan orang yang telah meninggal dunia untuk jadi bahan hiburan kita. Ini kerana syarak menyuruh kita

menghormati serta mendoakan kebaikan kepada orang yang telah meninggal dunia.

Tetapi kita sekarang sudah melampau sehingga kita sudah tidak cukup seronok dengan orang yang hidup, kita memperalatkan pula orang yang telah meninggal dunia untuk menghiburkan kita. Ini salah! Kalau ada orang yang mempersoalkan, kenapa ada filem orang yang telah meninggal dunia masih ditayangkan, itu bukan salah hukum. Hukum tetap juga haram, tetapi yang melakukan itu tidak pernah mempedulikan hukum. Tidak bererti apa yang sedang dilakukan sekarang ini direhui kerana mungkin perlakuan perbuatan itu adalah satu penentangan terhadap hukum.

Islam tidak memisahkan manusia kerana kecenderungan-kecenderungan atau bakat. Mungkin bakat seseorang itu menjurus di dalam seni suara. Tidak bermakna ia terpisah dari orang yang berbakat daripada seni ukir. Tidak pula ia terpisah dari orang yang kecenderungannya mempelajari hukum dan tidak juga ia terpisah kencenderungan dari orang yang suka bertani. Kecenderungan dan bakat-bakat itu sebenarnya adalah cukup mencukupi di antara satu sama lain. Oleh sebab itulah kadang-kadang memenuhi bakat adalah fardhu kifayah. Jadi dendangan lagu yang kadang-kadang perlu menghiburkan manusia juga di atas dasar yang saya sebutkan tadi. Mungkin bersifat baik kerana mungkin ia memenuhi satu keperluan.

Umpamanya, kita lihat pada zaman Rasulullah. Pada umumnya syair itu di sebut dalam al-Quran seolah-olah ia perkara yang tidak baik sehingga Nabi dituduh sebagai ahli syair. Bila dituduh ahli syair, itu sudah tentu mencacatkan Rasul. Jadi perkara ini tidak baik. Tetapi Rasul mempergunakan juga ahli syair untuk menentang musuh. Contohnya, baginda menggunakan Hassan bin Thabit untuk menentang dan menjawab cemuhan daripada musuh. Jadi adakalanya ia perlu digunakan.

Tapi sekarang ini kelihatan seolah-olah terpisah dan bercanggah di antara ulamak dengan ahli seni. Ini kerana ahli-ahli seni ini kadang-kadang menjauhkan diri dari ulamak. Yang dinasihati tidak mahu didengari, bahkan timbul tuduhan. Jadi

apabila timbul tuduhan, maka timbulah pemisahan. Pemisahan ini dilihat oleh orang yang tidak memahami seolah-olah tiada pertemuan, padahal di sana ada pertemuan yang boleh kita lakukan, supaya ia lebih seimbang.

Masalahnya sekarang ini, jika sudah menjadi artis, seolah-olah dia adalah segala-galanya, tidak boleh ditegur lagi. Seolah-olah mereka lah satu-satunya kepunyaan masyarakat yang diagungi walaupun apa yang dilakukan itu bertentangan dengan syarak. Sedangkan dari segi syariat setiap orang mesti membenci suatu perbuatan yang bertentangan dengan hukum syarak. Jadi apabila ulamak menunjukkan kebencian atas sikap itu, ia adalah semata-mata mematuhi perintah Tuhan.

Jika berlaku gejala yang tidak sihat dalam masyarakat, banyak pihak saling tuding menuding, menyalahkan pihak lain.

Bila berlaku kerosakan akhlak atau keruntuhan akhlak, orang akan menyalahkan ulamak. Pernahkah orang menyalahkan diri sendiri? Lemahnya dakwah ini kerana tidak ada sokongan daripada pihak lain, seperti golongan korporat dan profesional, yang terdiri daripada doktor, jurutera, arkitek, dan juga golongan artis. Mereka tidak menyokong dakwah kerana mereka mengatakan bahawa bidang tersebut adalah bukan bidang mereka. Sedangkan sebenarnya dakwah itu adalah kepunyaan semua.

Samalah umpamanya dengan Marina Mahathir yang mengatakan bahawa ulamak Malaysia tidak mahu menangani Aids. Saya berpendapat Marina seorang yang gagal! Kegagalannya hendak ditutupi dengan ulamak pula. Apa kena mengena ulamak dengan Aids? Kalau saya mengatakan bahawa gagalnya dakwah kerana orang seperti Marina tidak mendokong dakwah, sudah tentu ia akan menjawab, itu bukan bidang saya. Jadi samalah. Bukannya bidang saya untuk bercakap tentang Aids dan mungkin kalau saya hendak bercakap pun saya tidak faham.

Tetapi pernahkah golongan ulamak menolak bila dipanggil untuk memberi dakwah, ingatan atau memberi pengajaran? Saya

rasa belum pernah ulamak menolak dalam apa jua bidang pun. Tetapi janganlah kelemahan dan kegagalan kita hendak ditutupi dengan menyalahkan orang lain. Selama ini apabila meluasnya gejala lepak, disalahkan ulamak! Apa kena mengena dengan ulamak? Saya rasa ia ditangani secara salah. Barangkali pihak pentadbir, dan pemerintah sendiri tidak menyusun program yang baik untuk mengatur agenda belia. Kenapa disalahkan ulamak?

Kita sebenarnya tidak boleh menuduh jari kepada orang lain semata-mata untuk menutup kegagalan kita sendiri. Mungkin dakwah tidak berjaya kerana peranan yang dimainkan oleh ulamak tidak meyakinkan atau tidak begitu menarik sehingga orang tidak tertarik. Mungkin! Tetapi tetapi mungkin juga kerana kejahilan umat terhadap tugas dan tanggungjawab mereka untuk berdakwah.

Ada sesetengah artis mendakwa mereka melakukan dakwah melalui nyanyian kerana lirik serta mesej yang disampaikan adalah untuk mendidik masyarakat. Soalnya adakah perbuatan mereka itu memenuhi konsep dakwah yang sebenar kerana kita lihat dalam waktu yang sama mereka masih lagi melakukan maksiat dan kemungkaran?

Dalam suatu perbuatan yang hendak dipanggil amal soleh atau amal ibadat, kita harus melihat bentuk ibadat itu sendiri. Wasilah atau cara untuk menyampaikan itu juga mestilah ibadat. Kalau ulang nyanyian itu dikatakan dakwah tapi cara menyampaikannya berduet serta menari di antara lelaki dan perempuan, terbuka auratnya, itu haram. Apakah kerana dakwah kita menghalalkan cara? Kita tidak boleh menghalalkan cara kerana hendak melakukan sesuatu yang baik. Jadi kalau caranya haram, itu tidak dipanggil dakwah bahkan itu barangkali peruntuh dakwah itu sendiri. Kalau hendak menyanyikan lagu-lagu dakwah, lagu-lagu yang membangkitkan semangat patriotik, membangkitkan semangat rindu kepada Tuhan, baik! Tetapi caranya mestilah juga baik.

Bagaimana pula dengan penonton?

Menonton benda yang haram, haram! Kita bersubahat kerana

turut membeli *tape*, kemudian kita menontonnya.

Apakah hukumnya jika sekiranya lagu-lagu nasyid yang baik lirik serta mesejnya dinyanyikan di dalam majlis yang ada unsur-unsur maksiat.

Nasyid juga tidak menjadi salah selama mana tiada unsur menyengutkan Tuhan dan jika tiada unsur yang membawa kepada haram. Walaupun yang bernasyid itu perempuan, berada di khalayak ramai dan menutup aurat. Tetapi tidak pada ilmu tasauf yang mana suara wanita itu dianggap aurat dan haram hukumnya. Mudahnya, kita ambil satu contoh. Menghadiri jemputan kahwin hukumnya wajib. Tapi bila ada majlis haram dalam majlis itu, haram kita menghadirinya. Haram yang bagaimana? Mungkin orang yang pergi itu terdedah auratnya serta jamuan makannya pula bercampur lelaki dan perempuan. Memandangkan keadaan tersebut, kita sudah tidak diwajibkan lagi pergi ke majlis itu malah haram pula sekira kita menghadirinya kerana timbul fitnah.

Dalam kontroversi kumpulan KRU “berduet” dengan Allahyarham P. Ramlee baru-baru ini, bagaimanakah Majlis Fatwa menanganinya?

Yang paling saya bimbang sekarang ini ialah orang memutuskan sesuatu perkara dengan tidak berdasarkan kepada hukum tetapi ia berdasarkan kepada nafsu. Peranan menentukan hukum ini terletak kepada Majlis Fatwa dan bukannya Kabinet. Kalau hukum pun hendak diputuskan oleh Kabinet, ini bermakna peranan Majlis Fatwa telah diambil alih oleh Kabinet. Paling saya bimbang kerana Nabi pernah bersabda, bahawa pada akhir zaman orang akan mengambil orang yang tidak berilmu untuk memimpin sesuatu dan mereka mengeluarkan fatwa tanpa ilmu, fatwa itu sesat dan menyesatkan orang lain.

Itulah yang paling saya bimbangkan. Adalah sesuatu yang tidak betul, apabila ulamak memutuskan tentang sesuatu hal, maka ia dibawa ke Kabinet dan Kabinet mengambil keputusan bercanggah. Tidak sepatutnya masalah hukum itu dibawa ke

Kabinet.

Jadi saya rasa perbuatan itu tidak betul. Seterusnya dalam masalah KRU, orang mengatakan bahawa itu adalah satu teknologi tinggi. Orang Islam tidak pernah menentang suatu teknologi tinggi tetapi tidaklah sampai meruntuhkan asas-asas syariat atau menentang dan melanggari syariat. Kita tidak menentang teknologi, tetapi kalau hukumnya haram, tetap kita kata kata hukumnya haram.

Umpamanya kita sudah sampai mengambil orang yang telah meninggal dunia dihidupkan wataknya untuk menghiburkan orang yang masih hidup. Ini tentu tidak wajar. Tuhan meminta kita menghormati dan mendoakan orang yang meninggal dunia dengan doa yang baik-baik malah Nabi mengharamkan kita mengumpat mereka. Jadi, kita langgar semua ini. Itulah yang paling dibimbangkan. Apakah kita sudah sampai ke tahap begitu teruk sekali dalam menangani isu seperti ini?

Apakah masih ada kaitan selepas kematian seseorang itu dengan dunia yang ditinggalkannya? Dan adakah rohnya akan terseksa sekiranya ada filem-filem yang dilakonkan sebelum kematian mereka ditayangkan kembali?

Ada kaitan. Kalau ia merupakan perbuatan yang baik sehingga boleh ditiru teladannya, si mati akan mendapat pahala. Tetapi sekiranya dalam filemnya itu ada suatu perkara yang tidak baik dilakonkannya sehingga menyebabkan orang mengikut perbuatannya itu, ia akan mendapat dosa setiap kali orang melakukannya. Bukan setakat dosa yang diperolehi, malah ia akan menyebabkan penambahan penyeksaan ke atasnya. Janganlah kita berkata ia tiada kaitan, walaupun Nabi bersabda bahawa apabila matinya seorang Muslim maka terputuslah amalan. Tetapi masih ada yang menjadi ikutan. Amal itu tidak ada tetapi ikutannya tetap ada.

Oleh sebab itulah Nabi berkata bahawa orang yang menciptakan satu perbuatan yang tidak baik ia akan mendapat dosa dan ia akan mendapat dosa bagi setiap orang yang meniru

kelakuannya, dengan tidak mengurangi dosa orang yang meniru. Jikalau seribu orang yang meniru, maka seribu kalilah ia mendapat dosa. Inilah perkara yang kita larang.

Saya juga menyanjungi P. Ramlee tapi saya sayang juga kepadanya. Oleh itu jangan pula kerana tindakan kita sehingga ia tersiksa sampai sekarang. Malangnya kerana keghairahan hendak menghalalkan sesuatu, isu ini dibawa ke dalam Kabinet sehingga menimbulkan fitnah kepada ulamak. Sekarang timbul satu pendapat bahawa pendapat ulamak tidak boleh dipakai. Bermakna itu satu fitnah yang hendak merenggangkan masyarakat daripada ulamak. Ini adalah salah satu tanda kiamat yang paling dahsyat.

Nabi ada bersabda bahawa, akan sampai satu masa di mana orang lari daripada ulamak. Maka tuhan akan mencubai mereka dengan tiga cubaan. Yang pertama dicabut keberkatan rezeki daripada mereka. Kedua, Tuhan meletakkan pemerintah yang akan menekan mereka dan yang ketiga, dimatikan mereka diluar daripada iman. *Na'uzubillah!* Ini yang paling kita bimbang berlaku kepada manusia. Umpamanya, mendapat kemewahan rezeki RM100,000 tetapi hilang keberkatannya.

Adakah lagu seperti Getaran Jiwa sahaja yang tidak boleh disiarkan, dan bagaimana pula dengan lagu-lagu lain seperti Balik Kampung oleh Allahyarham Sudirman?

Seperti yang saya katakan, selagimana tiga unsur yang disebut dari awal tadi tidak terdapat di dalamnya, ia tidak ada apa-apa. Apatah lagi kalau lagu itu seperti lagu R. Azmi yang melakukan Rukun Islam. Itu cukup bagus kerana budak-budak pun boleh menghafal Rukun Islam lima perkara itu. Begitu juga dengan lagu Itik Pulang Petang. Itu semua adalah pengajaran. Tetapi kalau lagu itu boleh membangkit dan menaikkan keghairahan nafsu, ia adalah haram.

Sebenarnya apakah peranan seorang Mufti?

Peranan Mufti hanyalah menasihati. Sekiranya nasihat itu tidak mahu didengari, itu terpulanglah. Saya menyampaikan

pendapat dan nasihat, jika orang tidak mahu mendengarnya saya nak buat apa? Samalah dengan tikam ekor, minum arak dan judi; semuanya itu haram. Mufti kata haram, ustaz kata haram, siapa yang tidak mengetahuinya? Tetapi perkara itu masih dilakukan. Ini kerana peranan Mufti adalah menyampaikan dan saya tidak pernah jemu dan takut untuk menyatakan kebenaran.

Kalaular dengan kebenaran itu orang benci atau orang hendak marah, itu saya tidak tahu lah. Pada saya, apabila dilantik menjadi Mufti, sumpah diri saya ialah untuk menyatakan kebenaran mengikut apa yang saya fahami.

Adakah dalam isu KRU ini fatwa mengenainya telah dikeluarkan?

Kita belum mengeluarkan fatwa. Dalam undang-undang Malaysia, kalau Mufti mengeluarkan pendapat begitu, itu dianggap sebagai pendapat Mufti, belum lagi fatwa. Tetapi sekiranya masih ada orang menyiarkan lagu itu setelah ia difatwakan, kita saman! Kerajaan harus mengambil tindakan kerana ia adalah undang-undang. Bukan lagi mufti yang bertindak tetapi kerajaan yang harus menguatkuasannya. Itulah kewajipannya kalau kita sudah menfatwakannya.

Saya menyatakan pendapat dan itu hukum, tetapi tidak difatwakan. Fatwa bermakna diperundangkan. Tetapi apa kekuatan dari segi syarak di antara difatwakan atau tidak? Sama sahaja! Cuma dari segi adat di Malaysia ini, selagi tidak difatwakan ia tidak kuat. Pada hal dari segi syarak, jika haram kata Mufti, walaupun tidak difatwakan secara rasmi, haramlah hukumnya. Samalah hukumnya yang difatwakan secara rasmi. Tetapi kita lihat sekarang, sudah datang satu fitnah yang paling dahsyat, apabila pendapat seorang ulamak tidak boleh dipakai. Ini adalah satu fitnah yang paling besar wujud pada abad ke-20 ini.

Di manakah kedudukan Majlis Fatwa itu sendiri sehingga sesuatu isu itu boleh difatwakan sehingga menjadi undang-undang?

Selalunya fatwa ini akan dikeluarkan apabila diminta agar mengeluarkan fatwa. Atau sekiranya keadaan begitu mendesak, Mufti memanggil jawatankuasanya dan membuat mesyuarat untuk membuat fatwa. Ketika itu ia boleh menjadi fatwa. Tapi dalam keadaan ini (isu KRU) tidak perlu saya memanggil jawatankuasa syariah untuk menfatwakannya kerana perkara ini sudah jelas. Perkara yang jelas boleh terus dinyatakan. Kalau lahir saya memanggil jawatankuasa sekalipun, itu jugalah keputusannya sebab ia adalah hukum!

Jadi sehingga kini tak ada fatwa yang mengatakan bahawa bentuk hiburan serta seni muzik sekarang ini haram, begitu?

Itu sudah jelas dan ia tidak perlu difatwakan. Fatwa ini adalah untuk sesuatu yang tidak jelas. Sesuatu yang tidak jelas barulah boleh difatwakan. Tetapi bila sudah jelas haramnya, ia tidak perlu difatwakan lagi. Contohnya, arak dan judi tidak perlu fatwa. Sembahyang umpamanya tidak perlu fatwa untuk menyatakan ia wajib dan sebagainya.

Yang jelas hukumnya, tidak perlu difatwakan! Yang tidak jelas seperti ubat gigi Colgate misalnya. Ia diperbuat daripada apa? Orang minta fatwa. Kita akan membuat kajian dan mendapati ia tiada bahan yang bercampur najis. Seterusnya kita keluarkan fatwanya bahawa Colgate boleh dipakai. Tetapi tidak pula wajib orang memakainya. Tetapi jika sekiranya ketika itu Colgate didapati bercampur dengan benda haram, wajib orang meninggalkannya. Jadi benda yang jelas tidak perlu fatwa, sebaliknya kita hanya menyatakan hukum yang sudah jelas untuk peringatan. Tidak muah pakai mereka tanggung sendiri!

Dan setakat yang saya tahu, fatwa yang digazetkan tidak diketepikan untuk dijalankan oleh pihak kerajaan. Umpamanya, fatwa yang kita gazetkan untuk Aurad Muhammadiah, ia diambil tindakan. Begitu juga dengan Anti-Hadis yang kita fatwakan sesat dan kepercayaan yang sebegini adalah murtad. Oleh itu, isu yang hendak difatwakan adalah tidak bergantung sama ada ia masalah

kecil ataupun besar. Tetapi masalah yang difatwakan itu adalah berkaitan perkara yang tidak jelas dan ia memerlukan penjelasan. Itulah yang dipanggil fatwa!

10



MENGAPA DUNIA TOLAK RAJA

Dari pada 190 negara yang ada hari ini, hanya 43 yang masih mempunyai raja. Raja ditakrifkan sebagai ketua negara yang datang dari keluarga yang pernah memerintah negara berkenaan secara turun-temurun.

Secara mudah, sistem ketua negara di dunia terbahagi kepada dua jenis iaitu sistem republik dan sistem monarki. Ketua negara republik dipanggil presiden sementara ketua negara monarki adalah raja. Asalnya semua negara mempunyai raja. Kebangkitan pemikiran demokrasi di Eropah merintis kepada penubuhan republik. Revolusi terkenal yang membuang raja adalah Revolusi Perancis. Sementara Revolusi Amerika yang berlaku sebelumnya, iaitu pada tahun 1776, memantapkan institusi presiden dalam sistem pemerintahan republik sebagai sistem bernegara masa kini.

Negara-negara yang masih mempunyai raja adalah Australia, Antigua Barbuda, Bahamas, Bahrain, Barbados, Belgium, Belize, Bhutan, Brunei, Kemboja, Kanada, Denmark, Grenada, Ja-

maica, Jepun, Jordan, Kuwait, Lesotho, Liechtenstein, Luxembourg, Malaysia, Monaco, Maghribi, Nepal, Belanda, New Zealand, Norway, Oman, Papua New Guinea, Qatar, Saint Kitts - Nevis, Saint Lucia, Saint Vincent - Grenadines, Arab Saudi, Kepulauan Solomon, Sepanyol, Swaziland, Sweden, Thailand, Tonga, Tuvalu, Britain dan Samoa Barat.

Emiriah Arab Bersatu (UAE) adalah sebenarnya negara beraja. Tetapi oleh kerana ia menamakan rajanya presiden, maka negara itu tidak dianggap sebagai negara beraja. UAE merupakan persekutuan tujuh negeri yang mempunyai raja masing-masing. Raja mereka dipanggil amir. Sebab itulah nama negara itu Emiriah Arab Bersatu. Tujuh amir ini memilih salah seorang daripada mereka, Sultan Zaid Nahayan dari Abu Dhabi, negeri terbesar UAE sebagai ketua negara. Sultan Zaid dipanggil secara rasmi sebagai Presiden Zaid.

Walaupun 43 buah negara mengamalkan sistem beraja, raja yang ada hanyalah 28 orang. Ini kerana 14 negara yang berada di Komanwel mengambil raja Britain sebagai raja mereka. Negara-negara itu adalah Australia, Antigua Barbuda, Bahamas, Barbados, Kanada, Grenada, Jamaica, New Zealand, Papua New Guinea, Saint Kitts - Nevis, Saint Lucia, Saint Vincent - Grenadines, Kepulauan Solomon dan Tuvalu. Negara-negara ini berkongsi raja dengan Britain iaitu Queen Elizabeth II.

Selain dari Queen Elizabeth II, raja-raja yang memerintah dunia adalah Emir Isa Sulman al-Khalifa (Bahrain), King Albert II (Belgium), King Jigme Singe Wangchuk (Bhutan), Sultan Sri Muda Hassanal Bolkiah, (Brunei), Raja Norodom Sihanouk (Kemboja), Queen Magrethe II (Denmark), Maharaja Akihito (Jepun), Almalik Hussein (Jordan), Emir Sheikh Jabir al-Ahmad, al-Jabir As-Sabah (Kuwait), Raja Moshoeehoe II (Lesotho), Putera Hans-Adam II (Liechtenstein), Grand Duke Jean (Luxembourg), Yang Di-Pertuan Agong Sultan Jaafar Abdul Rahman (Malaysia), Putera Rainier III (Monaco), Almalik Hassan II (Maghribi), Raja Birendra (Nepal), Queen Beatrix (Belanda), King Harald V (Norway), Sultan Qabus Said (Oman), Emir Hamad Khalifa (Qatar),

Almalik Fahd Abdul Aziz (Arab Saudi), King Juan Carlos I (Sepanyol), Raja Mswati III (Swaziland), King Carl XVI Guztaf (Sweden). Raja Bhumipol Adulyadej (Thailand), Raja Taufa'ahau Tupou IV (Tonga) dan Raja Malietoa Tanumafili II (Samoa Barat),

Kesemua raja-raja itu memerintah dari turun-temurun. Bagaimanapun Sepanyol dan Kemboja pernah menjadi republik sebelum dipulihkan institusi raja. Sepanyol menjadi republik pada tahun 1931. Institusi raja dipulihkan pada tahun 1975. Kemboja menjadi republik pada tahun 1970 dan institusi raja dipulihkan pada tahun 1993.

Semua raja-raja itu memerintah seumur hidup. Bagaimanapun, hanya di Malaysia, rajanya hanya wakil kepada sembilan orang raja. Penggal pemerintahannya terhad dan baginda digantikan secara bergiliran.

Kedudukan raja-raja di negara-negara tersebut berbeza-beza. Ada yang mempunyai kuasa mutlak, boleh buat apa saja, hinggalah yang langsung tidak berkuasa, setaraf dengan warganegara lain.

Negara-negara yang mengamalkan sistem raja berperlembagaan adalah Belgium, Kemboja, Denmark, Jepun, Jordan, Kuwait, Lesotho, Liechtenstein, Luxembourg, Malaysia, Maghribi, Nepal, Belanda, Norway, Sepanyol, Sweden, Thailand, Tonga, Samoa Barat, Britain dan negara-negara Komanwel yang menganggap Queen Elizabeth sebagai rajanya.

Sementara raja-raja Bahrain, Bhutan, Brunei, Oman, Qatar, dan Arab Saudi mempunyai kuasa mutlak. Sungguhpun begitu, di kalangan mereka ada suatu majlis mesyuarat untuk menasihati ehwal perjalanan negara. Di kalangan raja-raja berperlembagaan itu, kuasa mereka juga berbeza. Ada yang hanya lambang seperti raja-raja di negara-negara Eropah, iaitu Belanda, Denmark, Norway dan Sweden. Raja mereka boleh naik basikal di khalayak ramai seperti rakyat biasa. Sementara raja seperti di Jordan mempunyai kuasa besar dalam politik. Di Jepun, maharajanya tidak ada kuasa tetapi kedudukannya dianggap seperti dewa. Bagaimanapun selepas Perang Dunia Kedua, Maharaja Hirohito telah mengisytiharkan dirinya bukan dewa.

Sistem beraja di negara berkenaan bergantung pada kehendak masyarakat terhadap raja mereka. Menurut ilmu kaji masyarakat purba (antropologi), institusi raja bermula dari kemunculan seorang yang kuat dan berupaya mengumpul makanan di sesuatu suku kaum. Orang seperti ini diterima sebagai ketua kaum dan akhirnya apabila suku kaum itu menjadi besar, dia bertindak sebagai raja dan kuasanya disambung secara turun temurun. Sistem ini menjadi mantap dengan adanya institusi perhambaan dan sistem feudal.

Bagaimanapun, sistem feudal tercabar dengan adanya kebangkitan saudagar-saudagar dalam sistem kapitalisme. Pemikiran demokrasi dan liberalisme mendesak feudalisme, dan akhirnya kebanyakan raja-raja terpupsus atau bertukar menjadi raja berperlembagaan.

Dalam mengkaji sistem raja-raja di dunia, pembahagian harus dibuat menurut tradisi dan sejarah negara-negara beraja. Seramai 28 raja yang ada, bolehlah dibahagi menurut tradisi masing-masing iaitu tradisi Eropah, Islam, Afrika, Asia dan Pasifik. Kecuali negara-negara Komanwel yang menerima Queen Elizabeth sebagai raja mereka, benua Amerika sudah bebas dari institusi raja.

Tradisi Eropah meliputi raja-raja Britain, Belgium, Denmark, Liechstenstein, Luxembourg, Monaco, Belanda, Norway, Sepanyol dan Sweden. Mereka beragama Kristian dan saling kait mengait antara satu sama lain.

Tradisi Islam terdiri daripada Bahrain, Brunei, Jordan, Kuwait, Malaysia, Maghribi, Oman, Qatar dan Arab Saudi. Tradisi Afrika adalah Swaziland dan Lesotho. Kedua-duanya terletak di tengah-tengah Afrika Selatan. Tradisi Asia adalah Bhutan, Kemboja, Jepun, Nepal dan Thailand. Mereka beragama Buddha. Tradisi Pasifik adalah Tonga dan Samoa Barat.

Pada asasnya, dalam Islam, tidak ada sistem raja. Pada mulanya, yang ada hanyalah Khalifah. Bagaimanapun selepas Khulafaurasyidin, sistem raja dalam Islam dirintis oleh Khalifah Muawiyah. Walaupun dia mengambil nama jawatannya sebagai Khalifah tetapi institusi Khilafah menjadi sistem raja apabila kekuasaan milik keluarga Umayyah turun-temurun. Apabila

tumbang Khilafah Umayyah, ia digantikan dengan Khilafah Abasiyyah yang meneruskan institusi raja dalam bentuk khalifah. Atau boleh juga dikatakan, mereka mewujudkan sistem khilafah dalam bentuk raja.

ayat Kelemahan Khilafah Abasiyyah menumbuhkan institusi kesultanan. Kesultanan adalah juga pemerintahan berbentuk raja. Ada perbezaan antara sistem khilafah dengan sistem kesultanan. Khalifah memerintah wilayah Islam yang luas sementara sultan hanya memerintah wilayah tempatan dengan memberi ikrar taat setia, walaupun secara simbolik saja, kepada khalifah.

nab Selepas Khilafah Abasiyyah tumbang, kekuasaan di dunia Islam dipegang pula oleh Khilafah Uthmaniyyah. Ia juga merupakan sistem beraja. Khilafah Uthmaniyyah diasaskan oleh Kesultanan Turki. Oleh kerana Khilafah Uthmaniyyah menjadi besar dan perkasa, banyak sultan-sultan memberi ikrar setia kepada khalifah itu. Malah terdapat sultan-sultan yang berada jauh dari Istanbul, seperti di India dan dunia Melayum turut menganggap sebagai bernaung di bawah Khilafah Uthmaniyyah.

Malah ada teori sejarah yang menyatakan bahawa Sultan Melaka juga beranggapan sebagai menduduki naungan khalifah di Turki. Juga pernah dinyatakan bahawa Laksamana Hang Tuah telah mewakili Sultan Melaka untuk menemui khalifah.

Sistem khilafah adalah asas kepada sistem pemerintahan dan raja di negara-negara Islam khususnya di Timur Tengah. Bahrain, Jordan, Kuwait, Oman, Qatar dan Arab Saudi pernah menjadi sebahagian daripada Khilafah Uthmaniyyah. Apabila khilafah itu berpecah, amir-amir di bekas wilayah Uthmaniyyah menu buhkan kerajaan dan negara masing-masing. Maka muncullah raja-raja di Timur Tengah.

nab Raja-raja tradisional juga muncul di Iraq, Syria, Mesir dan Libya. Bagaimanapun, kebangkitan fahaman revolusi nasionalis sosialis membawa kepada pewujudan republik-republik di negara-negara itu.

nab Di dunia Melayu, raja-raja Melayu sudah wujud sejak zaman Hindu dan Buddha. Boleh dikatakan atas kerajaan Melayu adalah

pada zaman pemerintahan Seri Wijaya yang berpangkalan di Sumatera dan beragama Buddha. Dari segi ini, boleh dikatakan tradisi kerajaan Melayu berhubung kait dengan kerajaan-kerajaan Buddha di India (zaman Asoka) pada zaman pra Islam. Tradisi raja-raja Buddha ini masih kelihatan di Thailand, Bhutan, Nepal dan Kemboja (pemulihan Raja Norodom Sihanouk). Tradisi ini sememangnya memuliakan warna kuning sebagai warna suci.

Bagaimanapun, apabila Islam bertapak di dunia Melayu, ia merubah sistem kerajaan kepada kesultanan Melayu. Kesultanan Melaka mencantumkan kedua-dua tradisi. Selepas Portugis menawan Melaka pada tahun 1511, Kesultanan Melaka berpindah ke Johor. Selepas kejatuhan Kesultanan Melaka di Johor, empayar Melaka berpecah-pecah. Sultan-sultan berdaulat tumbuh di Sumatera seperti Kesultanan Deli dan Langkat. Di pulau Kalimantan, timbul Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu. Kesultanan Brunei kini masih ada tetapi wilayahnya jauh lebih kecil dari dulu iaitu ketika ia memerintah Sarawak.

Kesultanan Pattani telah dimansuhkan oleh kerajaan Siam. Bagaimanapun kesultanan-kesultanan Melayu di Sumatera dan Tanah Melayu terus wujud walaupun kedua-dua wilayah itu diperintah oleh Belanda dan British.

Bagaimanapun, di Sumatera, revolusi republik menghangcurkan kesultanan Melayu dan apabila ditubuhkan Republik Indonesia pada tahun 1945, tidak ada kesultanan Melayu yang tinggal.

Di Tanah Melayu, Kesultanan Melayu yang terdiri dari Perak, Johor, Selangor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Kedah, Negeri Sembilan dan Perlis hampir terhapus apabila British memperkenalkan Malayan Union pada tahun 1946. Bagaimanapun, rakyat Melayu bangkit melalui Umno mempertahankan institusi raja-raja. Parti politik Melayu terbesar ketika itu, Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang cenderung kepada cara Indonesia tidak berminat untuk mempertahankan institusi raja-raja.

Salah seorang pemimpin PKMM, Dr. Burhanuddin Al-Helmy juga tidak cenderung untuk mempertahankan institusi raja-raja.

Dia kemudian memimpin Parti Islam Se-Malaya (PAS). PAS adalah satu-satunya parti pembangkang yang berjaya mengalahkan Umno dalam menubuhkan kerajaan negeri. PAS berjaya menubuhkan kerajaan negeri di Kelantan untuk jangka masa yang lama.

Semangat dan sikap PKMM dilanjutkan oleh Partai Rakyat Malaya (PRM). Bagaimanapun, ideologi PKMM dan PRM gagal mendapat sambutan orang-orang Melayu. Sementara PAS di bawah Datuk Asri membersihkan sebarang pengaruh revolusioner PKMM. PAS, tidak seperti PKMM, selesa dengan institusi raja-raja.

Tragedi 13 Mei merubah banyak perkara tentang Malaysia. Antaranya, larangan menimbulkan isu-isu sensitif dan ia boleh didakwa di bawah Akta Hasutan. Antaranya adalah mempersoalkan kedudukan raja-raja Melayu. Dengan ini, kedudukan raja-raja amat terjamin dan umumnya rakyat Malaysia menerima kedudukan raja-raja dengan perasaan hati terbuka.

Kejatuhan Datuk Asri dari pucuk pimpinan PAS dan penguasaan oleh gerakan Islam baru terhadap parti itu merubah pandangan parti terhadap raja-raja. Ketika itu adalah zaman kebangkitan Islam. Kejayaan Revolusi Islam di Iran yang menumbangkan Shah Iran (bergelar Shah-in-Shah bermakna Raja Segala Raja) mewarnai semangat pemuda-pemuda PAS. Mereka turut memandang sepi pada institusi raja-raja.

Secara ideologi, PAS dipengaruhi oleh tiga warisan. Pertama, warisan Ikhwanul Muslimin dari Mesir. Kedua, warisan parti Masyumi dari Indonesia dan ketiga, warisan Revolusi Islam Iran. Ikhwanul Muslimin Mesir telah bekerjasama dengan Gamal Nasser dalam revolusinya menjatuhkan Raja Farouk. Masyumi seperti mana parti-parti revolusioner Indonesia lainnya menjunjung sistem republik. Sementara pemikiran Khomeini dengan jelas menolak sistem beraja.

Bagaimanapun, pucuk pimpinan PAS tidak pernah mengambil sikap anti-raja. Kerana sikap sedemikian boleh membunuh diri di negara yang kuat berpegang kepada sistem raja. Lebih-lebih lagi

negeri-negeri yang menjadi sasaran PAS seperti Kelantan, Terengganu dan Kedah yang mempunyai raja-raja yang berwibawa.

Tokoh yang berani berdepan dengan raja dan memperkenalkan reformasi institusi itu, atas alasan mempertahankan kedudukan raja-raja bagi mengelak dibenci oleh rakyat adalah Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Sebanyak dua kali, ia menjalankan kempen reformasi. Bagaimanapun tidak semua negeri di bawah Umno dapat meminda perlembagaan berhubung dengan kuasa sultan. Ia termasuk Kelantan. Ini kerana selama ini Kelantan diperintah oleh Angkatan Perpaduan Ummah yang ditonggak oleh PAS dan Semangat 46.

Parti Melayu Semangat 46 yang dipimpin oleh anak raja, Tengku Razaleigh Hamzah dianggap sebagai pembela institusi raja-raja ketika mana Umno sedang berkempen untuk reformasi. PAS berada dalam dilema kerana bersahabat dengan Semangat 46 dalam isu raja-raja. Bagaimanapun, memikirkan soal politik, PAS sanggup menenggelamkan perasaannya tentang raja dan menuruti dasar Semangat 46. Hanya PAS Terengganu menyebelahi Umno dalam soal reformasi institusi raja-raja. Di Parlimen, PAS yang dipimpin oleh Ustaz Abdul Hadi Awang dari Terengganu bercanggah dengan Semangat 46 dalam soal raja-raja. Tetapi di Kelantan, PAS bersetuju dengan Semangat 46. Malah Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru turut menerima gelaran “Datuk”. Sesuatu yang tidak terfikirkan oleh pemuda-pemuda PAS pada tahun-tahun 80-an.

Bagaimanapun, apabila Semangat 46 dibubarkan dan menyertai Umno, hubungan Datuk Nik Aziz Nik Mat dan istana juga renggang yang sudah tentu menjengkelkan penyokong-penyokong PAS.

Di dunia hari ini, gerakan menentang raja atau pendokong republik paling kuat adalah di Australia. Parti Buruh dan bekas Perdana Menteri Australia, Paul Keating mempunyai agenda untuk menukar sistem kerajaan berperlembagaan di Australia kepada republik. Pada masa ini raja Australia adalah Queen Elizabeth dengan diwakili oleh Gabenor Jeneral. Pendokong-pendokong

republik mahu menjadikan Australia sebuah republik menjelang tahun 2000. Mereka mahu Gabenor Jeneral digantikan dengan presiden.

Bagaimanapun, pembela-pembela raja tetap masih ada di Australia. Di Britain juga, sudah muncul gerakan mahu memansuhkan sistem raja di Britain sendiri. Gerakan ini timbul apabila berlaku banyak kisah-kisah rumah tangga keluarga diraja Inggeris hingga menjejas kewibawaan institusi itu. Andainya Britain menjadi republik, 14 buah negara Komanwel yang lain akan sendirinya menjadi republik.

Di Jepun juga, terdapat gerakan untuk memansuhkan sistem raja. Ketika Maharaja Hirohito mangkat, terdapat demonstrasi mahu institusi itu dikaji semula dengan beranggapan bahawa Maharaja Jepun terlibat sama dalam mencetuskan Perang Dunia Kedua hingga memalukan negara dan bangsa Jepun, serta mengakibatkan penderitaan berjuta-juta orang Asia.

Dalam pada itu, rakyat Thailand amat menyayangi rajanya. Baginda juga memainkan peranan menstabilkan politik Thai yang kerap berubah kerajaan dan perdana menteri. Di negara-negara Scandinavia yang maju, progresif, demokratik, liberal dan sosialis, rakyat amat menyanjungi raja-raja mereka.

Selain itu, ada juga gerakan yang mahu memulihkan institusi raja di negara republik mereka. Apabila Soviet Union tumbang, terdapat gerakan mahu memulihkan sistem Czar di Rusia. Begitu juga sistem raja di negara bekas komunis seperti Bulgaria dan Romania. Malah di Afghanistan, apabila pertelingkahan antara kumpulan Islam berlarutan, terdapat cadangan supaya dipanggil balik raja Afghanistan yang terbuang di Itali.

Tetapi sering kali, apabila sesebuah negara sudah menjadi republik, amat sukar rakyatnya untuk menerima kembali raja. Kembalinya institusi raja di Sepanyol dan Kemboja adalah kerana keadaan politik transisi. Sepanyol yang berubah dari ideologi fasis ke demokrasi memerlukan Raja Juan Carlos sebagai perantara. Begitu juga dengan Kemboja. Transisi dari ideologi komunis ke demokrasi memerlukan Norodom Sihanouk. Bagaimanapun

selepas Carlos dan Sihanouk, sukar untuk dinyatakan bahawa institusi raja di situ akan berkekalan.

Kembali kepada soalan asal. Mengapakah dunia menolak raja? Bukan saja dunia sekarang yang menolak raja. Rasulullah s.a.w. juga pernah menolak tawaran untuk dijadikan raja.

Rasulullah s.a.w. ditawarkan oleh pembesar-pembesar Quraisy jawatan raja dengan syarat baginda menghentikan dakwah. Kalau Nabi Muhammad menghentikan dakwahnya, tidak menyebarkan ajaran tauhid, dan menarik balik pengakuan sebagai Rasulullah s.a.w., pembesar-pembesar Quraisy sanggup menerima baginda sebagai raja Quraisy. Mereka sanggup taat kepada baginda kerana kepimpinannya diakui dan baginda boleh memimpin bangsa Quraisy dan Arab ke tahap yang lebih gemilang.

Kalau Rasulullah s.a.w. menerima tawaran pembesar Quraisy, baginda akan menjadi seorang raja yang perlu taat kepada agama dan tradisi orang-orang yang menyembah berhala. Rasulullah s.a.w. tidak mahu kuasa raja. Baginda mahu menjalankan tugas yang diwahyukannya. Menyebarluaskan tauhid dan melaksanakan syariat. Maka pertembungan berlaku antara gerakan Islam dengan pembesar Quraisy.

Baginda berhijrah ke Madinah dan menu buhkan Negara Islam. Negara Islam Madinah tidak mempunyai raja. Yang ada hanyalah Rasulullah s.a.w. Tidak ada raja bermakna tidak ada istana, tidak ada takhta, tidak ada permaisuri. Malah menggunakan perkataan "baginda" kepada Rasulullah s.a.w. juga tidak tepat andai kata dianggapkan bahawa "baginda" merupakan istilah yang sesuai untuk raja.

Negara Tauhid Madinah adalah berbeza dari negara-negara yang pernah ditubuhkan sebelumnya. Malah hingga ke hari ini, tidak ada negara yang dapat diumpamakan dengan Madinah.

Yang ada di Madinah adalah masjid. Di sitalah Rasulullah s.a.w. memimpin Negara Islam. Masjid Nabawiah bukan seperti masjid yang ada sekarang. Ia hanya berupa bangunan yang teramat simpel. Dibina dengan pelepah kurma dan batu-batu tanah Madinah. Tidak ada batu-batu marmar. Tidak ada kubah

gemerlap. Akan tetapi darinya, kuasa Islam memerintah secara adil ke seluruh pelosok dunia Arab.

Asas Negara Islam Madinah adalah simpel: Allah Maha Besar dan Muhammad adalah Pesuruh Allah. Kuasa daripada Allah dan Muhammad hanya mengutuskan apa yang diperintah Allah kepada manusia. Muhammad bukan raja. Ia hanya pesuruh kepada Allah.

Jadi apabila Rasulullah s.a.w. wafat, sahabat-sahabat mendapati sukar untuk meneruskan pemerintahan Madinah. Mereka tidak boleh menubuhkan raja kerana Madinah selama pemerintahan Rasulullah s.a.w. tidak mempunyai raja. Malah mereka tidak terfikirkan pun untuk mewujudkan institusi raja. Maka digubalnya gagasan Khalifah yang dalam perkataan asal berbunyi: Khalifah Rasulullah. Bermakna, pengganti kepada Rasulullah s.a.w. Inilah jawatan Saidina Abu Bakar As-Siddiq. Beliau bukan raja. Bukan juga Rasulullah. Beliau hanya pengganti kepada Rasulullah, memegang amanah untuk meneruskan satu sistem pemerintahan yang adil. Apa yang ada padanya hanyalah al-Quran dan Hadis. Tidak lebih dari itu.

Gagasan Khilafah ini dapat dipertahankan hanya sampai kepada empat sahabat, Abu Bakar, Uthman, Umar dan Ali. Selepas Saidina Ali, Muawiah, seorang sahabat juga tetapi beliau tidak dapat mempertahankan institusi asal Khilafah. Darinya institusi Khilafah sudah menjadi sistem raja, diwarisi secara turun-temurun dan lebih merosakkan lagi apabila ia berubah menjadi seperti sistem raja di negara-negara lain. Ada istana, ada takhta, malah Masjid Damsyek menjadi begitu besar sebagai suatu lambang keagungan raja Islam. Hanya seorang keturunan Muawiyah yang muncul menjadi khalifah yang adil: Umar Abdul Aziz. Baginda merupakan mutiara di tengah lumpur. Sungguhpun begitu, beliau tidak dapat merobohkan institusi raja-khalifah untuk kembali menjadi gagasan asal khilafah semasa Khulafaursyidin. Selepas itu tidak ada seorang yang dapat menghapuskan sistem beraja dalam Islam dan menggantikannya kembali kepada institusi Khilafah. Sehingga institusi Khilafah yang sudah terseleweng dihapuskan sama sekali oleh gerakan sekular Turki, Kemal

Attaturk.

Sungguhpun begitu, segala ingatan dan fiqh yang berhubung dengan gagasan asal khilafah terus dipelihara oleh ulamak-ulamak Sunnah-wal-Jamaah. Mereka yang sudah terasing dari pemerintahan umarak mengingatkan generasi-generasi selanjutnya tentang keunggulan Khulafaurasyidin dan Khalifah Umar Abdul Aziz. Mengasingkan konsep Khulafaurasyidin dari sistem khilafah-raja merupakan tindakan yang bukan saja berani, tetapi suatu jasa para ulamak yang mesti dihargai. Tanpa pengasingan itu, serta penegasan betapa hanya empat khalifah yang diiktiraf sebagai khalifah sejati, generasi Muslim selanjutnya tidak akan mengenal antara pemerintahan Islam sebenar dengan pemerintahan yang berdiri atas Islam tetapi bukan Islam pada peringkat tertingginya.

Melihat perkembangan dalam sejarah Barat yang mana gerakan demokrasi berusaha menghapuskan raja, yang seringkali gagal, dapat dirasakan betapa risalah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. merupakan suatu revolusi yang radikal, dan mungkin mendahului zamannya.

Britain, tempat mana munculnya demokrasi moden hingga sekarang masih gagal menghapuskan sistem berajanya. Walaupun pada kurun ke-17, Oliver Cromwell, buat pertama kalinya dalam sejarah Eropah mengheret raja ke tali gantung atas tuduhan pengkhianatan kepada negara tetapi republik Britain itu tidak bertahan lama. Selepas kematiannya, Britain kembali diperintah oleh raja, walaupun ia sudah tidak menjadi raja mutlak.

Begitu juga dengan Revolusi Perancis, walaupun telah mengorbankan begitu ramai rakyatnya, akhirnya ia kembali mewujudkan institusi raja apabila Napoleon Bonaparte memahkotakan diri sendiri sebagai maharaja. Sungguhpun begitu, Napoleon yang tidak ada darah bangsawan menunjukkan betapa seorang bukan berdarah bangsawan mampu mencapai kekuasaan tertinggi melalui Revolusi Perancis. Dia merupakan penjelmaan revolusioner Perancis. Kini negara itu kembali sudah menjadi republik.

Yang bertahan adalah Amerika Syarikat. Bagaimanapun, sejak

dari mula, ia digubal menjadi sebuah republik hingga ke hari ini.

Dalam sejarah dunia, selain Revolusi Perancis, ada dua revolusi besar yang menggugat dunia moden iaitu Revolusi Rusia (1917) dan Revolusi Iran (1979). Kedua-duanya menghapuskan sistem beraja. Apabila Rusia menolak sistem komunis, ia terus mengekalkan sistem republiknya.

Revolusi Iran adalah revolusi terbaru berbanding dengan Revolusi Perancis dan Revolusi Rusia. Akan tetapi Revolusi Iran merupakan kemuncak perjuangan yang lebih lama lagi berbanding dengan Revolusi Perancis dan Revolusi Rusia.

Ini kerana Revolusi Iran merupakan sambungan kepada perjuangan dan pemikiran Syiah yang muncul sebagai gerakan pembela Khalifah Ali menentang Muawiah. Apabila Muawiah menang dan menjadi khalifah, golongan Syiah tidak mengiktirafnya dan terus menentang khalifah dan golongan Ahli Sunnah wal Jamaah. Sementara khalifah-khalifah Umayyah di Damsyek menekan dan menindas golongan Syiah. Hanya Khalifah Umar Abdul Aziz yang menghentikan penekanan terhadap golongan Syiah.

Perjuangan Syiah menentang khalifah-khalifah Umayyah berterusan dan akhirnya dengan kerjasama Bani Abasiyyah berjaya menumbangkan keluarga Bani Umayyah. Bagaimanapun, gerakan Syiah tidak berjaya menujuhkan kerajaan selepas kejatuhan Umayyah. Sebaliknya, Bani Abasiah yang mengambil alih pemerintahan Islam dan menujuhkan ibu negaranya di Baghdad.

Gerakan Syiah dalam erti kata pewaris perjuangan Saidina Ali tidak pernah berjaya menujuhkan kerajaan sendiri. Memang benar, di kalangan pengikut mazhab Syiah, ada yang dapat menujuhkan kerajaan di Yaman (Ismailiah), Mesir (Fatimiah) dan di Parsi (Safawiah, Qajar). Akan tetapi kerajaan-kerajaan ini menjadi seperti khalifah-khalifah yang berpusat di Baghdad, iaitu ia menyerupai pemerintahan raja dengan takhta diwariskan secara turun-temurun.

Hanya apabila berlaku Revolusi Iran, sebuah kerajaan Syiah dapat ditubuhkan di Iran dengan nama Republik Islam Iran di

bawah pimpinan Ayatullah Khomeini. Iran tidak menjalankan sistem beraja. Akan tetapi sistem republiknya tidak seperti negara-negara moden lain. Ia mempunyai presiden dan parlimen. Sungguhpun begitu, ia mempunyai Pemimpin Tertinggi yang mengatasi presiden dan parlimen. Pemimpin Tertinggi ini bukan raja. Ayatullah Khomeini tidak tinggal di istana, tetapi rumah kecil, tanpa perhiasan. Di kepalanya, tidak ada mahkota, tetapi serban. Seperti Saidina Ali. Juga Rasulullah s.a.w. mereka hanya berserban.

Di Malaysia, atau sebelumnya Tanah Melayu, gerakan Islam yang tersusun dalam bentuk organisasi hanya berlaku dengan penubuhan Hizbul Muslimin di Gunung Semanggul pimpinan Abu Bakar Baqir selepas Perang Dunia Kedua. Ketika itu sudah ada parti Melayu utama iaitu Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pimpinan Dr. Burhanuddin Al-Helmy. Ia bergabung bersama PKMM dan badan-badan Melayu radikal lainnya di bawah Pusat Tenaga Rakyat (Putera) yang ditubuhkan untuk menentang gagasan Persekutuan Tanah Melayu.

Hizbul Muslimin tidak sempat bergerak, apatah lagi menubuhkan kerajaan. Ia dibubarkan seperti mana parit-parti radikal Melayu lain apabila pemimpin-pemimpinnya ditahan oleh penjajah Inggeris. Dari kalangan parti Melayu, hanya Umno dibenarkan bergerak. Itupun penjajah mahu pecahkan dengan meletakkan syarat supaya bukan Melayu diberi tempat dalam politik andai kata Tanah Melayu mahu kemerdekaan.

Yang Di-pertua Umno, Datuk Onn Jaafar sanggup meninggalkan Umno dan menubuhkan Parti Kemerdekaan Melaya (IMP) yang terbuka kepada semua kaum untuk memenuhi syarat penjajah.

Di ambang perpecahan ini, tertubuhnya Persatuan Islam Se-Tanah Melayu (PAS). Ia pada asalnya ditubuhkan oleh penyokong-penyokong Datuk Onn dalam Umno untuk memberi sokongan moral kepadanya. PAS menghimpunkan ulamak-ulamak Umno.

Bagaimanapun apabila Datuk Onn keluar parti dan menubuhkan IMP, PAS turut memisahkan diri dari Umno dan menjadi parti tersendiri, dengan Islam sebagai asas perjuangannya.

Bebas dari kepimpinan orang-orang Umno, PAS mempelawa Dr. Burhanuddin yang baru bebas dari tahanan penjajah menjadi Yang Di-pertuaanya. Kemasukan Dr. Burhanuddin turut membawa masuk bekas aktivis PKMM yang cenderung kepada perjuangan Islam. Bekas-bekas ahli Hizbul Muslimin juga merasa selesa dengan PAS. Antara yang menyertai PAS adalah Asri Muda.

Di bawah kepimpinan Datuk Asri, baik selaku Setiausaha Agung mahupun Yang Di-pertua, PAS menjadi parti moden yang berjaya memerintah Kelantan selama 15 tahun. Akan tetapi PAS zaman Dr. Burhanuddin dan Datuk Asri lebih merupakan parti nasionalis Melayu, dengan Islam sebagai asas kerana ia agama orang-orang Melayu.

Datuk Asri membawa PAS ke dalam Barisan Nasional. PAS hanya menjadi satu parti Melayu-Islam. Sudah tentu dalam Barisan Nasional, PAS terkongkong. Akhirnya ia dipecat dari Barisan Nasional dengan parti itu berpecah. Berjasa ditubuhkan sebagai parti serpihan PAS. Kerjasama Berjasa dengan Umno menjatuhkan PAS. Berjasa kemudian menyertai Umno.

Sebenarnya nilai Islam dalam PAS sudah merosot di bawah Datuk Asri. Kadangkala PAS hanya menjadi sebuah parti politik, dan bukannya gerakan Islam. Ada antara penyokong PAS kecewa dengan keadaan begini. Salah seorangnya adalah Ashaari Muhammad, yang keluar dari PAS dan menubuhkan Al-Arqam. Sementara itu ramai penyokong-penyokong Islam di kalangan anak muda lebih suka aktif dalam ABIM pimpinan Anwar Ibrahim.

Bagaimanapun, bagi ulamak-ulamak haraki, seburuk-buruk PAS, ia tetap merupakan satu-satunya parti Islam tanahair. Sebab itu, seorang ulamak muda, Nik Aziz Nik Mat tetap setia dengan PAS walaupun ketika itu Datuk Asri memimpin PAS.

Begitu juga dengan Timbalan Presiden ABIM, Fadzil Mohd Nor ketika pertubuhan itu dipimpin oleh Anwar. Beliau seorang ulamak tertinggi dalam ABIM ketika itu telah meninggalkan pertubuhan belia itu untuk menyertai PAS, yang ketika itu masih dipimpin oleh Datuk Asri.

Bagaimanapun, apabila Anwar menyertai Umno, penyokong-

penyokong Islam yang selama itu aktif dengan ABIM beralih kepada PAS. Kemasukan anak-anak muda ini ke dalam PAS menyebabkan pergolakan dalam parti itu. Pada waktu yang sama Revolusi Islam Iran baru saja meletus dan menjadi kekaguman anak-anak muda itu.

Maka Datuk Asri ditekan supaya meletak jawatan. PAS memasuki apa yang dipanggil sebagai "memasuki era kepimpinan ulamak". Buat pertama kali dirasakan PAS bukan saja sebuah parti politik Melayu-Islam tetapi adalah gerakan Islam yang mahu mengembalikan sistem pemerintahan Islam. Pemimpin utamanya sudah meninggalkan songkok dan memakai serban. Ini bukan tindakan taktikal seperti yang sering dituduh oleh Umno. Akan tetapi ia benar-benar kesedaran kepimpinan dan ahli PAS terhadap bentuk gerakan Islam sebenar. Kalau Ayatullah Khomeini, yang hanya dengan berserban boleh menghalau Amerika Syarikat dari Iran, mengapa pula tidak ulamak Malaysia.

Datuk Asri tidak menerima kekalahannya dengan baik, lalu menubuhkan Hizbul Muslimin (Hamim). Di Parlimen, kecuali Nik Aziz, lain-lain anggota PAS menyertai Hamim. Nik Aziz adalah wakil tunggal PAS. Hamim menyertai Barisan Nasional. Berjasa yang marah dengan tindakan Barisan Nasional menerima Hamim telah keluar meninggalkan Barisan Nasional.

Pilihan raya tahun 1986 adalah ujian pertama PAS sebagai gerakan Islam menyertai pilihan raya. Dengan mengemukakan gagasan Harakah Keadilan Rakyat (HAK), PAS bersedia bukan saja untuk merampas kembali Kelantan, tetapi untuk menerajui pemerintahan persekutuan. Ia mengangankan satu revolusi melalui pilihan raya. Akan tetapi ia tetap satu anganan. PAS kalah teruk. Ia menang hanya di kerusi yang ia menang dahulu. Dari segi pilihan raya tidak ada kemajuan besar. Untuk berceramah dan berdakwah adalah mudah. Untuk berpolitik melalui sistem pilihan raya yang digubal oleh Umno adalah berbeza. Umno sudah menetapkan budaya politik yang begitu rupa hingga sesiapa yang mahu menang mesti mengikut rentak itu.

Pilihan raya tahun 1990 adalah berbeza. PAS mula

“berlembut” untuk mengikut selera pengundi. Calon-calon PAS mula memakai kembali songkok dan berbaju Melayu. Ini adalah taktikal. Akan tetapi dalam pilihan raya kali ini, ada gejala baru iaitu Semangat 46, parti bekas Umno yang menentang Umno baru.

PAS bekerjasama dengan Semangat 46 dalam Angkatan Perpaduan Ummah. Walaupun tidak seperti Barisan Nasional, tetapi PAS tidaklah sebebas semasa bertanding sendiri. Maka ciri gerakan Islam berubah seperti parti politik lain yang bersedia untuk bekerjasama dengan parti-parti lain.

Dalam Angkatan, selain PAS dan Semangat 46, turut bersama adalah Berjasa, Hamim dan Kongres India Muslim Malaysia (Kimma). Disyaki bahawa penyertaan Berjasa, Hamim dan Kimma ke dalam Angkatan adalah kerana adanya Tengku Razaleigh. Ramai di kalangan rakyat menyokong Tengku Razaleigh untuk jawatan perdana menteri. Malah mereka yakin beliau mampu berbuat demikian.

Pilihan raya kecil Johor Baharu yang memberi kemenangan pada Datuk Shahrir Samad yang menentang Dr. Mahathir menandakan sentimen pengundi yang mampu menolak Perdana Menteri itu. Kemenangan PAS dengan kerjasama Semangat 46 dalam pilihan raya kecil Teluk Pasu menandakan bahawa kerjasama PAS-Semangat 46 boleh mengalahkan Barisan Nasional di kawasan-kawasan Melayu. Akan tetapi kekalahan calon pembangkang di Parit Raja dan Ampang Jaya menunjukkan bahawa mereka tidak cukup kuat untuk menumbangkan Barisan Nasional secara keseluruhannya.

Pilihan raya 1990 menyaksikan Angkatan Perpaduan Ummah menyapu bersih kerusi parlimen dan negeri di Kelantan. Walaupun Tengku Razaleigh gagal menjadi perdana menteri tetapi PAS melalui Angkatan Perpaduan Ummah, dengan kerjasama Semangat 46 berjaya kembali berkuasa di Kota Bharu.

Dalam pilihan raya 1995, Kelantan terus dipertahankan. Bagaimanapun tahun 1996, Semangat 46 keluar dari Angkatan Perpaduan Ummah, dibubarkan dan pemimpinnya menyertai Umno. Maka buat pertama kalinya, PAS kembali memerintah

Kelantan secara sendirian. Sungguhpun begitu Angkatan Perpaduan Ummah masih ada dengan anggotanya terdiri dari PAS, Berjasa dan Hamim; kesemuanya parti-parti yang mempunyai asas perjuangan Islam. Lagipun asalnya, pemimpin-pemimpin Berjasa dan Hamim adalah juga anggota PAS.

Bagaimanapun apabila Semangat 46 sudah tidak ada, maka diragui sokongan rakyat Kelantan terhadap PAS kerana dalam pilihan raya 1990 dan 1995, kemenangannya adalah kerana kerjasama dengan Semangat 46. Ujian pertamanya adalah dalam pilihan raya kecil Pulai Chondong. PAS pernah memenangi kawasan itu pada tahun 1959, lama dahulu. Kemudian ia dimenangi secara bertubi-tubi oleh Umno, walaupun ketika itu Kelantan diperintah oleh PAS. Maknanya Pulai Chondong adalah kawasan Umno. Maka apabila Semangat 46 wujud, sudah tentu kawasan itu diagihkan kepada Semangat 46 yang memenanginya pada tahun 1990 dan 1995.

Akan tetapi pilihan raya kecil Pulai Chondong pada tahun 1997 menyaksikan kemenangan PAS. Inilah pertama kali PAS memenangi kawasan Umno secara sendirian sejak ia berada di bawah "kepimpinan ulamak".

Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat menepati ciri-ciri pemimpin Islam. Bukan kerana beliau berserban. Akan tetapi beliau hidup sederhana, gajinya dipotong. Begitu juga dengan elauunya. Mungkin ada pihak meragui kepimpinannya atau kemampuannya berpolitik. Akan tetapi hakikatnya rakyat Kelantan suka pemimpin yang sederhana.

11

DR. HARON DIN MINTA BUKTIKAN TUDUHAN

Apakah cabaran-cabaran ulamak yang terpaksa dihadapi dalam dunia yang penuh gawat ini. Adakah ulamak turut sama-sama hanyut memburu kebendaan duniawi?

Sejak Islam tiba ke pangkuhan masyarakat manusia, cabaran demi cabaran sering berlaku. Cuma, pada masa dahulu cabaran itu dikenali sebagai kekufuran. Tiba zaman mutakhir, rupa dan cabaran itu telah mulai berubah dan jauh lebih berat cabarannya berbanding zaman dahulu. Ini kerana pada waktu itu musuh Islam dapat dan mudah dilihat dan diamati. Sedangkan musuh Islam yang menjadi cabaran ulamak sekarang tidak ketara, malah kadang-kadang berlaku “musuh dalam selimut” atau “menggunting dalam lipatan.”

Ulamak pada hari ini sukar membezakan antara perkara hak dengan batil kerana yang hak sudah bercampur-aduk dengan yang

Wawancara dengan Dato' Haron Din ini dibuat pada Ogos 1996

batil. Kadangkala perkara yang batil mendapat sokongan daripada orang-orang yang berkuasa dan disokong pula oleh media elektronik yang menggambarkan perkara batil itu sebagai hak. Akhirnya, masyarakat menerimanya sebagai suatu yang hak sedangkan ia tetap batil. Apabila masyarakat terus mengamalkan kebatilan maka ulamak agak sukar untuk memperbetulkan kesilapan itu.

Sekurang-kurangnya tiga faktor yang menghalangnya. Pertama, masyarakat telahpun menerima kebatilan itu. Jika berlaku teguran maka ia dikatakan sebagai *antiestablishment*. Faktor kedua, ulamak tidak diberi kebebasan untuk menegur. Kalau ada seorang dua yang menegur, ulamak pula sering mendapat cacian masyarakat. Ketiga, arus pembangunan yang melanda manusia kini ialah arus kebendaan yang seolah-olah tiada ruang untuk kerohanian, yang tenggelam atau kebanyakan yang timbul dibawa arus oleh pengaruh-pengaruh kebendaan yang menyimpang daripada syariat Allah. Oleh itu ulamak terpaksa berdepan dengan pelbagai rintangan bagi menegakkan yang hak, yang selama-lamanya sukar ditegakkan kerana kekurangan tenaga ulamak yang benar-benar utuh dan kukuh bagi melahirkan generasi yang bertaqwah.

Kebanyakan khidmat ulamak hanya diperlukan untuk memeriahkan majlis rasmi atau hari-hari perayaan. Benarkah ulamak meletakkan bayaran untuk berkhidmat pada masyarakat atau bagaimana sebenarnya timbul isu ini? Benarkah ada ulamak yang digam berpunca daripada masalah tersebut?

Saya telah menyebut tadi bahawa ulamak seperti tidak diperlukan khidmat mereka dalam masyarakat yang mulai tenggelam dalam arus kebendaan. Ini kerana sifat ulamak sentiasa mengajak manusia kepada kerohanian lebih banyak daripada kebendaan. Suara ulamak mencerminkan suara yang mengajak manusia kepada Allah, hari Akhirat dan tidak tertumpu kepada dunia dan kekayaan. Pandangan yang sedemikian itu pada orang-

orang yang sekular atau orang yang memberatkan kebendaan seolah-olah menjadi satu halangan kepada pertumbuhan kemajuan kebendaan. Oleh yang demikian, khidmat ulamak dalam konteks memberi kesedaran dan mengajak manusia kepada Allah tidak diperlukan dalam masyarakat hari ini.

Oleh itu tidaklah sesuatu yang menghairankan apabila ada sebahagian ulamak sampai tidak diberi ruang memberi pandangan dalam sesetengah media dan dikenali dalam masyarakat kita sebagai ulamak-ulamak yang telah digam. Saya tidak pasti sama ada istilah itu benar atau tidak. Cuma saya dapat pastikan ia memang berlaku pada beberapa orang ulamak, yang suatu ketika dahulu memang amat dikehendaki untuk menyampaikan pandangan mereka tentang isu semasa. Pendekatan menangani isu semasa itu telah diterima masyarakat dengan baiknya sehingga dijadikan program yang popular. Tetapi dengan tiba-tiba, tanpa sebab-musabab yang diketahui dan secara mendadak segolongan ulamak tidak lagi diambil untuk menyampaikan pandangan dalam media elektronik. Akibatnya, masyarakat heboh, dan akhbar-akhbar telah menyiaran senario persoalan itu dengan pelbagai komen yang kesemuanya menuju kepada mengiakan hakikat bahawa ulamak telah digam.

Mungkin timbul pertanyaan bahawa ulamak dikatakan tidak lagi diperlukan khidmat mereka. Ini kerana mereka telah meletakkan harga yang amat tinggi, iaitu kira-kira RM9,000 seperti yang disebutkan oleh sesetengah pihak. Secara peribadi, pada mulanya saya tidak berani menafikan bagi pihak rakan-rakan, walaupun saya berani menafikan bagi pihak saya bahawa saya tidak pernah terlibat dalam hal sebegini. Setelah saya berusaha mengumpulkan keseluruhan ulamak yang dituduh, saya mendapat kepastian bahawa tidak seorang pun daripada golongan ulamak itu pernah meminta sebarang bayaran. Malah bagi bayaran yang dijelaskan secara sukarela iaitu RM100 bagi setiap kali rakaman pun tidak pernah diminta, kalaupun ia berlaku kelewatan.

Kami tidak pernah bertanya, malah tidak mengambil tahu hal bayaran yang sedemikian itu. Tiba-tiba yang dihebohkan kepada

umum ialah ulamak ditohmah sebagai meminta bayaran yang tinggi. Saya hanya ingin menyebut bahawa tuduhan itu sebagai palsu, jahat dan bermotif kotor, bermoral rendah kerana sudah dicabar oleh ulamak, kalau betul ada golongan ulamak yang dimaksudkan itu meminta bayaran sebanyak RM9,000, maka silalah kemukakan atau sebutkan nama itu dalam akhbar atau media elektronik agar masyarakat mengadili secara pasti.

Jika dikatakan dengan menamakan orang itu boleh memalukan dirinya, maka ia boleh dirahsiakan. Tetapi saya ingin mempersoalkan, yang mana lebih baik, sama ada memalukan seorang ulamak atau memalukan seluruh ulamak? Errinya, dengan tidak menyebut siapa yang terlibat itu maka seluruh nama baik ulamak tercemar. Sekarang ia sudahpun tercemar. Ulamak terus tidak diberi ruang atau digam oleh pihak yang berkenaan. Sedangkan ada artis yang terlibat dengan isu yang lebih berat daripada itu juga telah digam. Tetapi ia hanya untuk beberapa hari sahaja. Sedangkan ulamak terbabit sudah hampir dua tahun digam.

Oleh itu, dengan tidak ada nama yang disiarkan oleh mananya media bagi menjelaskan siapakah ulamak yang dikatakan peminta bayaran itu, maka ia bermakna tuduhan awal itu palsu dan sengaja berniat jahat. Oleh yang demikian sekali lagi saya tegaskan, kalaulah saya yang menjadi perhatian sebahagian masyarakat yang mungkin saya terlibat sama, maka saya menafikannya. Tidak pernah terlintas di hati saya untuk berbuat demikian kerana sebelum peristiwa tuduhan itu berlaku telah banyak yang saya sumbangkan kepada masyarakat. Tetapi tidaklah saya jadikan wang itu sebagai matlamat utama. Malah dalam kebanyakan tempat dan keadaan, saya selalunya menolak untuk menerima bayaran.

Apakah komen Dato' tentang kedudukan ulamak pada kaca mata umat Islam hari ini?

Ulamak sudah dikenali dan diterima oleh masyarakat sebagai golongan yang telah lama berkorban demi kebaikan Islam dan umatnya. Selagi mereka itu terus menyeru kepada Allah, maka

selama itulah nama ulamak akan dilihat dari dua segi. Iaitu, orang yang suka kepada seruan ulamak akan memandang mereka sebagai bersih. Manakala yang tidak suka atau bencikan seruan ulamak akan melihat mereka sebagai elemen yang boleh merugikan atau mengendalakan tamadun kebendaan yang disanjung.

Oleh itu, golongan yang kedua ini akan beranggapan imej ulamak sentiasa kotor, walaupun sebenarnya bersih. Ini kerana sebarang makhluk yang bertabiat buruk akan begitu suka kepada keburukan, yang jahat suka kejahatan, yang bersih suka kepada kebersihan dan yang ikhlas suka kepada keikhlasan. Jadi persoalan membersihkan imej ulamak tidak timbul.

Di mana bukti golongan yang menohmahkan ulamak dengan pelbagai tuduhan buruk itu? Sedangkan ulamak terbabit sudahpun menjelaskan segala-galanya secara terus-terang. Bagi saya, apa yang berlaku sebenarnya telah menjawab persoalan yang dibangkitkan dengan sendirinya dan membersihkan ulamak daripada tuduhan-tuduhan negatif itu?

12

NEO-SEKULARISME LAWAN “ISLAM RASMI”

Peristiwanya dramatik. Sekumpulan anak-anak nakal (anak-anak baik tidaklah akan menyertai peraduan ratu cantik) ditangkap oleh penguatkuasa Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) kerana melanggar undang-undang agama negeri. Akan tetapi hasilnya antiklimaks. Atas arahan Perdana Menteri, kerajaan bertindak untuk menyeragamkan peraturan dan undang-undang syariah di semua negeri-negeri di Malaysia.

Bagaimanapun, antara peristiwa itu dengan hasilnya, telah berlaku kebangkitan semangat sekularisme, atau lebih tepat lagi kebangkitan aliran neo-sekularisme. Istilah sekularisme tidak tepat kerana sekularisme hanya memisahkan agama daripada kehidupan bermasyarakat. Ia tidak anti-agama seperti mana ia tidak pro-agama. Akan tetapi kebangkitan yang disaksikan selepas peristiwa tindakan JAIS itu adalah kebangkitan seperti anti-agama. Akan tetapi mereka mengakui pembela agama. Mereka mengakui menyayangi agama, dan antara alasan mereka menentang tindakan

JAIS itu adalah hendak memelihara nama baik agama Islam. Mungkin mereka ikhlas. Kalau tidak ikhlas, mereka hanya menggunakan alasan itu untuk menentang golongan agama, dan akhirnya menentang agama. Mungkin mereka sudah bosan dengan gelagat golongan agama yang ada antara mereka sememangnya melakukan penyelewengan. Perlu nama lain untuk golongan ini.

Untuk bersangka baik, perlulah dipandang mereka ini menyayangi Islam tetapi tidak memahami Islam atau tidak dapat menerima Islam yang ada. Mungkin nama yang baik bagi golongan ini ialah neo-sekularis dan fahaman mereka adalah neo-sekularisme. Iaitu sekular bentuk baru. Mereka tidak memisahkan agama daripada kehidupan harian seperti golongan sekularis asal. Mereka menerima agama. Cuma pandangan mereka terhadap agama adalah di luar daripada arus perdana Islam. Mereka mentafsirkan agama mengikut fahaman moden serta pasca moden dan di luar tradisi keilmuan Islam. Mungkin Sisters In Islam boleh digolongkan sebagai neo-sekularis.

Fahaman ini dapat dilihat daripada media. Gerakan sekular, seperti mana juga gerakan Islam mempunyai sejarah panjang di Malaysia. Ia memerlukan kajian tersendiri yang belum pernah dilakukan. Ada orang telah membuat kajian mengenai gerakan Islam dan nasionalisme di negara ini. Tetapi gerakan sekular belum ada.

Apa hubungan tangkapan anak-anak nakal itu dengan penyeragaman undang-undang syariah antara negeri-negeri? Hubungannya kompleks tetapi untuk memudahkan perbicaraan bolehlah dikaitkan begini walaupun ini bukanlah yang dijadikan hujah cadangan penyeragaman itu.

Apabila anak-anak nakal itu ditangkap, orang ramai marah pada JAIS. Mengapa? Sedangkan penguatkuasa JAIS hanya melaksanakan undang-undang yang telah diwartakan. Undang-undang negeri Selangor itu diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor yang dikuasai oleh Umno, sebuah parti yang didominasi oleh orang-orang Islam. Ketika undang-undang melarang orang Islam mengambil bahagian dalam pertandingan

ratu cantik, tidak ada pihak yang membantah. Orang ramai juga tidak membantah. Orang marah apabila ia dikuatkuasakan. Akan tetapi tidak sesiapa berani untuk mengatakan demikian kerana undang-undang yang tidak dikuatkuasakan tidak membawa erti.

Jadi apa yang dihujahkan adalah pihak JAIS telah bertindak keterlaluan terhadap anak-anak nakal itu. Anak-anak nakal itu tidak tahu-menahu tentang undang-undang itu. Mereka tidak patut ditangkap. Seharusnya diberi nasihat, kaunseling dan pujiwan, bukannya ditangkap. Menangkap adalah suatu kekasaran. Lagipun banyak kerja-kerja lain yang patut JAIS lakukan, umpamanya menangkap suami-suami yang tidak membayar nafkah pada isteri dan anak-anaknya. Itulah pandangan "orang ramai".

Akan tetapi siapakah "orang ramai"? Apa yang dimaksudkan sebenarnya bukannya orang ramai. Orang ramai terlalu ramai dan tidak ada siapa yang melakukan tinjauan umum untuk mengetahui pandangan orang ramai. (Mungkin ada baiknya dibuat tinjauan tentang isu ini). Apa yang dimaksudkan orang ramai hanyalah pandangan-pandangan yang disalurkan ke dalam media, khususnya akhbar-akhbar. Pandangan-pandangan yang dikeluarkan oleh *Utusan Malaysia, Berita Harian, The New Straits Times, The Star* dan TV3 itulah dikatakan pandangan orang ramai.

Jadi orang ramai marah kepara penguatkuasa JAIS menangkap anak-anak nakal yang tidak tahu tentang peraturan-peraturan itu. Maka timbul pandangan bahawa penerangan harus diberikan kepada orang ramai tentang peraturan-peraturan syariah. Maka JAIS pun berhasrat untuk menerbitkan risalah mengenai peraturan-peraturan syariah supaya orang ramai mengetahui.

Bagaimanapun, JAIS sebenarnya tidak berupaya untuk memberitahu orang ramai. Risalah-risalah itu tidak akan cukup tersebar luas. Mungkin akhirnya ia hanya tersangkut-sangkut di masjid. Yang tahu hanyalah orang-orang masjid. Budak-budak nakal tidak pergi ke masjid. Mereka pergi ke diskò. Risalah-risalah itu tidak akan sampai ke diskò.

Jadi bagaimana hendak memberitahu pada orang ramai? Hanya media yang mampu memberitahu pada orang ramai. Akan

tetapi media yang mendakwa mewakili orang ramai (walaupun mereka sebenarnya orang sedikit) tidak sudi untuk menghebahkan peraturan-peraturan mengenai syariah. Terdapat banyak peraturan-peraturan syariah yang selama ini digubal tetapi tidak begitu dihebahkan oleh media. Kerana apa? Kerana ia tidak menarik.

Apa yang menarik bagi media adalah cerita-cerita mengenai hiburan dan artis. Media utama di negara ini adalah *Utusan Malaysia* yang diterbitkan oleh Kumpulan Utusan. Akhbar ini menerbitkan banyak majalah hiburan. Yang terkenal adalah *URTV*, *Hai* dan *Mangga*. Kumpulan ini hidup atas hiburan dan artis. Akhirnya maklumat lain hanya menumpang. Cerita politik, perniagaan dan pendidikan hanya menumpang kepada cerita-cerita hiburan yang menjadi tonggak kepada media ini. Dalam keadaan ini, sudah tentu, untuk mengutamakan cerita-cerita agama adalah tidak selaras dengan pasaran yang di atasnya ia hidup. Antagonisme (pertentangan) antara agama dengan hiburan perlu dikupas di tempat lain. Apa yang jelas industri hiburan dan institusi agama adalah bertentangan. Kalau ada hubungan pun, hanya terserlah dalam kelarisan jualan album Raihan dan lagu-lagu nasyid yang lain.

Jadi, Kumpulan Utusan adalah media hiburan. Ia tidak boleh menjadi pembela agama. Bagaimanapun, akhbar *Utusan Malaysia* sendiri, termasuk *Mingguan Malaysia* meletakkan laporan hiburan suatu perkara yang tidak boleh ditinggalkan. Ia mesti ada. Walaupun politik menjadi berita utama, tetapi hiburan mesti ada. Tidak ada mana-mana pengendali akhbar yang berani mencabut cerita-cerita hiburan. Mungkin ada menariknya jika satu eksperimen dilakukan dengan mengetepikan cerita-cerita hiburan dan dapat dilihat sejauh mana pengaruh cerita-cerita hiburan.

Berita Harian juga bergelumang dengan hiburan walaupun tidak sehebat *Utusan Malaysia*. Ia tidak boleh tinggalkan cerita-cerita hiburan kerana ia mahu menyaangi Utusan.

New Straits Times dan *The Star*, oleh kerana berbahasa Inggeris tidaklah berorientasi hiburan (tidak seperti media Melayu), akan tetapi perlu disebut *The Star* menerbitkan majalah hiburan

Galaxie dan *Day and Night*. *New Straits Times* yang merupakan akhbar para intelek dan kelas menengah tidaklah berorientasikan hiburan. Apa yang ketara bahawa hampir setiap kali diadakan pertandingan ratu cantik, walau apa pun peringkat, *New Straits Times* akan menyiarkan gambar penuh peserta dengan berpakaian mandi, dan mesti berwarna. (Kalau tidak percaya, perhatikanlah dengan teliti setiap kali ada pertandingan ratu cantik).

Bagaimanapun, media yang paling berkesan menggalakkan kehidupan hiburan ialah TV3. Pelbagai program dan aktiviti yang menggalakkan cara hidup begini. Tambahan pula dengan adanya pelbagai anak syarikat yang berbentuk hiburan di bawah naungannya. Mereka semua pro-hiburan dan tidak pro-syariah (walaupun bukanlah anti-agama). Jadi kalau hendak dipersalahkan mengapa maklumat tentang peraturan syariah tidak tersebar luas, jawapannya terletak pada media. Media yang bertanggungjawab tidak menyebarkan maklumat mengenai peraturan-peraturan syariah. Perlu disebut bahawa *Utusan*, *Berita Harian*, *New Straits Times* dan TV3 adalah milik Umno.

Dalam pada itu, ketika ditimbulkan bahawa peraturan-peraturan syariah itu akan diumumkan, maka ditimbulkan soal lain. Dipersoalkan betapa sukarinya untuk memahami peraturan-peraturan syariah kerana kepelbagaiannya disebabkan perbezaan peraturan antara negeri-negeri. Perkara ini bukan perkara baru. Ia pernah ditimbulkan sebelum merdeka lagi. Adalah cita-cita parti pertama yang memperjuangkan kemerdekaan, Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) untuk menyeragamkan undang-undang syariah di Semenanjung. Begitu juga Malayan Union. Dari segi konsep, sudah tentu ia akan menyeragamkan peraturan-peraturan agama. Malah mesyuarat biro agama Umno yang sebelum menjadi PAS pernah menerima usul supaya kekuasaan syariah-syariah di negeri-negeri disatukan.

Akan tetapi Umno, baik di bawah Dato' Onn atau Tunku Abdul Rahman mahu mempertahankan kedaulatan raja. Dipandang pula bahawa kekuasaan agama negeri-negeri berkaitan dengan kedaulatan raja. Tanpa kekuasaan ke atas agama, kedaulatan raja

tidak bererti. Maka hingga sekarang, negeri mempunyai peraturan yang berbeza.

Jadi pihak yang menimbulkan soal perbezaan peraturan agama antara negeri-negeri ini dilihat juga seolah-olah mahu mengelakkan diri dari soal penguatkuasaan peraturan-peraturan agama. Golongan yang tidak meletak agama sebagai cara hidup tentu merasa tertekan jika peraturan agama dikuatkuasakan. Bagaimanapun, untuk menentang penguatkuasaan peraturan agama akan dipandang sebagai anti-agama. Maka ditimbulkan soal ketidakseragaman peraturan syariah supaya peraturan itu tidak dikuatkuasakan.

Bagaimanapun, andai kata peraturan syariah diseragamkan, maka negeri mana yang akan menjadi ikutan? Sudah tentu Wilayah Persekutuan. Sebenarnya langkah-langkah ke arah itu sudah berjalan.

Ia bermula dari zaman Tun Razak lagi. Perlu disebut di sini bahawa penyeragaman undang-undang syariah ke seluruh negara adalah suatu perkembangan yang baik. Adalah tidak dapat diterima, sebuah negara mempunyai 14 set peraturan syariah yang berkuat kuasa di kawasan-kawasan yang kecil. Apa yang perlu diambil perhatian adalah, siapakah yang akan menguasai dan menentukan peraturan-peraturan syariah itu kelak? Adakah ia benar-benar menepati Islam itu sendiri atau melayani wawasan ahli politik yang materialis?

Tun Razak menghormati Islam. Seperti Tunku Abdul Rahman yang memberi sumbangan kepada perkembangan Islam dengan mendirikan Masjid Negara dan menganjurkan Pertandingan Membaca al-Quran, Tun Razak pula meluahkan jasanya dengan pembinaan Pusat Islam, suatu pusat yang dapat mengembangkan Islam di negara ini. Ditambah pula dengan penubuhan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). Perlu diingat bahawa ketika itu PAS dalam kerajaan Barisan Nasional. Ustaz Nik Abdul Aziz Nik Mat juga dilantik sebagai ahli lembaga YADIM. PAS dalam BN memberi sumbangan besar kepada usaha menegakkan syiar Islam. Selain daripada menjadi penggalak pada penubuhan Pusat

Islam dan YADIM, atas desakan PAS juga lambang Palang Merah di negara ini bertukar menjadi Bulan Sabit Merah. Selain itu, azan lima waktu mula berkumandang di radio dan televisyen. Pembukaan televisyen dimulakan dengan bacaan al-Quran. Begitu juga di akhir siaran. Sebelum itu, televisyen dimulakan dengan cabutan judi toto.

Pada zaman Tun Razak juga diwujudkan Wilayah Persekutuan. Suatu tindakan politik yang menyelamatkan Selangor supaya terus berada dalam tangan umat Islam. Dari segi pentadbirannya, ia merupakan langkah ke depan bagi negara ini.

Akan tetapi ia juga memberikan implikasi pada pentadbiran agama. Buat pertama kali kerajaan persekutuan mempunyai kuasa dalam hal ehwal agama ke dalam suatu wilayah. Sememangnya kuasa tertinggi agama terletak pada raja-raja Melayu dan penggubalan undang-undang syariah terletak pada Dewan Undangan Negeri. Penguasaan juga terletak pada majlis agama masing-masing dan pentadbiran oleh jabatan agama masing-masing. Ahli Exco juga dilantik untuk mentadbir portfolio agama.

Bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai raja iaitu Sarawak, Sabah, Melaka dan Pulau Pinang, kekuasaan tertinggi terletak pada Yang di-Pertuan Agong. Akan tetapi semua negeri itu mempunyai pegawai agamanya tersendiri dan tradisi mereka tersendiri. Dengan adanya Wilayah Persekutuan, kerajaan pusat boleh menguasainya secara langsung. Malah segala perubahan mengenai undang-undang syariah seperti undang-undang keluarga dimulakan di Wilayah Persekutuan. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) menjadi tempat eksperiman dan ujian ke arah akhirnya kesemua jabatan agama di seluruh negara akan mengikut apa yang dilakukan oleh JAWI. Mula-mula dijalankan soal-soal pentadbiran. Kemudian perundangan, dan akhirnya kekuasaannya juga diseragamkan dengan pihak persekutuan yang menentukan.

Maknanya JAWI boleh menjadi tempat titik permulaan bagi penyeragaman undang-undang syariah. Sungguhpun begitu, Umno sebenarnya boleh menguasai undang-undang syariah di seluruh negara sejak dari dahulu lagi. Mana tidaknya, kecuali Kelantan

dan Sabah, sejak Malaysia ditubuhkan Umno mempunyai kuasa ke atas kerajaan-kerajaan negeri melalui Perikatan dan Barisan Nasional. Sememangnya ada kalanya mungkin mereka berhadapan dengan halangan di pihak raja-raja. Akan tetapi raja-raja boleh dinasihati dan undang-undang syariah yang seragam akhirnya dapat diwujudkan. Sebagai parti yang menguasai lebih dua pertiga majoriti di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, itu tidak menjadi masalah bagi kerajaan. Mereka tidak perlu bergaduh dengan ulamak, apatah lagi Mufti. Akhirnya mereka tidak perlu menyinggung perasaan umat Islam dengan mengkritik Islam atau memberi gambaran buruk tentang Islam. Pihak penajah sendiri tidak berani menyentuh tentang soal-soal agama. Jika ahli-ahli politik merasakan dirinya berhak menyentuh soal agama, akibatnya adalah mendalam, dan belum tentu mendatangkan kebaikan bagi negara, bangsa dan agama.

Dasar Tun Razak disambung oleh Hussein Onn. Semasa Hussein Onn, dianjurkan Bulan Dakwah. Sungguhpun begitu anak-anak muda Muslim berpendidikan Dasar Ekonomi Baru tidak puas hati dengan Barisan Nasional (termasuk PAS). Mereka anggap Islam BN hanyalah kosmetik dan hipokrisi. PAS di bawah Datuk Asri Muda sudah begitu selesa berada dalam BN. Perjuangan sudah digantikan dengan permainan politik semata-mata. Anak-anak muda yang berjiwa Islam ini menolak PAS kerana tidak cukup Islamik, apatah lagi Umno, lalu mereka berhimpun di bawah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) pimpinan Anwar Ibrahim. Akan tetapi Anwar bukan ulamak. Orang kanannya ulamak, Ustaz Fadzil Nor.

Perlawaan ABIM menentang BN (termasuk PAS) adalah sengit. Ramai pemimpin ABIM ditekan, termasuklah Anwar sendiri, Ustaz Fadzil Nor, Ustaz Nakhaie Ahmad, Osman Bakar, Kamaruddin Mohd Nor dan Kamaruddin Jaafar. Di sini yang ulamak adalah Ustaz Fadzil, Ustaz Nakhaie dan Ustaz Abdul Ghani Shamsuddin.

Pemikiran Anwar tentang Islam adalah berbeza daripada ulamak-ulamak yang menguasai pihak berkuasa agama negeri-

negeri, yang umumnya memperolehi pendidikan daripada Timur Tengah. Slogan-slogan ABIM ketika itu, yang tidak dicorakkan oleh ulamak-ulamak jabatan agama negeri mendapat ilham daripada Ikhwanul Muslimin. Wira ABIM ketika itu adalah Hassan Al-Banna dan Sayyid Qutb. Yusuf Qardhawi dan Malek Ben Nabi tidak timbul lagi. Iqbal juga tidak begitu timbul. Apatah lagi Jose Rizal. Bagaimanapun, pengaruh sebenar yang diterima oleh ABIM ialah daripada pemikiran Ismail Faruqi.

Antara slogan bagi anak-anak muda yang cenderung pada Islam ialah kesyumulan Islam dan Islam adalah ad-Deen (konsep yang diterima oleh Semangat 46 tetapi tidak oleh Umno). Ia diterjemahkan kepada Islam sebagai kehidupan bermasyarakat. Islam bukan bererti sembahyang, puasa dan haji sahaja. Islam mencakupi ekonomi dan politik. Inilah yang sukar disemai. Bagaimanapun akhirnya berjaya juga. Masyarakat sudah menerima bahawa Islam bukan sekadar ibadat khusus. Ekonomi dan politik mesti diislamkan.

ABIM di bawah pimpinan Anwar bagaimanapun berkempen menekankan dua institusi penting yang perlu ditubuhkan. Bank Islam bagi membolehkan umat Islam mengamalkan ekonomi secara Islam, dan Islamisasi Ilmu yang hanya boleh dilakukan jika ada Universiti Islam, dalam erti kata sebuah universiti yang mengajar pelbagai limu, bukan saja ilmu agama, tetapi juga meliputi ilmu-ilmu lain yang telah diislamkan. Ia tidak menunjukkan minat terhadap peraturan dan undang-undang syariah. Bukannya perkara itu tidak penting.

Akan tetapi sistem Islam Persekutuan Malaysia yang terdiri daripada kekuasaan di negeri-negeri dengan jabatan agama masing-masing dianggap oleh ABIM sebagai hasil sekularisme yang tidak menepati Islam sebenar. Salah satu hujah popular anak-anak muda ketika itu adalah bahawa dasar penjajah Inggeris yang menganggap agama sebagai perkara-perkara lain seperti pertanian telah diteruskan oleh kerajaan Malaysia merdeka. Islam telah dijabatanku. ABIM hanya memandang sinis terhadap jabatan-jabatan agama itu. Suatu pandangan yang radikal dan revolusioner

ketika itu.

Bukan saja ABIM yang tidak begitu meamandang jabatan agama. Lain-lain gerakan dakwah zaman itu juga tidak begitu memandang tinggi pada jabatan agama. Al-Arqam (sebelum diisytihar sesat) dan Tabligh juga memandang sepi terhadap jabatan-jabatan agama.

Pemikiran dan kepimpinan Anwar ini dipandang tinggi oleh pemimpin PAS ketika itu, Datuk Asri, dan juga Dr Mahathir Mohamad, ketika itu menjadi Timbalan Presiden Umno. Mungkin Asri mengagumi kepimpinan Anwar. Sementara Mahathir juga meminati pandangan Islam Anwar yang progresif, iaitu menekankan soal ekonomi Islam dan mengambil sikap yang agak kritikal terhadap ulamak tradisional dan jabatan-jabatan agama. Akan tetapi ABIM berkonfrontasi dengan BN dan Umno.

Apabila PAS keluar daripada BN dan menjadi pembangkang, ABIM bergerak lebih rapat dengan PAS, malah turut membantunya dalam kempen pilihan raya tahun 1978. Umno memandang ABIM sebagai penentangnya dan pembangkang. Sementara Asri secara terang sudah mula berharap Anwar akan satu hari kelak bukan saja menyertai PAS tetapi akan memimpin PAS menggantikannya.

Untuk itu, Ustaz Fadzil dan Nakhaie dikirim dahulu ke dalam PAS. Mereka beserta Ustaz Hadi Awang muncul sebagai tenaga baru yang menarik anak-anak muda radikal daripada ABIM kepada PAS. ABIM dianggap adik kepada PAS.

Akan tetapi Asri lambat bertindak. Mahathir yang baru menggantikan Hussein Onn selaku Presiden Umno mengorak langkah melamar Anwar - dan berjaya. Maka berpecahlah pendokong-pendokong ABIM. Mereka enggan mengikut Anwar ke dalam Umno. Walaupun masih mencintai kepimpinan Anwar, mereka turut menyeberangi ke dalam PAS mengikuti Ustaz Fadzil dan Nakhaie.

Asri terduduk kerana gagal mendahului Mahathir untuk melamar Anwar. Selama ini seolah-olah dia *take for granted* yang Anwar akan menyertai PAS. Dalam pilihan raya umum 1982, PAS kecundang kerana suara Islam juga berpecah. Perhitungannya salah

dan akhirnya dia terpaksa melepaskan PAS kepada tenaga radikal pimpinan Ustaz Fadzil, Haji Hadi dan Nakhaie.

Anwar masuk kerajaan dan menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Dia menjadi orang yang bertanggung jawab ke atas Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri. Bagaimanapun, perkembangan yang paling penting ialah penubuhan Badan Perunding Islam (BPI). Badan ini mengasaskan Bank Islam Malaysia Berhad dan Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Hussein Onn dilantik sebagai presiden pertama UIA.

Tidak kurang pentingnya ialah institusi-institusi yang dikuasai dengan orang-orang yang dianggap menyokong Anwar seperti Institut Kajian Dasar (IKD) dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM). Bagaimanapun yang lebih penting lagi ialah syarikat-syarikat yang dikuasai oleh orang-orang yang rapat dengan Anwar ketika beliau menjadi Menteri Kewangan.

Kemasukan Anwar ke dalam Umno menjadikan Umno kehijau-hijauan. Golongan fanatik sekular tidak senang. Akan tetapi mereka tidak berani menunjukkan suara kerana kerajaan sudah mulai pro Islam dan tokoh-tokoh agama mendapat kedudukan.

Walaupun tudung hanya helaian kain, tetapi kecenderungan kepada agama terlihat dengan masyarakat yang sudah menganggap menutup aurat kepala bagi wanita adalah suatu yang seharusnya berlaku. Dalam persidangan agung Umno, perubahan juga kelihatan berlaku dengan ucapan perwakilan juga menggambarkan kecenderungan pada Islam. Dalam pemilihan, Wan Mokhtar Ahmad, seorang ulamak Terengganu, Menteri Besar telah dipilih sebagai sebagai Naib Presiden. Walaupun Anwar memperjuangkan Islam, tetapi ulamak masih enggan menyertai Umno. Akan tetapi Mahathir memberi tempat dan membawa masuk Dr Yusof Nor, seorang birokrat akademik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Ketika Anwar dilantik menjadi Menteri Pertanian, Dr Yusof pula dilantik menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab ke atas Bahagian Hal Ehwal Islam iaitu Pusat Islam. Ulamak sudah diberi tempat dalam Umno

dan untuk meluaskan pendedahannya, Dr Yusof diberi tanggungjawab dalam soal perusahaan awam, bertaraf menteri.

Dr Hamid Othman yang sebelum ini menjadi Pengarah Pusat Islam dilantik timbalan menteri, selepas menang di Sik. Apabila Dr Hamid menjadi menteri, beliau juga menjaga hal ehwal Islam (buat pertama kali, seorang menteri diberi tanggungjawab demikian). Selama ini hanya timbalan menteri menjaga portfolio tersebut. Menjelang pilihan raya 1995, Ketua Pengarah Pusat Islam, Zainal Abidin Abdul Kadir meletakkan jawatan dan bertanding sebagai calon Umno di Kelantan. Beliau disebut-sebut sebagai calon Menteri Besar Kelantan jika Umno memenangi negeri itu. Bagaimanapun dengan kemenangan Kamaruddin Mohd Nor dalam pilihan raya kecil kawasan DUN Semerak, ia merupakan perkembangan terbaru. Kini Kamaruddin pula disebut-sebut akan menjadi Menteri Besar Kelantan andai kata Umno menerajui Kelantan, apatah lagi jika Anwar adalah Presiden Umno ketika itu. Ini merupakan kemenangan pertama bagi golongan ABIM kerana Kamaruddin adalah antara pucuk pimpinan ABIM yang terus mengikut Anwar menyertai Umno. Seorang lagi ialah Kamaruddin Jaafar, bekas Setiausaha Agung ABIM zaman Anwar, juga berasal dari Kelantan tetapi gagal memenangi pilihan raya, sebaliknya muncul sebagai tokoh korporat paling berjaya di kalangan bekas pimpinan ABIM.

Boleh disebut bahawa institusi Islam di Malaysia terbahagi kepada dua iaitu *Islam rasmi* dan *Islam bukan kerajaan* atau *Islam NGO*. *Islam rasmi* terdiri daripada institusi-institusi rasmi seperti jabatan-jabatan agama dan Pusat Islam sendiri serta institut-institut pendidikan Islam yang dibiayai oleh kerajaan. *Islam NGO* (badan bukan kerajaan) pula terdiri daripada pertubuhan-pertubuhan bebas yang berlandaskan Islam seperti parti-parti politik PAS, Berjasa, Hamim dan persatuan-persatuan ABIM, Jemaah Islah Malaysia (JIM), Persatuan Ulama' Malaysia (PUM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim), Jamiyah, Al-Rahmaniah dan juga persatuan-persatuan pelajar seperti Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM). Pertubuhan

dakwah yang tidak didaftarkan seperti Tabligh dan Al-Arqam serta IRC (sebelum JIM) juga tergolong kepada Islam NGO.

Bagaimanapun, Islam NGO juga terbahagi kepada dua jenis. Satu yang seiring dengan institusi Islam rasmi, seperti Perkim, Jamiyah dan pertubuhan-pertubuhan badan kebajikan Islam lainnya. Mereka tidak mengkritik Islam rasmi. Golongan ini bolehlah disebut *Islam kebajikan*. Bagaimanapun, kumpulan-kumpulan seperti PAS, ABIM, Arqam (almarhum), IRC/JIM, Tabligh sering dianggap sebagai pertubuhan gerakan dakwah. Untuk membezakan dengan *Islam kebajikan* tadi bolehlah disebut mereka sebagai *Islam gerakan* (atau haraki).

Pada awal 80-an, *Islam gerakan* sering mengkritik golongan *Islam rasmi*. Malah ada yang menuduh mereka sebagai *ulamak kerajaan* dan seumpamanya. Al-Arqam dengan jelas menolak peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh *Islam rasmi*. Bagaimanapun mereka terus dapat bertahan bertahun lamanya dalam konfrontasi dengan *Islam rasmi*. Bagaimanapun apabila mereka mengamalkan ajaran pelik-pelik dan pemimpinnya mempunyai cita-cita politik, pemimpin politik negara dapat bekerjasama dengan *Islam rasmi* membanteras Al-Arqam. Akhirnya ia bubar atas kesilapan langkah sendiri.

Pada awal tahun 80-an apabila *Islam gerakan* kesemuanya menentang kerajaan dan Umno khususnya, parti pemerintah dan *Islam rasmi* berada di pihak yang sama. Dalam menentang *Islam gerakan*, Umno membela *Islam rasmi*. Begitulah sebaliknya.

Islam gerakan yang mula-mula memihak pada Umno dan *Islam rasmi* adalah ABIM, iaitu ekoran kemasukan Anwar ke dalam Umno. Sungguhpun Anwar pernah menerajui Pusat Islam, tetapi dalam pihak yang sama, ABIM dan *Islam rasmi* tidak dapat selari. Mereka yang menyokong ABIM akan berada di sekitar UIA, IKD dan YPEIM.

Bagaimanapun, Mahathir masih tidak puas hati dengan *Islam rasmi* dan *Islam ABIM*. Untuk mengetengahkan fahamannya tentang Islam, maka ditubuhkan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), sebuah institusi yang lain daripada *Islam rasmi* dan

Islam ABIM.

Sementara itu, gerakan neo-sekular anti fundamentalis Islam juga turut berkembang. Di pihak feminis, mereka menubuhkan Sisters In Islam. Selain itu, bekas sosialis Kassim Ahmad juga menubuhkan gerakan tersendiri yang dianggap anti hadis dengan nama Darul Quran. Pandangan-pandangan mereka dibenarkan berleluasa oleh kerajaan dan diberi tempat oleh media massa.

Oleh kerana ia bercanggah dengan pandangan *Islam rasmi*, maka mereka turut ditekan. Apabila timbul kes JAIS, Sisters In Islam bangkit meluahkan pandangan-pendangan mereka. Oleh kerana antara aktivis mereka adalah wartawan, mudahlah mereka menyebarkan pemikiran mereka melalui media massa.

Rupanya episod anak nakal ditangkap tidak berakhir dengan penyeragaman undang-undang syariah Malaysia. Ada lanjutan daripada itu. Ia adalah ketersinggungan perasaan Perdana Menteri terhadap kenyataan Mufti tertentu yang mendakwa beliau hampir murtad apabila menegur tindakan pihak berkuasa agama menangkap tiga remaja menyertai pertandingan ratu cantik.

Seperti yang dilaporkan oleh akhbar, Mufti terbabit dikatakan membuat kenyataan akhbar yang menyatakan bahawa mereka yang tidak bersetuju dengan fatwa larangan pembabitan gadis Islam dalam pertandingan ratu cantik sebagai murtad.

Mahathir berkata: “*Kita hormati Mufti pasal sesuatu peraturan yang dibuatnya tetapi kalaupun Mufti mengambil tindakan tidak mengikut Islam, takkan kita tak boleh tegur. Ini pegawai yang dibayar gaji oleh kerajaan yang dengan mudah menuduh orang itu murtad orang ini murtad.*”

Apabila dibaca oleh Mufti, tidak kira siapa, sudah tentu mereka juga terasa tersinggung. Perkataan kunci di sini ialah “*ini pegawai yang dibayar gaji oleh kerajaan*” membawa maksud bahawa Mufti dibayar gaji oleh kerajaan. Maka mereka terikat dengan kerajaan. Mereka tidak boleh mengkritik kerajaan, apakah lagi pemimpin kerajaan. Pemimpin kerajaan boleh menegur Mufti tetapi Mufti tidak boleh menegur pemimpin kerajaan. Ini kerana pemimpin kerajaan dipilih oleh rakyat. Mufti tidak dipilih oleh

rakyat. Maka sudah tentu keseluruhan maknanya mempersoalkan jawatan Mufti dalam negara ini bercanggah dengan semangat Islam.

Mufti dalam Islam adalah seseorang yang dilantik untuk, antara lain, mengeluarkan fatwa. Tidak kira siapa yang membayar gaji mereka, tanggungjawab mereka adalah pada Islam semata-mata dan bukannya kepada pemimpin tertentu. Mufti adalah bebas daripada politik, birokrasi dan apa saja halangan dunia. Mengongkong Mufti adalah bercanggah dengan Islam.

Yang jelas Mufti bukan pegawai biasa. Dalam amalan pentadbiran negara Malaysia, sememangnya Mufti adalah seperti pegawai-pegawai kanan lain, mendapat gaji dan tertakluk pada peraturan-peratran bekerja pentadbiran kerajaan. Akan tetapi itu hanyalah dari segi prosedur dan memudahkan pentadbiran dan semua pihak. Pada semangatnya Mufti bukan jawatan birokrasi, ia mempunyai kedudukan tersendiri dalam Islam, seperti mana imam, qadhi dan seumpamanya. Walaupun siapa yang membayar gaji, tanggungjawab pemegang jawatan ini adalah pada Islam itu sendiri. Peraturan mengenai gaji adalah hanya amalan pentadbiran.

Dalam hal ini, kerajaan mesti ikhlas. Mereka membayar gaji kepada Mufti bukan seperti membayar gaji kepada pegawai-pegawai lain. Ia merupakan sumbangan kerajaan kepada pentadbiran Islam. Mufti tidak terikat kepada kerajaan, hatta kepada pemimpinnya. Mufti tidak bertanggungjawab kepada Khalifah. Dia adalah bebas. Sebebasnya qadhi dalam amalan kenegaraan Islam.

Andai kata gaji diungkit, maka sewajarnya kerajaan menghentikan pembayaran gaji kepada Mufti. Sara hidup Mufti hendaklah ditanggung oleh pihak lain, umpamanya Baitulmal yang bebas daripada kerajaan.

Ini terletaknya perbezaan pemikiran pemerintahan sekular-nasionalisme Malaysia. Semua kekuasaan hendak ditumpukkan kepada satu iaitu ketua kerajaan yang mewakili rakyat. Dalam Islam, kekuasaan adalah pada Allah s.w.t. melalui al-Quran, hadis dan tradisi Islam. Ini mengasingkan kekuasaan daripada dipegang

oleh manusia yang mempunyai kepentingan peribadi hingga merosakkan orang lain.

Pihak anti-agama akan memandang sinis apabila membaca perkara ini. Mereka tidak mempercayai Tuhan hinggakan seolah-olah apabila disebut bahawa kekuasaan diserahkan kepada Allah s.w.t. mereka memandang bahawa ulamak sengaja menggunakan alasan agama untuk menguasai negara. Akan tetapi ulamak tidak dapat memegang kuasa sepenuhnya. Mufti sendiri tidak mempunyai banyak kuasa. Dia hanyalah mengeluarkan fatwa. Yang melaksanakannya adalah kerajaan. Kalau kerajaan tidak setuju dengan fatwa yang dikeluarkan, Mufti tidak boleh bertindak. Tindakan adalah di luar kekuasaannya, hatta dalam negara Islam sendiri.

Kekuasaan di dalam negara Islam dipecah-pecahkan supaya ia tidak dimonopoli pada satu orang. Bukan saja Mufti mempunyai tanggungjawab tersendiri dan terasing. Ada juga demikian. Begitu juga dengan Khalifah. Khalifah tidak mempunyai kuasa penuh ke atas negara. Kalau tindakannya bercanggah dengan Islam, sudah tentu ia akan dicabar oleh ulamak lain. Kalau ia bercanggah dengan fatwa, dia tidak boleh paksa undang-undangnya ke atas rakyat. Kalau paksa juga, maka akhirnya akan termaktub dalam sejarah bahawa khalifah sekian sekian melanggar peraturan negara Islam. Sebab itu dalam sejarah Islam, tersenarai ramai Khalifah yang tidak betul. Akan tetapi masyarakat Islam terus berfungsi kerana adanya institusi Mufti, qadhi dan ulamak-ulamak lain bagi meneruskan kehidupan negara.

Memang benar ada fatwa yang tersilap. Mufti juga manusia. Fatwa adalah fatwa, bukannya hukum. Banyak perbezaannya dan ilmu Islam tentang perkara ini sudah jelas dan sentiasa dikaji oleh ulamak. Fatwa boleh ditarik balik. Akan tetapi yang menarik balik hendaklah Mufti sendiri, dan bukannya orang lain, hatta pemimpin-pemimpin politik. Dalam amalan Islam, semuanya ada adab. Siapa yang melanggar adab, akan kelihatan tidak beradab.

Kalau fatwa tidak betul, Mufti juga boleh ditegur - tetapi yang menegurnya hendaklah para ulamak. Macam doktor. Doktor juga

buat silap, silap diagnosis, malah silap bedah. Pesakit kadang kala marah pada doktor. Akan tetapi mereka tidak boleh menentang doktor kerana akhirnya apabila sakit, mereka terpaksa juga berjumpa doktor kerana hanya doktor yang tahu tentang perubatan. Walaupun ilmu perubatan itu terbuka dan sesiapa boleh mempelajari. Hanya doktor yang boleh menegur dan membaiki.

Begitu juga dengan ulamak. Ilmu Islam adalah terbuka. Tidak ada ilmu Islam yang disembunyikan. Sesiapa pun boleh belajar ilmu Islam, sama ada untuk menjadi ulamak atau hanya untuk pengetahuan sendiri. Akan tetapi ulamak tetap ulamak yang menjadikan rujukan mengenai ilmu agama. Untuk belajar ilmu Islam, mestilah juga mengetahui bahasa Arab dan pelbagai syarat. Ini yang pihak neo-sekular selalu ungkitkan. Mengapa perlu bahasa Arab menjadi syarat? Sama juga dengan ilmu perubatan. Sebelum dapat menguasai perubatan, seseorang itu mestilah memahami asas sains, biologi, kimia dan fizik. Kebanyakan buku dalam bidang ini pula dalam bahasa Inggeris. Adalah wajar seseorang yang hendak menjadi doktor perlu menguasai Inggeris.

Seseorang Islam tidak wajar mengkritik ulamak secara umum. Kalau ada isu khusus, utarakan perkara itu secara khusus dan selesaikan masalah berkaitan jika ada kuasa. Mengkritik secara umum bererti memburuk-burukkan institusi ulamak dan menurunkan kepercayaan umat Islam pada ulamak. Seperti mana kritikan terbuka kepada polis akan mengurangkan kepercayaan orang ramai pada polis.

Akhirnya apabila hendak nikah atau mati, seseorang terpaksa juga menemui orang agama untuk menguruskan keperluan masing-masing. Dalam kes terbaru ini, Mufti tidak mengatakan seseorang itu secara khusus murtad. Seperti mana sukarnya seseorang doktor untuk mengesahkan seseorang itu mempunyai sakit kanser andai kata tanda-tanda begitu mengelirukan.

Bagaimanapun, Mufti boleh menyebut ciri-ciri yang boleh membawa kepada murtad. Antaranya mempertikaikan hukum Islam, termasuk fatwa - yang merupakan hukum Islam. Kalau tidak setuju tidak mengapa. Akan tetapi dalam tradisi Islam yang

dipelajari oleh ulamak, itulah dia.

Seperti juga ada doktor yang mendiagnosis seseorang itu berpenyakit kanser. Mungkin pesakit itu tidak setuju sebab tandanya banyak yang mengelirukan. Malah ada doktor lain juga yang memberikan pendapat kedua menyatakan bahawa penyakit itu bukan kanser. Akan tetapi dalam tradisi ilmu kedoktoran, itulah kanser, maka itulah dia.

Dalam sistem pentadbiran negara, seseorang pegawai (termasuk Mufti) boleh dibuang kerja atau ditekan hingga meletak jawatan. Atau ulamak semua dibuang kerja. Dalam Islam perkara itu tidak menjadi hal. Bagi sesetengah golongan neo-sekular, dunia ini milik mereka yang kuat. Siapa berkuasa, baik melalui senjata atau ekonomi, maka kuatlah ia. Bagi Islam berbeza. Kewujudan adalah hak milik Allah s.w.t. Hendak percaya atau tidak percaya pada wujudnya Allah s.w.t. terpulang pada masing-masing.

“Bagiku agamaku, bagimu agamamu. Aku akan sembah pada Tuhanku, kamu akan sembah pada tuhanmu. Aku tidak akan sembah pada tuhanmu dan kamu tidak akan sembah pada Tuhanku. Bagiku agamaku, bagimu agamamu. Tiada paksaan dalam agama.”

Kejatuhan komunisme yang menolak agama di Soviet Union adalah pengajaran yang jelas. Manusia cuba untuk mewujudkan syurga dunia. Akan tetapi hukum alam bergerak dengan sendirinya dan akhirnya usaha itu tumbang. Orang Rusia, Bosnia dan Albania kembali pada agama kerana manusia tidak mempunyai banyak kuasa. Kita buat sedaya upaya dan lainnya serahkan pada Allah s.w.t.

Kita buatlah Koridor Raya Multimedia dan capailah Wawasan 2020. Itu usaha yang baik dan ia menyumbangkan kepada kekuatan agama Islam. Akan tetapi tidak perlulah menyombong untuk mempertikaikan hukum-hukum agama. Mempertikaikan hukum-hukum agama, hatta fatwa sekalipun akan memecah-belahkan umat Islam. Kita sering menuduh pembela-pembela Islam sebagai pemecah-belah umat Islam tetapi kadang kala kita lupa sumbangan kita memecah-belahkan agama Islam. Memang agama adalah suatu

perkara sensitif. Juga wajar perkara-perkara sensitif tidak dibahaskan secara umum, seperti mana isu-isu perkauman. Biarlah ia dibahaskan secara tertutup dan harmonis. Itu adalah amalan rakyat Malaysia. Sensitif, kita senyap dan selesai secara senyap-senyap.

Perbuatan pegawai agama yang tidak betul boleh diselesaikan secara senyap-senyap. Hendak menegur pegawai-pegawai agama ada caranya. Tidak perlulah mengkritik Islam hanya kerana hendak mengkritik pegawai-pegawai penguatkuasa. Kerajaan boleh memanggil pegawai agama berkenaan ke pejabat. Siasatan dilakukan dan boleh dikenakan tindakan yang sewajarnya.

Dalam isu ratu cantik anak-anak nakal ini, penguatkuasa JAIS disalahkan kerana tindakan mereka. Akan tetapi orang ramai boleh melihat kerajaan juga bertindak salah kepada jabatan agama. Ada rahmatnya peristiwa ini berlaku bagi perkembangan islam di negara ini. Kalau Malaysia tidak menjadi Negara Islam pada tahun 2020, Wawasan 2020 tidak akan bermakna bagi Islam di negara ini.

Umno akan berkuasa pada waktu yang panjang bagi masa-masa depan. Sikap Umno adalah jelas terhadap agama, sejak penubuhannya. Ia mempertahankan Islam sebagai agama rasmi tetapi ia tidak menerima Islam sebagai agama negara, atau konsep Negara Islam. Ia juga menolak fundamentalisme, walaupun fundamentalisme adalah Islam sebenar.

Bagaimanapun, Umno adalah parti pragmatik yang berubah mengikut zaman dan kehendak ahli dan pengundinya. Kalau rakyat Islam hendakkan negara Islam dalam erti kata yang sebenar - iaitu bersifat toleran dan adil kepada penganut agama lain, maka ia juga menerimanya.

Bagaimanapun, presiden-presiden Umno mempunyai sikap masing-masing terhadap agama. Walaupun secara garis besar, mereka mengikut fikrah Umno dalam soal beragama tetapi sebagai individu, pandangan mereka juga berbeza di antara satu sama lain. Dao' Onn, Tunku Abdul Rahman, Tun Razak, Hussein Onn dan Mahathir mempunyai pandangan masing-masing terhadap agama. Begitu juga dengan Anwar apabila dia menjadi Presiden Umno kelak. Mereka akan turut mewarnai Islam di Malaysia.